

## BAB II

### 2.0 PENDAHULUAN

Dalam bab ini, pengkaji akan memilih, menyenarai, membuat saringan dan menganalisis hadith-hadith yang menjelaskan berkaitan haiwan-haiwan fasiq dalam *al-Kutub al-Sittah*. Hadith-hadith yang dipilih melibatkan hadith-hadith yang menjelaskan mengenai ketujuh-tujuh jenis haiwan fasiq, sifat-sifat, keburukan dan hukum hakam berkaitan serta hadith-hadith pendekatan dan interaksi Rasullullah SAW dalam berhadapan dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) tersebut.

### 2.1 BENTUK DAN JENIS HADITH-HADITH PILIHAN

Sebelum menjalankan analisis, pengkaji perlu menegaskan bahawa pemilihan hadith-hadith berhubung haiwan-haiwan fasiq dalam *al-Kutub al-Sittah* adalah tertakluk kepada beberapa pembahagian: **[Pertama]**: Hadith yang menjelaskan tentang enam jenis haiwan fasiq iaitu tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, anjing liar dan ular. **[Kedua]**: Hadith yang menyebutkan tikus dan keburukannya. **[Ketiga]**: Hadith yang menyebutkan kala jengking dan keburukannya. **[Keempat]**: Hadith yang menyebutkan burung helang dan keburukannya. **[Kelima]**: Hadith yang menyebutkan burung gagak dan keburukannya. **[Keenam]**: Hadith yang menyebutkan anjing dan keburukannya. **[Ketujuh]**: Hadith yang menyebutkan ular dan keburukannya. **[Kelapan]**: Hadith yang menyebutkan cicak dan keburukannya. **[Kesembilan]**: Hadith yang menyebutkan pendekatan dan cara berinteraksi (*muāmalah*) dengan haiwan fasiq.

Keseluruhannya, dapat difahami bahawa bentuk-bentuk hadith pilihan adalah berasaskan konsep memahami setiap jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) yang

merangkumi sifat-sifatnya, hukum hakamnya dan pendekatan Nabi SAW dalam interaksi. Pengkaji tidak akan menyenarai dan memasukkan hadith-hadith tentang haiwan-haiwan lain, dan yang tidak berkaitan dengan persoalan haiwan fasiq kecuali dinyatakan untuk pemahaman menyeluruh atau mengukuhkan kenyataan pengkaji.

## 2.2 METODE DALAM MEMILIH DAN MENGANALISIS HADITH

Dalam memilih hadith-hadith berkaitan haiwan fasiq dalam *al-Kutub al-Sittah*, pengkaji telah menetapkan beberapa aspek pemilihan iaitu:

Pengkaji mengutamakan hadith-hadith berdasarkan kepada bentuk dan jenis hadith yang telah ditetapkan sebelum ini. Hal ini supaya skop kajian dapat difokuskan dan tidak tersasar daripada objektif ditetapkan.

Pengkaji mendahului matan-matan hadith riwayat Imam al-Bukhārī dan Imam Muslim berbanding hadith-hadith riwayat baki empat Imam yang lain (Abū Dāwūd, al-Tirmidhī, al-Nasā'ī dan Ibn Mājah). Jika terdapat matan yang sama, maka pengkaji akan mendahului matan daripada riwayat al-Bukhārī dan Muslim. Namun, jika terdapat hadith-hadith yang bukan diriwayatkan oleh al-Bukhārī dan Muslim, maka hadith-hadith tersebut akan dilakukan penelitian taraf hadith agar kenyataan dan hujah yang dikemukakan dapat diketahui kesahihannya sama ada diterima atau ditolak.<sup>204</sup>

Keseluruhan hadith-hadith yang dikenal pasti akan dikumpul dan disenaraikan berdasarkan tajuk-tajuk khusus yang menyentuh tentang haiwan-haiwan fasiq dan

---

<sup>204</sup> Metode penelitian bagi menetapkan sesuatu hukum atau taraf bagi sesuatu hadith adalah dengan merujuk dan mengumpulkan kepada beberapa pendapat ulama terhadap hadith sama ada diterima atau ditolak serta penelitian pengkaji terhadap aspek sanad dan matan hadith. Penelitian sanad hadith adalah merujuk kepada aspek *al-jarh wa al-ta'dil* terhadap perawi hadith itu. Manakala penelitian matan hadith adalah dengan penilaian daripada pelbagai aspek yang berkaitan dengan matan iaitu 'illah (kecacatan), *syādh* (keganjilan), atau *ta'ārad* (percanggahan) dari aspek matan dan *fiqh al-Hadīth* dan lain-lain.

perbincangan berkaitan. Akan terdapat hadith-hadith berulang memandangkan sebahagian dari hadith-hadith tersebut menjelaskan perkara yang sama seperti jenis-jenis haiwan fasiq.

Terdapat beberapa perkara yang diberi penekanan oleh pengkaji untuk memahami hadith dan fokus hadith terbabit. Perkara-perkara yang diberi penekanan tersebut ialah membentangkan matan (teks) hadith berserta nama perawi *al-A'lā* (iaitu dari kalangan sahabat RA) yang dipilih, terjemahan hadith, sumber hadith dari *al-Kutub al-Sittah*, ulasan riwayat hadith dan perbahasan hadith.

Dalam perkara ulasan riwayat hadith, pengkaji akan menjelaskan riwayat-riwayat berbeza bagi hadith yang dipilih tersebut jika ada, makna kalimah-kalimah *gharībah*, serta hukum hadith jika bukan dari riwayat al-Bukhārī dan Muslim. Penjelasan berhubung ulasan riwayat hadith, dicatatkan oleh pengkaji pada bahagian nota kaki (*footnote*) sahaja.

Dalam perbincangan hadith, pengkaji merujuk kepada kitab-kitab ulasan hadith untuk menjelaskan topik-topik perbahasan berkaitan. Pengkaji menggunakan pendekatan berbeza ketika membahaskan hadith. Pengkaji tidak akan menjelaskan secara panjang lebar terhadap sesuatu hadith melainkan hanya menyatakan topik-topik utama yang disandarkan kepada hadith pilihan pengkaji.

### **2.3 HIMPUNAN DAN TAKHRIJ RINGKAS HADITH-HADITH HAIWAN FASIQ (HAIWAN PEROSAK) DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH**

Perbahasan dalam tajuk ini dikhurasukan terhadap hadith-hadith yang menjelaskan tentang kelompok haiwan fasiq, sifat-sifat dan keburukan setiap jenis haiwan fasiq yang terdiri dari tikus, kala jengking, helang, gagak, anjing, ular dan cicak sahaja. Pengkaji tidak akan memperincikan perbahasan terhadap hadith-hadith yang menjelaskan konsep fasiq dan

kisah-kisah haiwan fasiq. Pada tajuk di bawah, pengkaji memaparkan senarai hadith berhubung kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) dan hadith interaksi Nabi SAW dengan haiwan fasiq serta taburannya dalam *al-Kutub al-Sittah*. Selepas itu, perincian perbahasan ditumpukan kepada hadith-hadith berkenaan sifat, keburukan, hukum hakam dan kaedah interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak) sahaja.

### **2.3.1 Taburan Dan Jumlah Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Dalam *al-Kutub al-Sittah***

Dari hasil penelitian, pengkaji telah menyenaraikan sebanyak 30 buah hadith yang terdiri daripada hadith-hadith yang menjelaskan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) yang boleh dibunuh, hadith-hadith yang menyebutkan sifat dan keburukan setiap jenis haiwan fasiq dimulai tikus, kala jengking, helang, gagak, anjing, ular dan cicak serta hadith-hadith pendekatan dan interaksi terhadap haiwan fasiq. Pengkaji hanya memaparkan *aṭrāf*<sup>205</sup> hadith sahaja beserta taburannya dalam *al-Kutub al-Sittah* seperti mana jadual di bawah:

Jadual 2.0: Taburan Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Secara Umum Dalam *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Berulang)

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
1.	خَمْسٌ قَوَاسِقُ يُقْتَلُنَّ فِي الْحَرْمَ الْفَارَّةُ، وَالْعَقْرُبُ، وَالْحَدَّيَا، وَالْعُرَابُ، وَالْكَلْبُ الْغَقْوُرُ	6	16	3	2	14	3

Singkatan Abjad: B (al-Bukhāri), M (Muslim), AD (Abū Dāwūd), T (al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī), dan IM (Ibn Mājah)

<sup>205</sup> Metode penulisan secara *aṭrāf* adalah seperti dilakukan oleh Muḥammad al-Sa‘īd bin Basyūni Zaghūl dalam kitabnya berjudul *Mawsū‘ah Aṭrāf al-Hadīth al-Nabawī al-Sharīf*. Kitab ini mengandungi potongan-potongan hadith yang dipetik daripada 150 buah kitab hadith dan ia disusun mengikut susunan huruf *hija’iyah* (iaitu bermula dari huruf *alif* hingga *yā*). Melalui kaedah *aṭrāf* ini ia memberi kemudahan kepada pembaca untuk merujuk hadith-hadith dan seterusnya mencari sumbernya. Namun, pengkaji hanya mencatatkan pangkal hadith tanpa susunan mengikut susunan huruf *hija’iyah*. Tetapi menekankan kepada aspek periyawatan yang bermula daripada al-Bukhāri dan seterusnya *ashāb al-Sunan* yang lain.

Jadual 2.1: Taburan Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Secara Khusus Dalam *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Berulang)

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
<b>Hadith-Hadith Tikus</b>							
1.	حُمِّرُوا الْأَيْتَة، وَأَوْكُوا الْأَسْقِيَة، وَأَجْبَعُوا الْأَبْوَاب، وَأَخْكُمُوا صِبَانَكُمْ	2	3	2	2	-	2
2.	الْفَارَّةُ سَسَحَ وَآتَهُ دِلْكَ	-	2	-	-	-	-
3.	عَنِ الدَّائِيَةِ مُوكُثٌ فِي الرَّيْتِ وَالسَّمْنِ وَهُوَ جَامِدٌ أَوْ غَيْرُ جَامِدٍ الْفَارَّةُ أَوْ غَيْرُهَا	5	-	2	1	3	-
<b>Hadith-Hadith Kala Jengking</b>							
1.	لَعَنَ اللَّهِ الْعَفْرُ مَا تَدْعُ الْمُصَاتِلِ	-	-	-	-	-	2
2.	جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ قَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا لَقِيتُ مِنْ عَفْرٍ لَدَعْنِي الْبَارِحةَ	-	2	2	-	-	1
3.	رَحَّصَ رَسُولُ اللَّهِ فِي الْقُبْيَةِ مِنَ الْحَيَةِ وَالْعَفْرِ	-	-	-	-	-	1
4.	يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرَّقِيِّ، وَأَنَا أَرْقِي مِنْ الْعَفْرِ	-	3	-	-	-	-
5.	اَقْتُلُو الْأَسْوَدَيْنِ فِي الصَّلَاةِ : الْحَيَةُ وَالْعَفْرِ	-	-	1	1	2	1
<b>Hadith-Hadith Burung Helang</b>							
1.	حُمْسُ فَوَاسِقَ يُقْتَلُنَّ فِي الْحَلْلِ وَالْحُرْبِ : الْمَدَّأُ ، وَالْغُرَابُ	-	-	-	-	2	-
2.	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنْ كُلِّ ذِي نَابِ مِنَ الْبَيْاعِ	-	3	2	-	1	1
<b>Hadith-Hadith Burung Gagak</b>							
1.	مِنْ يَأْكُلُ الْغَرَابَ ، وَقَدْ سَمَّاهُ رَسُولُ اللَّهِ فَاسِقاً	-	-	-	-	-	2
2.	نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنْ نَفْرَةِ الْغَرَابِ ، وَاقْرَأَشِ السَّبْعَ	-	-	1		1	1
<b>Hadith-Hadith Anjing</b>							
1.	لَوْلَا أَنَّ الْكِلَابَ أَمْمَةٌ مِنَ الْأَمْمِ لَأَمْرَثَ بِيَتْلِهَا كُلُّهَا	-	-	1	2	1	1
2.	إِذَا وَلَعَ الْكِلَبُ فِي إِنَاءِ أَخْدِيمِكُمْ		6	3	1	10	4
3.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: " أَمْرَ بِيَقْتَلِ الْكِلَابِ	3	8	1	2	3	3
4.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: " أَمْرَ بِيَقْتَلِ الْكِلَابِ	3	3	1	3	-	2
<b>Hadith-Hadith Ular</b>							
1.	اَقْتُلُو الْحَيَّاتِ وَاَقْتُلُو ذَا الطَّفَيْتِينِ وَالْأَنْزِرِ	4	6	2	1	-	2
2.	مَا سَأَلَنَا حَفَّ مُنْدُ حَارِشَاهُنَّ، وَعَنْ تَرْكِ شَيْئًا مِنْهُنَّ حِيفَةٌ	-	-	3		1	-
3.	إِذَا ظَهَرَتِ الْمُلْعِيَّةُ فِي الْمَسْكَنِ، فَقُوْلُوا لَهَا : إِنَّا نَسْأَلُكَ بِعَهْدِ نُوحٍ	-	-	1	1	-	-
4.	إِنَّ بِالْمَدِيْنَةِ نَفَرًا مِنَ الْجِنِّ قَدْ أَسْلَمُوا ، فَمَنْ رَأَى شَيْئًا مِنْ هَذِهِ الْعَوَامِرِ	-	2	4	1	-	-
<b>Hadith-Hadith Cicak</b>							
1.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " لِلْوَزَغِ الْمُؤْسِكَةُ	2	1	-	-	1	1
2.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: " أَمْرَ بِيَقْتَلِ الْوَزَغَ ، وَقَالَ: كَانَ يَنْفَعُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ	1	-	-	-	1	1
3.	أَنَّ النَّبِيِّ: " أَمْرَهَا بِيَقْتَلِ الْأَوْزَاغَ	1	3	1	-	1	1

Singkatan Abjad: B (al-Bukhāri), M (Muslim), AD (Abū Dāwūd), T (al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī), dan IM (Ibn Mājah).

Jadual 2.2: Taburan Hadith-Hadith Pendekatan Dan Interaksi Terhadap Haiwan Fasiq Dalam *al-Kutub al-Sittah* (termasuk jumlah hadith berulang)

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
1.	مَنْ قَتَلَ وَرَغَّهُ فِي أَوَّلِ ضَرْبَةِ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةٌ،	-	3	2	1	-	1
2.	لَا ضَرَرَ وَلَا ضَرَارٌ	-	-	-	-	-	2
3.	إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَخْسِنُوا الْقَتْلَةَ	-	2	1	1	5	1
4.	تَرَلَ نَبِيٌّ مِّنَ الْأَئِمَّةِ تَحْتَ شَجَرَةٍ فَلَدَعَهُ	1	2	1	-	-	-
5.	مَنْ قَتَلَ غَصْنَفُورًا عَيْنَاهُ، عَيْنَ إِلَى اللَّهِ يَوْمُ الْقِيَامَةِ،	-	-	-	-	1	-
6.	تَهَيَّ رَسُولُ اللَّهِ عَنِ الضرُوبِ فِي الْوَجْهِ، وَعَنِ الْوُسْمِ فِي الْوَجْهِ	-	1	1	1	-	-

Singkatan Abjad: B (al-Bukhāri), M (Muslim), AD (Abū Dāwūd), T (al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī), dan IM (Ibn Mājah).

### 2.3.2 Senarai Dan Ulasan Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Dalam *al-Kutub al-Sittah*

**Hadith Pertama:** Hadith yang menjelaskan tentang enam jenis haiwan fasiq iaitu tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, anjing liar dan ular.

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ : " حَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُعْتَلُنَ فِي الْحَرَمِ الْفَأْرَةُ ،  
وَالْعُقُبَرُ، وَالْخَدَّيَّا، وَالْعُزَابُ، وَالْكَلْبُ الْعَفُورُ "

Terjemahan: *Diriwayatkan dari Saidatina ‘Aishah RA, Nabi SAW bersabda: “Lima haiwan fasiq dan boleh dibunuh di tanah haram iaitu: tikus, kala jengking, burung helang, burung gagak, dan anjing liar.”*

#### Sumber Hadith:

- Şahih al-Bukhāri: {Kitab Bad‘ al-Khalq, Bāb Idhā Waqa‘a al-Dhubāb fī Shirāb Aḥadikum Falyaghmishu Fainna fī Aḥad Janahaihi Dā’ wa fī al-Ākhar Shifā’ wa Khams min al-Dawāb Fawāsiq Yaqtulna fī al-Ḥarām, no. Hadith 3314,<sup>206</sup> 3315}<sup>207</sup>

<sup>206</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhāri, *Al-Jāmi’ al-Şahīh al-Musnad Min Ḥadīth Rasūllillāh wa Sunanīh wa Ayyāmīh* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 446.

<sup>207</sup> *Ibid.*, 2: 446 dengan matan awal berlainan iaitu [يُحِسِنُ مِنَ الْمَوَابِ مِنْ قَتْلِهِنَّ وَهُوَ خَمْرٌ فَلَا جَنَاحٌ عَلَيْهِ] “Lima haiwan melata yang dibunuh oleh orang yang ihram tiada denda padanya.”

{Kitab Jazā’ al-Ṣid, Bāb Mā Yuqtal al-Muḥarram min al-Dawāb, no. Hadith 1826,<sup>208</sup> 1827,<sup>209</sup> 1828,<sup>210</sup> 1829}<sup>211</sup>

2. Sāḥīḥ Muslim: {Kitab al-Hajj, Bāb Mā Yandibu lil Muḥarram wa Ghairih Qatalahu Min al-Dawāb fi al-Ḥal wa al-Ḥarām, no. Hadith 2861,<sup>212</sup> 2862,<sup>213</sup> 2863,<sup>214</sup> 2864,<sup>215</sup> 2865,<sup>216</sup> 2866,<sup>217</sup> 2867,<sup>218</sup> 2868,<sup>219</sup> 2869,<sup>220</sup> 2870,<sup>221</sup> 2871,<sup>222</sup> 2872,<sup>223</sup> 2873,<sup>224</sup> 2874,<sup>225</sup> 2875,<sup>226</sup> 2876}.<sup>227</sup>

<sup>208</sup> Ibid., 2: 11 dengan matan yang pendek iaitu [خُمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ لَيْسَ عَلَى الْمُحْرِمِ بِي قَتْلِهِنَّ جَنَاحٌ].

<sup>209</sup> Ibid., 2: 11 dengan matan yang lebih pendek [يَقْتَلُ الْمُحْرِمُ].

<sup>210</sup> Ibid., 2: 11 Hadith ini diriwayatkan dengan awal matan yang sedikit berbeza iaitu [خُمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ لَا حِجْرٌ عَلَى مِنْ قَتْلِهِنَّ] : “Lima haiwan melata yang tiada denda bagi sesiapa yang membunuhnya.”

<sup>211</sup> Ibid., 2: 11. Hadith ini diriwayatkan dengan lafaz awal yang berbeza iaitu [خُمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ كُلُّهُنَّ فَاسِقٌ، يُقْتَلُهُنَّ بِالْحِجْرِ] : “Lima haiwan melata yang kesemunya fasiq dan boleh dibunuh di tanah Haram.”

<sup>212</sup> Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Sāḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 873. Matan hadith ini berlainan dengan hadith yang lain apabila menyebutkan hanya empat jenis haiwan fasiq yang boleh dibunuh di tanah haram dan halal [أربعةٌ كُلُّهُنَّ فَوَاسِقٌ بِالْحَلِّ وَالْحَرْمَنِ : الحَدَّاءُ، الْعَرَابُ، وَالْفَارَّةُ، وَالْكَلْبُ الْغَفُورُ].

<sup>213</sup> Ibid., 873 dengan penambahan “al-Abqa” pada burung gagak riwayat ‘Ā’ishah RA iaitu [خُمْسٌ فَوَاسِقٌ يُقْتَلُونَ ] في الْحَلِّ وَالْحَرْمَنِ : الْحَدَّاءُ وَالْعَرَابُ الْأَبْيَعُ وَالْفَارَّةُ وَالْكَلْبُ الْغَفُورُ وَالْحَدَّادُ].

<sup>214</sup> Ibid., 873.

<sup>215</sup> Ibid., 873.

<sup>216</sup> Ibid., 873.

<sup>217</sup> Ibid., 873 dengan matan berbeza yang diriwayatkan al-Zuhri dari ‘Ā’ishah RA iaitu [خُمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ لَا حِجْرٌ عَلَى مِنْ قَتْلِهِنَّ الْحَدَّاءُ، وَالْعَرَابُ، وَالْفَارَّاتُ، وَالْكَلْبُ الْغَفُورُ].

<sup>218</sup> Ibid., 873 dengan matan sedikit berbeza dari ‘Urwah bin al-Zubāyrah dari ‘Ā’ishah RA iaitu [خُمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ كُلُّهُنَّ فَوَاسِقٌ يُقْتَلُونَ ] في الْحَلِّ وَالْحَرْمَنِ].

<sup>219</sup> Ibid., 873 dengan awal matan sedikit berbeza dari Sālim dari Ibn ‘Umar RA iaitu [خُمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ لَا حِجْرٌ عَلَى مِنْ قَتْلِهِنَّ الْعَفَرُ].

<sup>220</sup> Ibid., 874 dengan awal matan sedikit berbeza riwayat Ibn ‘Umar RA dari Ḥafṣah RA iaitu [خُمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ كُلُّهُنَّ فَاسِقٌ، يُقْتَلُهُنَّ بِالْحِجْرِ] : العَفَرُ، وَالْحَدَّاءُ، وَالْعَرَابُ، وَالْفَارَّةُ، وَالْكَلْبُ الْغَفُورُ.

<sup>221</sup> Ibid., 874 dengan matan yang berbeza iaitu [أَنْ رَجُلًا سَأَلَ أَنَّ غَمْرَ مَا يَقْتَلُ الْمُحْرِمِ مِنَ الدَّوَابِ؟، فَقَالَ : أَنْتَ بَرِئٌ مِّنْ قَتْلِ الْمُحْرِمِ، وَالْعَفَرِ،] : sesungguhnya seorang lelaki telah bertanya kepada Ibn ‘Umar apakah haiwan yang boleh dibunuh orang yang sedang ihram ? Ibn ‘Umar pun berkata: "Telah dikhaskan kepadaku salah seorang isteri Nabi SAW (Hafsah binti ‘Umar) bahawa Nabi SAW telah memerintahkan orang ihram memburuh tikus, kala jengking, burung helang, anjing liar dan burung gagak."

<sup>222</sup> Ibid., 874. Pada hadith ini, matan yang diriwayatkan dari Ibn Umar sedikit berbeza dengan hadith sebelumnya selain turut menyebutkan sebanyak enam jenis haiwan fasiq termasuk ular. [يَقْتَلُ الْكَلْبُ الْغَفُورُ، وَالْفَارَّةُ، وَالْعَرَابُ، وَالْحَدَّادُ، وَالْعَفَرُ]. Di samping itu, turut dinyatakan tambahan pada akhir matan iaitu [وَنِصْلَةٌ أَيْضًا] yang menunjukkan haiwan itu boleh dibunuh di dalam apa jua keadaan dan ianya tidak terhad bagi orang yang ihram sahaja.

<sup>223</sup> Ibid., 874 dengan awal matan sedikit berbeza [خُمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ لَيْسَ عَلَى الْمُحْرِمِ بِي قَتْلِهِنَّ جَنَاحٌ].

<sup>224</sup> Ibid., 874, no. 2873 dengan riwayat dari Nafī’ dari Ibn ‘Umar RA : خَذَنَا أَبُو حَمْيَرٍ، قَالَ : مُلْتَ تَنَافِعٌ : مَاذَا شَغَّفَتْ أَبْنَى غَمْرَ بَحْرِ الْحَرَامِ قَتْلَهُ مِنَ الدَّوَابِ؟، فَقَالَ لِي تَنَافِعٌ []: قَالَ عَيْدُ اللَّهِ : بَعْثَتِ الْمُحْرِمُ : خُمْسٌ مِّنَ الدَّوَابِ لَا حِجْرٌ عَلَى مِنْ قَتْلِهِنَّ] في الْحَلِّ وَالْحَرْمَنِ : الْعَرَابُ، وَالْحَدَّاءُ، وَالْعَفَرُ، وَالْفَارَّةُ، وَالْكَلْبُ الْغَفُورُ.

<sup>225</sup> Ibid., 874.

<sup>226</sup> Ibid., 874 dengan matan yang sedikit berbeza [خُمْسٌ لَا جَنَاحٌ في قَتْلِ مَا قُلَّ مِنْهُنَّ ] في الْحَلِّ وَالْحَرْمَنِ : الْعَرَابُ، وَالْحَدَّاءُ، وَالْعَفَرُ، وَالْفَارَّةُ، وَالْكَلْبُ الْغَفُورُ].

3. Sunan Abū Dāwūd: {Kitab al-Manāsik, Bāb Mā Yaqtul al-Muḥarram Min al-Dawāb, no. Hadith 1846,<sup>228</sup> 1847,<sup>229</sup> 1848}.<sup>230</sup>
4. Jāmi’ al-Tirmidhī: {Kitab al-Hajj, Bāb Mā Yaqtul al-Muḥarram Min al-Dawāb, no. Hadith 837,<sup>231</sup> 838}<sup>232</sup>
5. Sunan al-Nasā’ī: {Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Mā Yaqtul al-Muḥarram Min al-Dawāb Qatl al-Kalb al-‘Aqūr, no. Hadith 2828}<sup>233</sup> {Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Qatl al-Hayat, no. Hadith 2829}<sup>234</sup> {Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Qatl al-Fa’rat, no. Hadith 2830}<sup>235</sup> {Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Qatl al-‘Aqrab, no. Hadith 2832}<sup>236</sup> {Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Qatl al-Hid’at, no. Hadith 2833}<sup>237</sup> {Kitab Manāsik

<sup>227</sup> Ibid., 874 riwayat ‘Abd Allāh bin Dīnār dari Ibn ‘Umar dengan lafaz matan yang sedikit berbeza dari Yahyā bin Yaḥyā [حسن من فتنته] . مُحَمَّد حَمَّادٌ فِي حَجَّاجٍ عَلَيْهِ فِيهِنْ : الْعَقُورُ، وَالْفَأْرُ، وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ، وَالْعُرَابُ، وَالْمُنْدَبُ].

<sup>228</sup> Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, Sunan Abū Dāwūd (Riyadh: al-Maktabah al-Ma’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 321. Hadith ini telah diriwayatkan dengan lafaz awal matan yang sedikit berbeza tapi masih mengekalkan maksud yang sama [حسن لآخناع في فتنته على من قتلهم في الحرام والسمى]: “Lima haiwan melata yang tiada ganjaran (denda) dalam membunuh bagi orang yang membunuhnya di tanah haram dan halal.”

<sup>229</sup> Ibid., 321. Hadith ini telah diriwayatkan dengan awal matan [حسن قتلهم حلال في الحرام]: *Lima haiwan yang halal dibunuh di tanah haram*” dan di dalamnya tidak disebutkan “gagak” dalam kalangan haiwan fasiq sebaliknya digantikan dengan ular.

<sup>230</sup> Ibid., 321. Hadith ini menyebutkan berkenaan tujuh kategori haiwan fasiq yang boleh dibunuh oleh orang yang ihram iaitu ular, kala jengking, tikus, gagak, anjing dan haiwan buas yang biasa (secara adatnya) mengancam manusia sebagaimana matan [أنَّ الْتَّيْمَ مُحَمَّلٌ عَلَيْهِ بِفَتْنَةٍ] . السُّنْنُ الْعَادِيُّ ، قال: ”الْجَنْجُونُ وَالْعَقُورُ وَالْفَأْرُ وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ وَالْعُرَابُ وَلَا يَقْتُلُهُ وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ وَالْجَنْجُونُ وَالْعُرَابُ وَالْمُنْدَبُ“]. Namun begitu, hadith ini dinilai *da’if* oleh Imam al-Albānī disebabkan terdapat tambahan lafaz yang mungkar pada matan berkaitan burung gagak [وَيَرِثُ الْعُرَابُ وَلَا يَقْتُلُهُ]: “*balinglah (lempari/halau) burung gagak dan jangan membunuhnya.*” Ini bersalah dengan riwayat hadith lain yang mengharuskan membunuh gagak di tanah haram dan halal. Maksud [السنن العادي] menurut al-Mubārak Fūrī ialah “*haiwan zalm dan liar yang (biasa) mengancam manusia. Setiap haiwan yang memiliki sifat-sifat yang disebutkan daripada singa, beruang dan seumpama dengannya adalah boleh dibunuh.*” Imam al-Shāfi’ī juga ada menyatakan bahawa ia bermaksud “*setiap haiwan zalm dan liar yang (biasa) mengancam manusia atau haiwan ternakan, maka ia boleh dibunuh.*” Ibn al-‘Arabī dalam kitabnya, *Ahkām al-Qur’ān* pula menyatakan penggunaan [السنن العادي] hanya sebagai peringatan dan penguat kepada *illah* bahaya haiwan-haiwan fasiq. Rujuk Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 185; Muḥammad ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Rahmān al-Mubārak Fūrī, *Tulṣīfah al-Āhwadhi bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī* (t.t.p., Dār al-Fikr lil Tabā’ah wa al-Tawzī’, t.t.), 3: 577.

<sup>231</sup> Abū ‘Isā al-Tirmidhī, Sunan al-Tirmidhī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li Nashr wa al-Tawzī’, 1996), 204.

<sup>232</sup> Ibid., 204-205 dengan tambahan matan [يُفْتَنَ الْمُسْخَرُمُ : السُّنْنُ الْعَادِيُّ وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ وَالْفَأْرُ وَالْعُرَابُ وَالْمُنْدَبُ] iaitu “*orang ihram dibenarkan membunuh haiwan zalm dan liar yang (biasa) mengancam manusia, anjing liar, tikus, kala jengking dan burung helang.*” Hadith ini dinilai *da’if* oleh Imam al-Albānī oleh kerana terdapat perawi Yazid bin Abi Ziyād dalam riwayat yang dikritik ulama jarh wa al-ta’ādil sebagai “*da’if al-hadīth.*”

<sup>233</sup> Abū ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu’āib bin ‘Alī al-Nasā’ī, Sunan al-Nasā’ī (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 439 dengan awal matan yang sedikit berbeza [حسن ليس على المُسْخَرِمِ في فتنته حجاج].

<sup>234</sup> Ibid., 439 dengan tambahan matan [الْعُرَابُ أَكْبَعُ] iaitu satu spesies gagak yang terdapat di tanah Arab. Pada hadith ini, ia dimulai dengan menyebutkan ular supaya bersesuaian dengan bab khusus berkaitan perintah membunuh ular.

<sup>235</sup> Ibid., 439 dengan awal matan berbeza iaitu [إِذْنٌ فِي قَتْلٍ حَمِيسٍ مِّنَ الدَّوَابِ لِلْمُسْخَرِمِ]: “*Diizinkan bagi orang yang sedang ihram membunuh lima haiwan melata.*”

<sup>236</sup> Ibid., 439 dengan awal matan yang lebih panjang iaitu [حسن من الدَّوَابِ لَجُنَاحٍ عَلَى مُنْفَتِهِ أَوْ فِي فَتْنَهِ وَمُؤْخَرِهِ].

<sup>237</sup> Ibid., 440.

al-Ḥajj, Bāb Qatl al-Ghurāb, no. Hadith 2834,<sup>238</sup> 2835}.<sup>239</sup> {Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bāb mā Yaqtul fī al-Ḥarām Min al-Dawāb, no. Hadith 2881}.<sup>240</sup> {Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bāb Qatl al-Ḥayat fī al-Ḥarām, no. Hadith 2882}.<sup>241</sup> {Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bāb Qatl al-‘Aqrab, no. Hadith 2887}.<sup>242</sup> {Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bāb Qatl al-Fa’rat fī al-Ḥarām, no. Hadith 2888,<sup>243</sup> 2889}.<sup>244</sup> {Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bāb Qatl al-Ḥid’at fī al-Ḥarām, no. Hadith 2890}.<sup>245</sup> {Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bāb Qatl al-Ghurāb fī al-Ḥarām, no. Hadith 2891}.<sup>246</sup>

6. Sunan Ibn Mājah: {Kitab al-Manāsik, Bāb Yaqtul al-Muḥarram, no. Hadith 3087,<sup>247</sup> 3088,<sup>248</sup> 3089}.<sup>249</sup>

### **Perbahasan Hadith:**

#### **Pertama: Fasiq Dan Signifikannya Kepada Haiwan**

Penggunaan “*fasiq*” bagi manusia bermakna keluarnya seseorang dari jalan ketaatan kepada Allah SWT dan banyak melakukan maksiat. Manusia *fasiq* disebut sebagai “*al-‘Āṣi*”.<sup>250</sup> Manakala penggunaan “*fasiq*” pada haiwan bermaksud dicabut kehormatan sebahagian

<sup>238</sup> *Ibid.*, 440.

<sup>239</sup> *Ibid.*, 440. Hadith ini diriwayatkan dengan awal matan yang sedikit berlainan iaitu [جَمِيعُ الْمُؤْمِنِينَ لَا يَخْرُجُ فِي قَتْلَهُنَّ عَلَىٰ مِنْ قَاتَلُهُنَّ فِي الْحُرُجِ وَالْإِحْرَامِ].

<sup>240</sup> *Ibid.*, 446.

<sup>241</sup> *Ibid.*, 446.

<sup>242</sup> *Ibid.*, 447.

<sup>243</sup> *Ibid.*, 447.

<sup>244</sup> *Ibid.*, 447.

<sup>245</sup> *Ibid.*, 447.

<sup>246</sup> *Ibid.*, 447.

<sup>247</sup> Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 524.

<sup>248</sup> *Ibid.*, 524.

<sup>249</sup> *Ibid.*, 524 dengan matan [عَنِ النَّبِيِّ أَنَّهُ قَالَ: ”يَقْتُلُ الْمُشْرِكُونَ: الْمُتَّهِّرُونَ، وَالْعُمَّارُ، وَالْكَلْبُ الْعَفُورُ، وَالنَّفَّارَةُ الْمُؤْسِيَّةُ“، قَوْلَنَّ لَهُ: لَمْ يَقْتُلْ لَهَا الْمُؤْسِيَّةُ؟، قَالَ: لَأَنَّ رَسُولَ اللَّهِ أَسْتَيْقِظُ [هَذِهِ]، وَقَدْ أَخْدَبَ النَّفَّارَةَ الْمُؤْسِيَّةَ بِهَا أَبْيَثَتْ

<sup>250</sup> Muḥammad ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Rahīm al-Mubārak Fūnī, *Tuhfah al-Āhwadhi bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī*, (t.p., Dār al-Fikr lil Ṭabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.), 3: 576.

haiwan<sup>251</sup> disebabkan sifatnya yang membawa datang kemudaran, kehinaan dan kemuksuhan kepada manusia.<sup>252</sup>

Berkaitan istilah [الدَّوَابِ] iaitu haiwan melata, para ulama bersepakat penggunaan istilah ini tidak terhad kepada haiwan darat bahkan meliputi burung-burung yang terbang di awan. Ini berdasarkan dalil keumuman<sup>253</sup> firman Allah SWT,

وَمَا مِنْ دَآبَةٍ فِي الْأَرْضِ إِلَّا عَلَى اللَّهِ رِزْقُهَا وَيَعْلَمُ مُسْتَقْرَرَهَا وَمُسْتَوْدَعَهَا كُلُّ فِي كِتَابٍ مُّبِينٍ

Hūd 11: 6

Terjemahan: “Dan tiadalah sesuatu pun dari makhluk-makhluk yang bergerak di bumi melainkan Allah jualah yang menanggung rezekinya dan mengetahui tempat kediamannya dan tempat ia disimpan. Semuanya itu tersurat di dalam Kitab (Laūh Mahfūz) yang nyata.”

Ketujuh-tujuh haiwan fasiq kesemua memiliki sifat zalim yang mengancam kesejahteraan hidup.<sup>254</sup> Berkenaan empat, lima, enam atau tujuh jenis haiwan fasiq,<sup>255</sup>

<sup>251</sup> *Ibid.*, 3: 576.

<sup>252</sup> *Ibid.*, 3: 575, dan Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 45.

<sup>253</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 45.

<sup>254</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Haq al-‘Azīm Ābādī, *‘Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 300.

<sup>255</sup> Berkenaan jumlah sebenar haiwan yang disifatkan sebagai haiwan fasiq, Imam al-Suyūṭī telah menyatakan bahawa lima jenis haiwan fasiq yang utama iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak dan anjing sebagaimana diriwayatkan oleh Ibn ‘Umar RA tidak bermaksud ianya khusus kepada lima jenis haiwan itu sahaja. Ia hanya merupakan salah satu bentuk *i’tibār* (contoh) dalam menyatakan jenis haiwan fasiq dan tidak menjadi dasar ketetapan dalam hujah dan hukum hanya bagi kelima-lima jenis haiwan itu sahaja. Kemungkinan Nabi SAW menyebutkan kelima-lima jenis haiwan ialah pada mulanya dan kemudiannya baginda SAW menyebutkan selepas itu jenis-jenis haiwan yang lain yang sama hukum fasiqnnya dengan lima haiwan yang utama. Maka, bilangan “lima” haiwan fasiq ini tidaklah tetap. Turut dinyatakan dalam sebahagian riwayat ‘Ā’ishah RA dengan lafadz “empat” dan juga “enam”. Adapun hadith yang menyatakan “empat” jenis haiwan fasiq yang dikeluarkan oleh Imam Muslim riwayat al-Qāsim dari ‘Ā’ishah RA dengan tidak menyebutkan gagak. Manakala “enam” jenis haiwan fasiq sebagaimana dinyatakan Imam Muslim riwayat dari Abū ‘Uwānah dari ‘Ā’ishah RA pula ditambah ular. Dalam hadith riwayat Abū Sa‘id al-Khudri pula, disebutkan sebanyak “tujuh” jenis haiwan fasiq dengan tambahan “al-Sab’ u al-‘Ād” iaitu haiwan buas yang biasa secara adatnya memusuhi manusia. Selain itu, dalam hadith riwayat Abū Hurairah RA yang dikeluarkan oleh Ibn Khuzaimah, ada dinyatakan harimau dan serigala yang menjadikan “sebilan” haiwan fasiq. Hadith ini juga turut dikeluarkan oleh Ibn Abū Shaibah, Sa‘id bin Mansūr dan Abū Dāwūd dari jalan Sa‘id bin Musayyib. Lihat ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mīrāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 24: 390-391, dan Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 44.

hanya untuk menunjukkan persepakatan ulama tentang ‘*illah* sifat haiwan tersebut iaitu “menyakiti” (*‘aqūr*), “tidak bermanfaat” dan “suka berbuat kerosakan”<sup>256</sup> pada manusia.<sup>257</sup>

Dalam bahasa mudahnya, ia bermaksud “*haiwan perosak*” iaitu haiwan-haiwan yang melanggar sunnatullāh sebagai makhluk yang sepatutnya tunduk kepada pemerintahan manusia sebagai khalifah Allah SWT<sup>258</sup> dan menambah kemusnahan di muka bumi.<sup>259</sup>

Perkaitan tikus, cicak dan haiwan lain yang dinamakan Nabi SAW sebagai fasiq, hanya sebagai satu bentuk perumpamaan (*isti’ārah*) kepada aspek kemudaratan yang dibawa oleh haiwan-haiwan berikut.<sup>260</sup> Imam Ibn Daqīq al-‘Aīd ada menyatakan,

*“Memperlakukan hukum tersebut (memanggil fasiq) pada semua haiwan yang mempunyai sifat “mengganggu (menyakiti manusia)” merupakan pandangan yang kuat menurut ulama qias. Ini jelas menurut isyarat nas yang membolehkan membunuh kelompok haiwan tertentu, kerana sifatnya yang fasiq, yakni melampaui batas.”<sup>261</sup>*

Jadi, faktor utama haiwan dikaitkan dengan istilah fasiq amat berkaitan dengan sifat “mengganggu”, “mendatangkan mudarat,” dan “melampaui batas” haiwan-haiwan tertentu kepada manusia. Imam al-Nawāwī ada menyatakan bahawa haiwan-haiwan tertentu digelar fasiq oleh kerana keluarnya hanya mengganggu dan membuat kerosakan di jalan yang biasa dilalui haiwan tunggangan.<sup>262</sup>

<sup>256</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*, (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 184.

<sup>257</sup> ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ītyūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 390, dan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.), 3: 313.

<sup>258</sup> *Ibid.*, 24: 398.

<sup>259</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.), 3: 312.

<sup>260</sup> Muḥammad ‘Abd al-Raḥmān bin ‘Abd al-Raḥīm al-Mubārak Fūrī, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhi* (t.p., Dār al-Fikr lil Ṭabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’), t.t.), 3: 576.

<sup>261</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 208.

<sup>262</sup> Yaḥyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 14: 97.

## Kedua: ‘Illah (Penyebab) Pada Haiwan Yang Membolehkannya Dibunuh

Para ulama telah bersepakat bahawa gelaran tikus sebagai haiwan fasiq adalah untuk mengisyaratkan semua haiwan yang mengganggu dengan cara merosak dan memotong-motong sesuatu. Penyebutan burung gagak dan helang pula untuk mengisyaratkan semua haiwan yang mampu mengganggu dengan cara menyambar. Manakala permisalan anjing ‘aqūr mengisyaratkan semua haiwan yang menyerang dengan gigitan taring.<sup>263</sup> Sebutan “‘aqrab” pula megisyaratkan semua haiwan yang mengancam melalui gigitan beracun.<sup>264</sup>

Hadith Rasullullah SAW menjadi dasar hukum berkenaan sifat-sifat kelompok haiwan fasiq.<sup>265</sup> Para ulama turut memasukkan spesies haiwan buas seperti serigala, harimau dan semua haiwan yang memusuhi manusia dalam kategori “*haiwan fasiq*”.<sup>266</sup>

Justeru, hukum ini terpakai dan boleh digunakan terhadap haiwan yang memiliki sifat yang sama dengan haiwan fasiq sebagaimana disebutkan Nabi SAW, tidak kira jantan atau betina dan membunuhnya tidak dikenakan fidyah atau denda.<sup>267</sup> Jumhur ulama turut

<sup>263</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, 10: 208-209, dan Muḥammad ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd al-Rahīm al-Mubārak Fūrī, *Tuhfah al-Ahwadhi bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhi*, (t.p., Dār al-Fikr li'l Tabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.), 3: 576.

<sup>264</sup> Ibn Qaṣār pula berpendapat bahawa peringatan sifat haiwan fasiq yang diberikan Nabi SAW terhadap anjing oleh kerana ia mampu menghadirkan gangguan dan ancaman kepada manusia. Burung helang dan burung gagak digelar fasiq oleh kerana khusus terhadap keberadaannya yang lebih dekat dengan tempat tinggal manusia dengan ada yang buas dan rakus dihuatiri mengancam. Adapun tikus dan cicak oleh kerana kerosakan dan kemusnahan yang mampu disebabkan olehnya dari segi penyakit dan kekotoran. Kala jengking dan ular pula kerana memiliki bisa yang mampu membunuh. Ini juga merupakan pegangan mazhab Imam al-Shāfi‘ī. Rujuk Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Sahīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.), 3: 313, dan ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fi Sharḥ al-Mujtabā*, (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliah lil Nashr, 1996), 24: 402.

<sup>265</sup> ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fi Sharḥ al-Mujtabā*, (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliah lil Nashr, 1996), 24: 390 dan 402.

<sup>266</sup> Pendapat ini turut disokong para pendokong mazhab Syafie, Maliki, Hanafi dan Hanbali. Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 207-208.

<sup>267</sup> Monika@Munirah Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam,” dalam *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD I)*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Sulaiman dan Faisal Ahmad Shah (Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 526-532, dan Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Abādī, *Aun al-Ma ’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 298-300.

mengharuskan umat Islam membunuh semua jenis haiwan yang bersifat dengan sifat fasiq<sup>268</sup> di tanah haram atau halal.<sup>269</sup>

*'Illah* yang terdapat pada haiwan-haiwan fasiq ini juga menjadi syarat diharuskan membunuh setiap haiwan bertaring dan haiwan yang berkuku tajam dari kalangan burung<sup>270</sup> serta menjadi kayu pengukur dalam bab memakannya bagi orang ramai mahupun orang yang sedang ihram.<sup>271</sup>

### **Ketiga:** Muamalah Antara Orang Yang Ihram Dengan Haiwan Fasiq

Dalam menilai interaksi kelompok haiwan fasiq dengan orang ihram, pengkaji membawakan pandangan Imam empat mazhab dalam hal ini. Pendapat ulama mazhab al-Shāfi'ī dan Ḥanbalī antara pendapat paling mudah difahami. Mereka telah membahagikan haiwan kepada tiga bahagian dan dinilai dari aspek hubungan dengan orang ihram iaitu:

**Pertama:** Haiwan yang disukai untuk dibunuh, tidak bermanfaat dan tidak boleh dimakan sepertimana ketujuh-tujuh haiwan yang disebutkan dalam hadith. Turut termasuk haiwan yang “*mengganggu*”, “*menyakiti*” dan “*mengancam*” manusia.<sup>272</sup> Inilah yang

<sup>268</sup> 'Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'ī al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi'rāj al-Dawliah lil Nashr, 1996), 24: 396, dan Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 207.

<sup>269</sup> Al-'Alāmah Abū al-Ṭayyib Muhammad Sham al-Haq al-'Azīz Ābādī, *Aān al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madinah: al-Maktabah al-Salafīyyah, 1969), 14: 173.

<sup>270</sup> Imam Malik juga telah menerangkan lagi akan hal ini dengan katanya: “*Setiap haiwan bertaring dan berkuku tajam (haiwan buas) yang tidak memusuhi manusia seperti kucing, musang, anjing hutan (dubuk) maka ia tidak boleh dibunuh oleh orang yang ihram, jika dibunuh, akan dikenakan fidyah. Begitu juga dengan serigala yang kecil, jika dibunuh juga akan dikenakan fidyah. Tidak mengapa membunuh haiwan yang lazimnya memusuhi manusia seperti singa, harimau, serigala, beruang dan lima haiwan fasiq sebagaimana yang ditegaskan Nabi SAW.*” Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Al-Ḥasan Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi' li Ahkām al-Qur'an* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 182, dan Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Saḥīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.), 3: 313.

<sup>271</sup> Kesimpulannya dalam perkara ini, Imam al-Shāfi'ī telah mengambil kira *'illah* sifat haiwan fasiq sebagai dalil pengharaman memakan haiwan-haiwan tersebut dan yang seumpama dengannya. Manakala Imam Malik pula mengambil kira haiwan yang mampu membawa kerosakan dan menyakiti manusia dalam menetapkan dasar hukum membunuh haiwan-haiwan fasiq dan yang seumpama dengannya. Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Saḥīḥ Muslim*, (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-'Ilmiyah, t.t.), 3: 313.

<sup>272</sup> Haiwan lain yang turut termasuk dalam kategori ini ialah khinzir, singa, harimau, serigala, dubuk, buaya, beruang, kutu, pepijat, tebuhan, hama dan yang seumpama dengannya. 'Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'ī al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 397.

digelar “kelompok haiwan fasiq.” Membunuhnya bagi orang ihram tidak dikenakan *dam* dan bagi orang ramai tidak dikenakan fidyah.<sup>273</sup>

**Kedua:** Haiwan yang boleh dibunuh, iaitu tidak boleh dimakan dagingnya. Haiwan dalam bahagian ini terbahagi kepada dua, iaitu haiwan yang bermanfaat dan berbahaya dan haiwan yang tidak bermanfaat dan tidak berbahaya. Berkenaan haiwan yang bermanfaat dan berbahaya, boleh digunakan manfaatnya dan tidak dibenarkan membunuhnya selagimana mempunyai manfaat serta tidak dilarang membunuhnya kerana ia bersifat memusuhi manusia dan haiwan ternakan.<sup>274</sup> Manakala haiwan yang tidak bermanfaat dan tidak berbahaya, makruh dibunuh, akan tetapi tidak haram.<sup>275</sup>

**Ketiga:** Haiwan yang boleh dimakan atau dilarang dibunuh. Bagi orang yang sedang ihram, tidak boleh membunuhnya. Jika dia melakukannya, maka wajib membayar *dam*.<sup>276</sup>

Ulama mazhab Maliki menyatakan sifat “*mengganggu atau mengancam*” merupakan kriteria utama haiwan fasiq. Maka, orang ramai dan orang yang sedang ihram boleh membunuh semua haiwan yang mengganggu dan mengancam mereka.<sup>277</sup> Ulama mazhab Hanafi pula membataskan haiwan fasiq sepetimana disebutkan dalam hadith Nabi SAW dan tidak perlu ditambah kecuali terdapat persepakatan ulama.<sup>278</sup> Ia terdiri dari enam

<sup>273</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.), 3: 314.

<sup>274</sup> Antara haiwan dalam kategori ini ialah helang buruan, al-Bāzī (sejenis helang) dan harimau kumbang dan yang seumpama dengannya yang bermanfaat pada manusia. ‘Ali bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhiyah al-‘Uqbā fi Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 397.

<sup>275</sup> Antara haiwan dalam kategori ini ialah kumbang, lalat, ulat, serangga, kumbang dan seumpamanya. *Ibid.*, 24: 397.

<sup>276</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 207.

<sup>277</sup> *Ibid.*, 10: 207.

<sup>278</sup> Imam al-Suyūtī ada menyebutkan di dalam “*al Asbāḥ an Nazāir*” bahawa haiwan terbahagi kepada empat bahagian:

1. Haiwan yang di dalamnya terdapat manfaat dan tidak berbahaya maka ia tidak boleh dibunuh.
2. Haiwan yang mengandung bahaya di dalamnya dan tidak bermanfaat maka dianjurkan untuk dibunuh seperti ular dan haiwan berbahaya lain.

jenis haiwan, iaitu tikus, helang, gagak, anjing liar, kala jengking termasuk ular kerana ada disebutkan dalam riwayat lain.<sup>279</sup>

Dalam bab memakan haiwan fasiq, Imam al-Shāfi’ī menyebutkan jika orang yang sedang ihram membunuh salah satu daripada tujuh ekor haiwan fasiq yang disebutkan dalam nas, maka tidak boleh dimakan dagingnya. Hal ini kerana terdapat sebahagian haiwan fasiq yang memiliki bisa, taring dan sengat yang memudaratkan. Sebahagiannya turut memiliki kutu dan virus berbahaya.

Walaupun gagak dan helang tidak termasuk dalam kalangan haiwan buas dan induk kuman berpenyakit, ia masih haiwan yang tidak disukai untuk dimakan dagingnya, selain tiada keperluan untuk memakannya di sisi syara’.<sup>280</sup>

#### **Keempat:** Ganjaran Pahala Bagi Orang Yang Membunuh Haiwan Fasiq

Perintah Nabi SAW supaya membunuh haiwan fasiq datang selepas baginda melarang orang ihram membunuh haiwan. Jadi, arahan supaya membunuh haiwan fasiq ini telah memansuhkan larangan terdahulu.<sup>281</sup>

---

3. Haiwan yang mengandung manfaat di dalamnya dari satu sisi namun berbahaya dari sisi lainnya seperti burung helang maka tidak dianjurkan dan tidak pula dimakruhkan untuk membunuhnya.

4. Haiwan yang tidak mengandung manfaat di dalamnya dan tidak pula berbahaya seperti ulat, serangga, kumbang maka tidaklah diharamkan dan tidak pula dianjurkan untuk membunuhnya.

Rujuk juga Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 3.

<sup>279</sup> Ulama’ mazhab Hanafi turut memasukkan serigala dalam kategori haiwan fasiq kerana ia ada disebutkan di dalam riwayat lain. Akan tetapi, serigala tidak boleh dibunuh kecuali ia terlebih dahulu memulakan ancaman. Orang yang membunuh selainnya akan dikenakan fidyah. Namun, pendapat ini mendapat kritikan dari Imam al-Shāfi’ī oleh kerana hadith Nabi SAW ini hanya sebagai suatu tapak dan dasar yang menjadi asbab musabab hukum perlu dibunuh bagi kelima haiwan fasiq yang dimaksudkan, iaitu “menganggu secara tabiat dan memiliki rasa permusuhan yang amat besar kepada manusia” dan tidak mungkin hanya khusus kepada enam ekor haiwan itu sahaja. Apa yang lebih teruk lagi ialah pendapat Zafar bin Hudhaīl. Dia menyatakan bahawa hanya serigala sahaja yang boleh dibunuh. Hal ini kerana serigala adalah haiwan yang asing dan mempunyai perangai yang ganas. Ini merupakan pendapat yang berlainan dengan hadith dan secara tidak langsung telah menolak kebenaran kata-kata Nabi SAW. Rujuk *Ibid.*, 8: 182; Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al., 10: 207-208, dan ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fi Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 400.

<sup>280</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīz Ābādī, *Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 300.

<sup>281</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Faṭḥ al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, 4: 45.

Berkenaan ganjaran pahala bagi orang yang telah membunuh haiwan fasiq, para ulama berselisih pendapat dalam memahami perintah Nabi SAW<sup>282</sup> berikut:

عَنْ سَالِمٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، سُئِلَ النَّبِيُّ عَمَّا يَعْتَلُ الْمُحْرَمُ مِنَ الدَّوَابِ ، فَقَالَ : " حَمْسٌ لَا جُنَاحَ  
فِي قَتْلِهِنَّ عَلَى مَنْ قَتَلَهُنَّ فِي الْحَلَّ وَالْحُرُمَ : الْعُقُربُ وَالْفَارَّةُ وَالْحِدَادُ وَالْعُرَابُ وَالْكَلْبُ  
الْعُغُورُ "

Terjemahan: Dari Sālim, dari ayahnya (Ibn ‘Umar RA), Nabi SAW ditanya *apakah haiwan yang boleh dibunuh oleh orang yang ihram, Maka Nabi SAW pun bersabda: “Lima jenis haiwan yang tiada ganjaran (denda) bagi sesiapa yang membunuohnya di tanah haram dan tanah halal: kala jengking, tikus, burung helang, gagak dan anjing liar.”*<sup>283</sup>

Hal ini menimbulkan perselisihan dalam kalangan ulama sama ada perintah Nabi SAW bermaksud wajib atau tidak. Abū ‘Uwānah<sup>284</sup> berpendapat meskipun zahir hadith membawa maksud wajib, namun hukumnya masih sunat dan harus.<sup>285</sup> Al-Bazzār pula berpendapat hadith perintah membunuh haiwan fasiq diucapkan selepas Nabi SAW menyedari bahaya yang dibawa haiwan tertentu kepada manusia, terutamanya kepada orang ihram yang diharamkan membunuh haiwan selama tempoh ihram. Jadi ini merupakan keizinan Nabi SAW dan tidak bermaksud wajib atau sunat.<sup>286</sup>

Kesimpulannya, membunuh haiwan fasiq adalah harus. Para ulama telah bersepakat bahawa membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak) merupakan sunnah Nabi SAW.

<sup>282</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fi Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 391.

<sup>283</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Manāsik, Bāb Mā Yaqtul al-Muḥarram min al-Dawāb, no. 1846. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ash‘ath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 321.

<sup>284</sup> Abu ‘Uwanah atau nama sebenarnya Ya’qūb bin Ishaq al-Isfarayīnī (wafat 316 H). Beliau seorang imam, hafiz dan thiqah. Beliau merupakan pengrang kitab al-Musnad al-Šāhiḥ al-Mustakhraj ‘alā Šāhiḥ Muslim.

<sup>285</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, *Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd*, 5: 298.

<sup>286</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Saḥīḥ al-Bukhārī*, 4: 45.

Ganjaran bagi orang yang membunuh haiwan-haiwan fasiq tetap ada oleh kerana merupakan perintah Nabi SAW.<sup>287</sup>

### **Hadith Kedua:** Hadith yang menyebutkan tikus dan keburukannya

عَنْ جَابِرِ ابْنِ عَبْدِ اللَّهِ عَنْهُمَا رَفِعَهُ قَالَ : حَمِّرُوا الْأَيْتَةَ، وَأَجِيفُوا الْأَبْوَابَ،  
وَأَكْفِتُوا صِبِيَانَكُمْ عِنْدَ الْعِشاَءِ، فَإِنَّ لِلْحِنْ اِنْتِشَارًا وَخَطْفَةً، وَأَطْفِئُوا الْمَصَابِيحَ عِنْدَ الرُّفَادِ،  
فَإِنَّ الْفُوَيْسَقَةَ رُبَّمَا اجْتَرَرَتِ الْفَتِيَّةَ فَأَخْرَقَتْ أَهْلَ الْبَيْتِ، قَالَ : ابْنُ جُرَيْجٍ وَحْيِبٍ ، عَنْ  
عَطَاءٍ فَإِنَّ لِلشَّيَاطِينِ

Terjemahan: “*Tutuplah bekas-bekas makanan kamu, lindungilah bekas-bekas minuman kamu, tutuplah pintu-pintu, (kurunglah) suruh anak-anak kamu masuk ketika waktu malam, ini kerana jin berkeliaran (pada waktu malam) dan tutuplah jendela-jendela kamu, (berwaspadalah kamu), ini kerana “al-fuwaisiqah” (tikus) mungkin akan membawa kain untuk cuba membakar rumah dan orang yang ada di dalamnya.*” Ibn Juraij dan Ḥabīb turut meriwayatkan dari ‘Atā’ tambahan: “*Sesungguhnya itu adalah syaitan.*”

### **Sumber Hadith:**

1. Ṣahīḥ al-Bukhārī: {Kitab Bad’ al-Khalq, Bāb idhā Waqa‘a al-Dhubāb fī Shirāb Aḥadikum Falyaghmishu Fainna fī Aḥad Janaḥaihi Dā’ wa fī al-Ākhar Shifā’ wa Khams min al-Dawāb Fawāsiq Yaqtulna fī al-Ḥarām, no. Hadith 3316}<sup>288</sup> {Kitab al-Isti’dhān, Bāb la Tatruk al-Nār fī al-Bayt ‘Ind al-Naum, no. Hadith 6295}.<sup>289</sup>
2. Ṣahīḥ Muslim: {Kitab al-Ashribah, Bāb Istihbāb Takhmīr al-Inā’ Wahuwa bi Tagħtiġiħ al-Inā’ wa Ikā’ al-Siqā’ wa Ighlāq al-Abwāb wa Dhikr Isma Allāh Ta‘ālā

<sup>287</sup> ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 391.

<sup>288</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣahīḥ al-Musnad Min ḥadīth Rasūllillāh wa Sunanīh wa Ayyāmīh* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 446-447.

<sup>289</sup> *Ibid.*, 4: 150 dengan matan yang lebih pendek dari Jābir bin ‘Abdillāh RA [جَبَرُ بْنُ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ تَعَالَى عَنْهُ أَنَّهُ أَخْرَقَتِ الْفَتِيَّةَ فَأَخْرَقَتْ أَهْلَ الْبَيْتِ].

‘Alaihā wa Iṭfa’ al-Sirāj ‘Ind al-Naum wa Kuf al-Ṣibyān wa al-Mawāshi Ba‘d al-Maghrib, no. Hadith 5246,<sup>290</sup> 5248,<sup>291</sup> 5249}<sup>292</sup>

3. Sunan Abū Dāwūd, {Kitab al-Ashribah, Bāb fī Ikā’ al-Āniat, no. Hadith 3732}.<sup>293</sup>  
 {Kitab al-Manāsik, Bāb Mā Yaqtul al-Muḥarram, no. Hadith 5247}<sup>294</sup>
  4. Sunan Tirmidhi: {Kitab al-At‘imah, Bāb Mā Jā’a fī Takhmīr al-Inā’ wa Iṭfa’ al-Sirāj wa al-Nār ‘Ind al-Naum, no. Hadith 1812}<sup>295</sup> {Kitab al-Adab, Bāb Mā Jā’a fī al-Faṣaḥah wa al-Bayān, no. Hadith 2857}.<sup>296</sup>
  5. Sunan Ibn Mājah: {Kitab al-Ashribah, Bāb Takhmīr al-Inā’}, no. Hadith 3410}<sup>297</sup>  
 {Kitab al-Manāsik, Bāb Mā Yaqtul al-Muḥarram, no. Hadith 3089}<sup>298</sup>

<sup>290</sup> Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Šahīh Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Hasīb al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Šalīh bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1038 dengan lafadz matan yang sedikit berbeza iaitu [أَنْ يَعْرِضُ عَلَى إِنْتِهَا غُودًا، أَوْ يَنْكِثُ بَارِيَّا، وَلَا يَقْتَصِي إِنَاءً، فَإِنَّمَا يَجِدُ أَهْدِمَّهُ لَأَنَّهُ يَعْرِضُ عَلَى إِنْتِهَا غُودًا، أَوْ يَنْكِثُ بَارِيَّهُ].

<sup>291</sup> *Ibid.*, 1038 dengan lafaz matan yang sama dengan yang sebelumnya, cuma sedikit berbeza pada akhir matan iaitu فإنَّ الْمُؤْسِسَةَ تُصْنَعُ عَلَى أَهْلٍ [فَإِنَّ الْمُؤْسِسَةَ تُصْنَعُ عَلَى أَهْلٍ].

<sup>292</sup> *Ibid.*, 1038 juga dengan lafaz matan yang sama dengan sebelumnya, cuma sedikit berbeza pada akhir matan iaitu [فَإِنَّ الْمُؤْمِنَةَ تُصْرَمُ إِلَيْهِ] أَعْلَمُ أَهْلَهِ.

<sup>293</sup> Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ash'ath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma 'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', 1988), 671-672 dengan perbezaan di akhir matan [وَإِنَّ الْفُوسْقَةَ فَضْلٌ عَلَى النَّاسِ بَعْدَهُمْ أَوْ بَيْنَهُمْ].

<sup>294</sup> *Ibid.*, 948 dengan matan yang lebih khusus tentang kelakuan buruk tikus yang cuba membakar rumah ketika Nabi SAW sedang tidur riwayat Ibn ‘Abbās RA iaitu:

Terjemahan: Dari Ibn 'Abbás RA katanya: "Suatu hari seekor tikus datang menyeret kain yang dipintal kemudian dilemparkan ke hadapan Rasulullah SAW yang sedang duduk di atas tikar. Kemudian kain dipintal yang dibawa tikus tadi terbakar sebesar wang dirham. Rasulullah SAW kemudian bersabda: "Apabila kalian tidur, matikanlah lampunya, kerana syaitan seringkali wujud seekor tikus yang membawa sesuatu (yang mudah dibakar) yang ditunjukkan ke lampu tersebut sehingga dapat membakar kalian."

<sup>296</sup> *Ibid.*, 638 dengan matan yang lebih ringkas riwayat ‘Aṭā’ dari Jābir ibn ‘Abdillah RA iaitu حُبِّوا الْأَيْتَمَةَ، وَأَوْكَدُوا الْأَشْقَابَ، وَأَجْلَوُا الْأَنْصَابَ، [وَأَطْعَمُوا التَّصَابِيَّ]

<sup>297</sup> Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 571.

<sup>298</sup> *Ibid.*, 524. no. 3089 dengan matan yang lain iaitu:

عن أبي سعيد، عن النبي صلى الله عليه وسلم: «يُمْلَأُ الشَّخْرُ: الْمِثْقَلُ، وَالْعَقْبَرُ، وَالشَّيْعُ الْعَادِي، وَالكَلْبُ الْعَمُورُ، وَالنَّارَةُ الْمُؤْسِقَةُ»، فَقَالَ لَهُ قَوْمٌ: «لَمْ يُقْرَأْ شَيْئًا مِنْ كُلِّهِ إِلَّا مَتَّعَنَا». قَالَ: «لَا إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ أَمْتَحَنُكُمْ لَهُ، وَقَدْ أَخْذَتُ الْفَيْيَةَ عَنِ الْجَنَاحِ الْمُبَشِّرِ بِالْمُنْتَهِيِّ إِلَيْهِ».

Terjemahan: Dari Abū Sa'īd al-Khudrī RA, dari Nabi SAW sabdanya: "orang yang sedang iħram ditaruhkan membunuh: ular, kala jengking, haiwan yang biasa mengancam manusia, anjing liar, dan tikus si kecil yang fasiq. Maka Abū Sa'īd ditanya, kenapa ia digelar dengan "al-fuwaissiqah" (si kecil yang fasiq)? Maka Abu Sa'īd pun menjawab: Rasullullah SAW terbangun dari tidur kerananya, (sedang) ia mengambil kain untuk cuba membakar rumah." Hadith ini telah dinilai da'iif oleh Imam al-Albānī oleh kerana terdapat perawi Yazid bin Abi Ziyad dalam riwayat yang dikritik ulama jarḥ wa al-ta'dil sebagai "da'iif al-hadīth." Menurut Imam al-Tabārī, hadith ini telah menerangkan tentang keperluan orang Islam menutup api sebelum tidur bagi mengelakkan kejadian

## Perbahasan Hadith:

### Pertama: Tikus Dan Sifatnya

Berkenaan asal kejadian tikus, Nabi SAW pernah bersabda,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ: "الْفَأْرُ مَسْخٌ وَآيَةٌ ذَلِكَ أَنَّهُ يُوضَعُ بَيْنَ يَدَيْهَا لَبْنُ الْغَنَمِ، فَتَسْرُّهُ وَيُوضَعُ بَيْنَ يَدَيْهَا لَبْنُ الْإِبِلِ، فَلَا تَذُوقُهُ

Terjemahan: Diriwayatkan dari Abū Hurairah RA katanya: “*Tikus adalah jelmaan (satu kaum dari Bani Isrā’īl yang telah hilang lenyap tanpa diketahui sebabnya dan aku kira mereka telah menjadi tikus), (jika) kamu lihat tanda-tandanya pada tikus, jika kamu memberinya susu kambing, ia akan meminumnya, dan jika kamu memberinya susu unta, ia tidak akan meminumnya.*”<sup>299</sup>

Al-Qādī ‘Iyād dalam menerangkan maksud hadith ini menyatakan tikus merupakan jelmaan salah satu kaum Bani Isrā’īl yang hilang, dipercayai ditukar Allah SWT menjadi tikus di mana ketika hidup telah diharamkan unta dan susunya ke atas mereka. Ka‘ab turut menyatakan hal ini ada disebutkan dalam Taurat dan kitab-kitab terdahulu.<sup>300</sup>

Dari aspek signifikan gelaran fasiq terhadap tikus, al-Ṭahāwī menyatakan dalam kitab *Aḥkām al-Qur’ān* dengan sanad dari Yazīd bin Abī Na‘īm, tikus dikategorikan sebagai haiwan fasiq disebabkan satu peristiwa, di mana Nabi SAW terbangun pada suatu

---

yang tidak diingini. Rujuk Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Aẓīm Ābādī, ‘Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 162-163.

<sup>299</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab Al-Zuhud wa al-Raqiq, Bāb fī al-Fa’rat wa Annahū Maskhun, no. Hadith 7497. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1196. *Ibid.*, 1196, no. Hadith 7496 dengan matan yang lain [قَدِّثَ اللَّهُ مِنْ نَبِيٍّ إِسْرَائِيلَ لَا يَنْدِي مَا تَعْلَمَتْ، وَلَا أَرْسَاهَا إِلَّا الْفَأْرُ لَا تَرْوَهَا إِذَا وُضِعَ لَمَّا أَلْبَانَ النَّبَّاءَ شَرِيبَةً]: “Telah hilang lenyap satu kaum dari Bani Israfil tanpa diketahui sebabnya dan apa yang telah mereka kerjakan. (Aku kira mereka telah menjadi tikus) Tidakkah kamu lihat pada tikus jika kamu memberinya susu unta, ia tidak akan meminumnya dan jika kamu memberinya susu kambing, ia akan meminumnya.”

<sup>300</sup> Namun begitu, pengetahuan yang ada tentang cerita ini hanyalah sekadar apa yang telah disabdakan Nabi SAW dan tiada orang yang mengetahui lebih lanjut. Lihat al-Qādī ‘Iyād, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim lil Qādī ‘Iyād al-Musammā Ikmāl Mu’allim bi Fawā’id Muslim (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’ lil Ṭaba’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, 1998), 8: 546.*

malam dan melihat tikus sedang membawa kain untuk membakar rumah. Lalu baginda SAW telah membunuhnya dan menghalalkan tikus dibunuh di tanah haram dan halal.<sup>301</sup>

Istilah “*al-Fuwaisiqah*” atau “*al-Fuwaisiq*” (si kecil yang jahat) yang digelar kepada tikus juga untuk menunjukkan datangnya pada manusia membawa kemusnahan<sup>302</sup> seperti merosakkan tanaman, mengotori makanan serta menyebarkan penyakit.<sup>303</sup>

## Kedua: Kenajisan Tikus

عَنْ الزُّهْرِيِّ ، عَنْ الدَّابَّةِ تَمُوتُ فِي الزَّيْتِ وَالسَّمْنِ وَهُوَ جَامِدٌ أَوْ عَيْرُ جَامِدٍ الْفَأْرَةُ  
أَوْ عَيْرِهَا ، قَالَ : بَلَغَنَا أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ : أَمْرَ بِقَارَةِ مَاتَتْ فِي سَمْنٍ ، فَأَمْرَ بِمَا قَرُبَ مِنْهَا ،  
فَطُرِحَ ثُمَّ أُكِلَّ"

Terjemahan: Diriwayatkan dari Zuhri tentang bangkai haiwan seperti tikus dan selainnya pada minyak makanan dan mentega tidak kira yang beku atau cair. Zuhri berkata: “*Telah sampai kepada kami sesungguhnya Rasullullah SAW memerintahkan apabila ada bangkai tikus terjatuh pada mentega, buanglah bangkai tikus (itu) dan sekeliling pada mentega yang telah terkena bangkainya lalu makanlah (selebihnya).*”<sup>304</sup>

<sup>301</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, ‘Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 162.

<sup>302</sup> *Ibid.*, 5: 300.

<sup>303</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab*, Kaherah: Dār al-Ma’ārif, t.t.), 5: 3414.

<sup>304</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab Al-Dhabāh wa al-Ṣid, Bāb Idhā Waqa’at al-Fa’r fī al-Samn al-Jāmid aw al-Dhā’ib, no. Hadith 5539, *Ibid.*, 3: 463-464, no. Hadith 5538 riwayat dari Maimunah RA dengan matan yang sedikit berbeza tapi masih mengekalkan maksud yang sama iaitu [الثُّمُودُ وَمَا حَوْلَهُ وَكُلُونَ]: “*Buanglah bangkai tikus (itu) dan sekeliling pada mentega yang telah terkena bangkainya lalu makanlah (selebihnya).*” *Ibid.*, 3: 464, no. Hadith 5540 dengan matan yang sama dari Maimunah RA; Kitab Al-Wuḍū’, Bāb Mā Yaq’u min al-Najāsāt fī al-Samn wa al-Mā’, 1: 95, no. Hadith 235 dengan matan yang sedikit berbeza iaitu [الثُّمُودُ وَمَا حَوْلَهُ وَكُلُونَ]. *Ibid.*, 1: 95, no. Hadith 236 juga dengan matan yang sedikit berbeza [الثُّمُودُ وَمَا حَوْلَهُ فَطَرُخُوهُ وَكُلُونَ]. *Ibid.*, 690, no. Hadith 3842 dengan matan lebih panjang dari Abū Hurairah RA [فَإِنَّ رَسُولَ اللَّهِ : إِذَا وَقَعَتِ الْفَأْرَةُ فِي الشَّفَنِ فَإِنَّ كَانَ جَامِدًا فَأَلْمُوْهَا وَمَا حَوْلَهَا، وَإِنْ كَانَ مَا يَأْتِي فَلَا تَمْرِيْهُ]. Rasullullah SAW bersabda: “*Apabila terjatuh bangkai tikus ke dalam mentega yang keras, maka buangkan tikus tersebut dan sekeliling tempat yang telah terkena. Jika ia cecair, maka jangan dekatinya (memakannya).*” dan al-Tirmidhi, Kitab Al-At’imah, Bāb Mā Ja’ā fī al-Fa’rat Tamūt fī al-Samn, no. Hadith 1798, dan al- al-Nasā’i, Kitab al-Fa’rat Taqa’u fī al-Samn, no. Hadith 4258. *Ibid.*, 656, no. Hadith 4259 dengan matan yang sedikit berbeza iaitu [الثُّمُودُ وَمَا حَوْلَهُ فَأَلْمُوْهَا وَكُلُونَ]. *Ibid.*, 656, no. Hadith 4260 dengan matan yang sama dengan hadith Abū Hurairah RA dari Maimunah RA iaitu [فَإِنَّ كَانَ جَامِدًا فَأَلْمُوْهَا وَمَا حَوْلَهَا، وَإِنْ كَانَ مَا يَأْتِي فَلَا تَمْرِيْهُ]. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Musnad Min Hadīth Rasūlillāh wa Sunanī Ayyāmih* (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 1980), 3: 463-464; 1: 95, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ash’ath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd*, (Riyadh: al-Maktabah al-Ma’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 690, dan Abū ‘Isā al-Tirmidhī, *Sunan Al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li Nashr wa al-Tawzī’, 1996), 416, dan Abī ‘Abd Rahmān Ahmād bin Shu’āib bin ‘Alī al-Nasā’i, *Sunan al-Nasā’i* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 656.

Jasad tikus adalah suci secara *ain* dan tidak najis disentuh. Jika makanan yang keras berjisim seperti mentega terkena najis atau bangkai tikus atau seumpamanya, maka perlu dibuang bahagian yang terkena sahaja. Akan tetapi, jika berbentuk cecair, maka ia tidak boleh dimakan dan perlu ditukar atau dibersihkan.<sup>305</sup> Ini merupakan pendapat Ibn al-‘Arabī, Imam al-Shāfi’ī, Imam Ḥanafī dan jumhur ulama.<sup>306</sup> Namun, dalam hal ini terdapat khilaf.<sup>307</sup> Ibn Ḥazm mengatakan hal kenajisan ini hanya khusus pada tikus. Jika terkena ke dalam cecair bangkai haiwan selain tikus, maka ia tidak najis.<sup>308</sup>

Menurut perbahasan fiqh, benda najis seperti bangkai yang terkena makanan berjisim, ia masih boleh dimakan dengan syarat membuang bahagian yang telah terkena najis bangkai tersebut. Berdasarkan hadith di atas, ia tidak terhad kepada mentega sahaja, termasuk di dalamnya kek, keju dan sebagainya.

Berhubung hukum air yang telah terkena najis. Jika air tersebut sedikit (kurang dari dua kolah), maka hukumnya “*mutanajjis*” (sudah terkena najis). Namun, kandungan air yang melebihi dua kolah, tidak berubah warna, bau dan rasa, maka air tersebut masih

---

<sup>305</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-At‘imah, Bāb fī al-Fa’rat Taqa’u fī al-Samn, no. Hadith 3842, dan al-Nasā’ī, Kitab al-Far‘ wa al-‘Afīrah, Bāb al-Fa’rat Taqa’u fī al-Samn, no. Hadith 4260. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 690, dan Abī ‘Abd Rahmān Ahmad bin Shu’āib bin ‘Alī al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), h. 656,  
عَنْ أُبُو حُرَيْرَةَ ، قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "إِذَا وَقَعَتِ الْفَأْرُ في الشَّنْقِ فَلَا يَمْغُوطُونَهُ

Dari Abū Hurairah RA katanya: Rasullullah SAW telah bersabda: “Apabila terjatuh bangkai tikus ke dalam mentega yang keras, maka buangkan tikus tersebut dan sekeliling tempat yang telah terkena. Jika ia cecair, maka jangan dekatinya (memakannya).” Rujuk juga Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniyah Ithnā’ Nashr, 2001), 9: 585.

<sup>306</sup> Ibn al-‘Arabī menyatakan lagi bahawa jika makanan atau sesuatu yang dimasuki tikus berbentuk cecair, maka bagaimana mungkin untuk memastikan dan membuang bahagian yang terkena serta menepati maksud hadith Nabi SAW kerana cecair boleh bergerak dan susah dianggarkan jumlah dan bahagian yang telah kotor. *Ibid.*, 9: 587.

<sup>307</sup> *Ibid.*, 1: 410.

<sup>308</sup> *Ibid.*, 9: 587.

suci.<sup>309</sup> Bagi cairan seperti susu, minyak goreng dan seumpama, meski sedikit atau banyak, cairan tersebut akan menjadi “*mutanajjis*” jika terkena najis atau bangkai.<sup>310</sup>

### Ketiga: Hukum Membunuh Tikus

Terdapat pelbagai spesies tikus misalnya *al-Jurād*, *al-Khuld*, *fa’rat al-Ibil*, *fa’rat al-Ghit*, dan *fa’rat al-Samak*,<sup>311</sup> dan semuanya haram dimakan. Hukum harus dibunuh juga *thabit* terhadap semua spesies tikus.<sup>312</sup> Jumhur ulama telah bersepakat tentang bolehnya orang yang dalam ihram atau tidak membunuh tikus.<sup>313</sup>

Terdapat banyak riwayat sebagai dalil keharusan membunuh tikus di dalam atau luar wilayah Haram disebabkan kefasikannya (kemusnahan yang dibawanya).<sup>314</sup> Ibrāhīm al-Nakha‘ī mengatakan orang yang dalam ihram jika membunuh tikus akan mendapat pahala. Namun, hal ini menimbulkan *khilaf*.<sup>315</sup>

Berhubung haiwan fasiq yang masih kecil, para ulama telah bersepakat bahawa tidak boleh membunuhnya kecuali ia sudah menyakiti manusia sejak kecil atau orang yang

<sup>309</sup> Ini merupakan pendapat jumhur ulama. *Ibid.*, 1: 408-411.

<sup>310</sup> Apa yang penting dalam hal ini ialah jika najis termasuk di dalam makanan atau minuman ialah berubah rasa, bau dan warna. Jika tidak berubah, maka ia tidak menjadi *mutanajjis* (tidak bersih dan terkena najis). *Ibid.*, 1: 408-411.

<sup>311</sup> ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 24: 394.

<sup>312</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 204.

<sup>313</sup> *Ibid.*, 10: 204.

<sup>314</sup> *Ibid.*, 10: 209.

<sup>315</sup> Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 24: 394, dan Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, *Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 299.

ihram khuatir haiwan tersebut akan mengancamnya.<sup>316</sup> Membunuh tikus kecil yang tidak mengganggu pula tidak diharuskan syara'.<sup>317</sup>

**Hadith Ketiga:** Hadith yang menyebutkan kala jengking dan keburukannya

عَنْ عَائِشَةَ ، قَالَتْ : لَدَغَتِ النَّيَّرُ عَقْرَبٌ وَهُوَ فِي الصَّلَاةِ ، فَقَالَ : " لَعْنَ اللَّهِ الْعَقْرَبَ مَا تَدْعُ الْمُصَلِّيَ ، وَعَيْرُ الْمُصَلِّيَ ، افْتُلُوهَا فِي الْحِلَّ وَالْحُرْمَ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Ā’ishah RA katanya: “Nabi SAW telah disengat kala jengking ketika dalam solat, Maka baginda SAW bersabda: Allah SWT melaknat kala jengking yang mendatangi orang yang sedang solat atau tidak, bunuhlah ia di tanah halal dan haram.”

**Sumber Hadith:**

1. Sunan Ibn Mājah: {Kitab Iqāmah al-Šalāwāt wa al-Sunnah Fīhā, Bāb Mā Jā'a fī Qatl al-Ḥayat wa al-‘Aqrab fī al-Solāt, no. Hadith 1246,<sup>318</sup> 1247}<sup>319</sup>

**Perbahasan Hadith:**

**Pertama:** Kala Jengking dan Sifatnya

*Al-‘Aqrab* merupakan istilah yang merujuk kepada kala jengking, tidak kira jantan atau betina.<sup>320</sup> Kala jengking merupakan haiwan melata yang berbadan panjang dan mempunyai

<sup>316</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.), 3: 314.

<sup>317</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, 10: 204.

<sup>318</sup> Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 221.

<sup>319</sup> *Ibid.*, 221-222 dengan matan yang lebih pendek iaitu: [عَنْ أَبِي زَافِعٍ ، عَنْ أَبِيهِ ، عَنْ حَمْدَوَةَ ، أَنَّ النَّيَّرَ : قَالَ عَقْرَبًا وَهُوَ فِي الصَّلَاةِ] Dari Ibn Abī Rāfi‘, dari bapanya ('Ubaidillāh bin Aslam), dari datuknya (Aslam Abū Rāfi‘), “Sesungguhnya Nabi SAW telah membunuh kala jengking ketika solat.” Namun begitu, hadith ini dinilai ḥāfi' oleh al-Albānī kerana di dalam rangkaian perawi terdapat Ibn Abī Rāfi‘ yang dituduh dengan memalsukan hadith dan Mindal yang matrik al-Ḥadīth oleh ulama *jarḥ wa al-ta‘dil*.

<sup>320</sup> Ini turut disokong oleh Ibn Manzūr dan al-Azharī. 'Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi'rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 25: 13.

banyak kaki. Matanya terletak di belakang dan tidak akan menyengat mangsanya kecuali apabila mangsa bergerak.<sup>321</sup>

Kala jengking adalah haiwan berbahaya. Sengatannya berbisa dan mampu membawa maut.<sup>322</sup> Oleh itu, Nabi SAW telah mengajarkan doa memohon perlindungan dari kejahanan haiwan jenis ini sebagaimana hadith,

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ، أَنَّهُ قَالَ : جَاءَ رَجُلٌ إِلَى النَّبِيِّ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا لَقَيْتُ مِنْ عَفْرِبٍ لَدْغَنِي الْبَارِحَةَ، قَالَ : "أَمَا لَوْ قُلْتَ حِينَ أَمْسَيْتَ أَعُوذُ بِكَلِمَاتِ اللَّهِ التَّامَاتِ مِنْ شَرِّ مَا خَلَقَ لَمْ تَضُرَّكَ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abū Hurairah RA katanya: “*Datang seorang lelaki mengadu kepada Rasūllullāh SAW: “Wahai Rasūllullāh, aku telah terserempak dengan kala jengking dan ia telah menyengatku. Maka Rasūllullāh SAW pun bersabda: “Kalaullah kamu membaca “Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang Maha Sempurna dari kejahanan makhluk yang diciptakan-Nya,” nescaya kamu tidak akan dimudaratkan olehnya.*<sup>323</sup>

<sup>321</sup> Ibid., 24: 393.

<sup>322</sup> Ibid., 24: 393.

<sup>323</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Zikr wa al-Du‘ā wa al-Taubah wa al-Istighfār, Bāb fī Ta‘awudh min Sū’ al-Qaḍā’ wa Daraka al-Shiqqā’ wa Ghairih, no. Hadith 2880, *Ibid.*, no. Hadith 2881 dengan awal matan yang lebih pendek riwayat Abū Hurairah RA iaitu [ قال رجل من أصحابه، فقال: سمعت رجلاً من أشخاصنا يعذن رسول الله صلى الله عليه وسلم أن يقول حفيظ الليلة كلها أنت حبي أنت حبي، قال: ماذا؟ ] قال : [ عذرت ، قال : ”أنا إلئك لو قلت حين أمسيت أعوذ بكلمات الله التامة من شر ما خلق، لم يضرك إن شاء الله تعالى“ ]: “Telah diceritakan pada kami daripada Suhayl bin Abī Shāliḥ, dari ayahnya (Dhakwān Abū Shāliḥ): “Aku telah mendengar seorang lelaki dari Bani Aslam berkata: “Aku sedang duduk-duduk di sisi Rasullullah SAW lalu datang seorang lelaki dalam kalangan sahabat mengadukan: “Wahai Rasullullah, aku telah disengat pada waktu malam dan aku tidak dapat tidur (setelah itu menahan sakit) sehingga subuh. Rasullullah SAW pun bertanya: “apa yang menyengat kamu.” Lelaki itu pun menjawab: “kala jengking”. Maka Rasullullah SAW pun bersabda: “Jikalau kamu membaca doa “Aku berlindung dengan kalimah-kalimah Allah yang Maha Sempurna dari kejahanan makhluk yang diciptakan-Nya”, Insya’ Allah kamu tidak akan dimudaratkan (disengat) olehnya.” *Ibid.*, no. Hadith 3899 dengan lafadz hadith أَنَّ النَّبِيَّ يَلْدِيعُ لَدْغَنَةَ [ عذرت، قال: لو قلت حين أُمُوذُ بكلمات الله التامة من شر ما خلق، لم يضرك إن شاء الله تعالى: ] . Namun begitu, ia dinilai sebagai sanad *da’if* menurut al-Albāñī, dan Ibn Mājah. Kitab al-Tibb, Bāb Ruqyah al-Hayat wa al-‘Aqrab, no. Hadith 3518. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūri, “Sahīḥ Muslim”, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Shāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1149, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistāni, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 699, dan Ibn Mājah al-Qazawaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 587.

Bagi mengubati sengatan kala jengking, Nabi SAW telah membenarkan apa jua kaedah yang menepati hukum syara<sup>324</sup> selagaimana dapat mencegah bisa dari mendatangkan mudarat kepada seseorang. Ini sebagaimana hadith,

عَنْ جَابِرٍ ، قَالَ : كَانَ لِي خَالٌ يَرْقِي مِنَ الْعُقْرَبِ ، فَنَهَا رَسُولُ اللَّهِ عَنِ الرُّقْيَ ، قَالَ : فَأَتَاهُ ، فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ ، إِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقْيَ ، وَأَنَا أَرْقِي مِنَ الْعُقْرَبِ ، فَقَالَ : "مِنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَفْعَلْ"

Terjemahan: Diriwayatkan dari Jābir RA berkata, *sahabatku* (*memiliki*) *ruqyah* (*mantera*) yang biasa dilakukan jika terkena gangguan kala jengking sedangkan Rasūllullāh SAW telah melarang *ruqyah*, maka Rasūllullāh SAW bersabda: “Datangkan dia kepadaku.” (Maka mereka menunjukkan kepada Rasūllullāh SAW (*ruqyah itu*) dan berkata: “Wahai Rasūllullāh SAW, engkau telah melarang *ruqyah* sedangkan aku hanya melakukan *ruqyah* (*mantera*) jika terkena gangguan kala jengking” lalu Baginda SAW berkata, “Barangsiapa yang mampu memberi manfaat kepada saudaranya, maka lakukanlah.”<sup>325</sup>

## Kedua: Hukum Membunuh Kala Jengking

Menurut Ibn Mundhir, para ulama tidak berselisih pendapat dalam bab keharusan membunuh kala jengking.<sup>326</sup> Hukum membunuh kala jengking adalah sebagaimana ular.<sup>327</sup>

<sup>324</sup> Rasullullah SAW sendiri telah memberi kebenaran kepada keluarga ‘Amrū bin Hazm berkenaan *ruqyah* yang mereka gunakan dalam mengubati sengatan kala jengking dan memperakui cara para sahabat yang telah menjampi seorang ketua puak ‘Arab yang telah disengat kala jengking. Nabi SAW juga membenarkan penggunaan nama-nama Allah dan ayat al-Qur'an dalam mengubati sengatan kala jengking seperti menjampi menggunakan surah al-Fatihah sebanyak tujuh kali. Inilah sebaik-baik *ruqyah*. Lihat hadith riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Tibb, Bāb Ruqyah al-Ḥayat wa al-‘Aqrab, no. Hadith 3517 riwayat dari Ā'ishah RA iaitu [عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ : رَجَّصَنِي رَسُولُ [اللهِ فِي الرُّقْيَةِ مِنَ الْحَيَاةِ وَالْعُقْرَبِ]. Ibn Mājah al-Qazawaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma 'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', 1986), 587. Lihat juga Ṣafā al-Dawwī Ahmād al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.t.p., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 3: 128, dan Muḥammad bin ‘Abd Rahmān ibn ‘Abd Raḥīm al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmi’ al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Fikr lil Tabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī', t.t.), 6: 227-228.

<sup>325</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab Al-Salām, Bāb Istiḥbāb al-Ruqyah min al-‘Ain wa al-Namlah wa al-Ḥimah wa al-Nazrat, no. Hadith 5729, *Ibid.*, no. Hadith 5730, *Ibid.*, no. Hadith 5731 dengan matan lebih panjang iaitu [عَنْ جَابِرٍ ، قَالَ : نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنِ الرُّقْيَ ، فَجَاءَ أَلَّا عَمِرُو بْنُ حَمْزَةَ إِلَيْهِ رَسُولُ اللهِ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللهِ ، إِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقْيَ ، وَإِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرُّقْيَ ، قَالَ : فَعَرَضُوهَا عَلَيْهِ ، فَقَالَ : "مَا أَرَى بَاسًا ، مِنْ اسْتَطَاعَ مِنْكُمْ أَنْ يَنْفَعَ أَخَاهُ فَلْيَفْعَلْ". Lihat Abū al-‘Iṣrāfi, *Al-Bukhārī*, dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1068.

<sup>326</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 47.

<sup>327</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, *Aun al-Ma ’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 298, dan ‘Alī bin Ādām bin Muṣā al-Itybā’ī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fi Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliah lil Nashr, 1996), 24: 393.

Ia boleh dibunuh sama ada yang besar mahupun kecil oleh kerana sudah memiliki bisa sejak kecil dan mampu mengancam.<sup>328</sup> Malah, Nabi SAW pernah bersabda:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : " اقْتُلُوا الْأَسْوَدَيْنِ فِي الصَّلَاةِ : الْحَيَّةَ وَالْعَقْرَبَ

Terjemahan: Diriwayatkan dari Abū Hurairah RA: “Rasullullah SAW bersabda: “bunuhlah dua jenis kehitaman ketika solat, (iaitu) kala jengking dan ular.”<sup>329</sup>

Hadith tertera menjadi dalil harus membunuh kala jengking dan ular sekalipun dalam solat. Keharusan membunuh kala jengking ketika solat juga bermaksud umat Islam boleh membunuhnya dalam apa jua keadaan dan ketika.<sup>330</sup>

Selain itu, haiwan perosak lain pembawa mudarat seperti mana kala jengking contohnya ular, lipan, tebuan, penyengat, labah-labah dan seumpama juga harus dibunuh di sisi syara'.<sup>331</sup> Dalam hal tebuan (*al-Zanbūr*), Saidina ‘Umar RA mengharuskan membunuh tebuan dan lebah. Namun, hal ini masih menjadi khilaf ulama. Sebahagian ulama menyamakan tebuan dan lebah dengan hukum pada kala jengking oleh kerana berbisa bahkan lebih bahaya lagi.

<sup>328</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 24: 394.

<sup>329</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Šolāt, Bāb al-‘Amal fī al-Šolāt, no. Hadith 921, dan al-Tirmidhī, Kitab al-Adhān, Bāb Mā Jā’ā fī Qatl al-Ḥayat wa al-‘Aqrab fī al-Šolāt, no. Hadith 390 dengan matan sedikit berlainan iaitu [أَمْرَ رَسُولِ اللَّهِ بِقَتْلِ الْأَسْوَدَيْنِ فِي الصَّلَاةِ الْحَيَّةُ وَالْعَقْرَبُ], dan al-Nasā’i, Kitab al-Sahw, Bāb Qatl al-Ḥayat wa al-‘Aqrab fī al-Šolāt, no. Hadith 1202. *Ibid.*, no. Hadith 1203, dan Ibn Mājah, Kitab Iqāmah al-Solāh wa al-Sunnah fīhā, Bāb Mā Jā’ā fī Qatl al-Ḥayat wa al-‘Aqrab fī al-Šolāt, no. Hadith 1245. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma’arif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 160, dan Abū ‘Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li Nashr wa al-Tawzī’, 1996), 105, dan Abi ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā’i, *Sunan al-Nasā’i* (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 196, dan Ibn Mājah al-Qazawaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 221.

<sup>330</sup> Imam al-Khaṭṭābī telah menyebutkan di dalam kitabnya *Ma’alim al-Sunan* bahawa hadith ini menjadi sandaran kepada bolehnya perbuatan dan pergerakan yang ringan dalam solat. Perbuatan yang dilakukan sebanyak dua kali tidak membatalkan solat. Jika berlebihan barulah terbatalkan solat. Dalam hal membunuh ular dan kala jengking, selalunya ia memerlukan satu atau dua kali perbuatan sahaja dan ini tidak membatalkan solat. Namun begitu, perbuatan membunuh ular dan kala jengking dalam solat menurut pandangan sesetengah sahabat Nabi RA dan selainnya dinilai sebagai makruh (dibenci) oleh kerana solat adalah masa kita menumpukan sepenuh ibadah kepada Allah SWT. Lihat Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniah Ithnā Nashr, 2001) 4: 43, dan Ṣafā al-Ḍawwī Aḥmad al-‘Adawi, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.p., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 2: 62.

<sup>331</sup> *Ibid.*, 2: 62, dan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abi Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 183.

Namun, lebah atau tebuan tidak akan menyerang jika tidak diancam. Ia mempertahankan kawanannya apabila diganggu dan bukan dari sifatnya memusuhi manusia. Justeru, tiada keperluan untuk membunuhnya dan ia hanya dibunuh jika menyengat. Hukum ini turut terpakai bagi semut, lalat, nyamuk dan selainnya.

**Hadith Keempat:** Hadith yang menyebutkan tentang burung helang dan keburukannya

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " حَمْسٌ فَوَاسِقٌ يُفْتَلُونَ فِي الْحَلَلِ وَالْحَرَمِ : الْحِدَاءُ، وَالْعُرَابُ، وَالْفَارُ، وَالْعَقْرَبُ، وَالْكَلْبُ الْعَقُورُ "

Terjemahan: Diriwayatkan dari ‘Ā’ishah RA, “Sesungguhnya Rasullullah SAW bersabda: “Lima jenis haiwan fasiq yang harus dibunuh di tanah halal dan haram: burung helang, burung gagak, tikus, kala jengking, tikus, kala jengking dan anjing buas.”

#### Sumber Hadith:

1. Sunan al-Nasā’ī: Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Qatl al-Hid’at fī al-Haram, no. Hadith 2890}.<sup>332</sup> {Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Qatl al-Hid’at, no. Hadith 2833}.<sup>333</sup>

#### Perbahasan Hadith:

**Pertama:** Burung Helang Dan Sifatnya

Menurut al-Fayyūmī, helang merupakan haiwan pemangsa buas yang ganas dan memiliki kuku pencengkam kuat. Helang wujud sejak zaman Nabi Sulayman AS.<sup>334</sup> Al-Qādī ‘Ismā‘īl menyebutkan burung helang digelar fasiq akibat sifat suka mencuri makanan dan daging

<sup>332</sup> Abū ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 447.

<sup>333</sup> *Ibid.*, 440.

<sup>334</sup> ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 25: 14.

dari tangan manusia. Ia suka makan daging arnab dan burung kecil. Haiwan ternakan manusia juga tidak terkecuali.<sup>335</sup>

Abū Bakayr pernah berkata, umat Islam diizinkan membunuh kala jengking disebabkan bisa sengatan, tikus disebabkan licik menyusup dan mengotori bekas makanan dan minuman. Sementara burung helang disebabkan datangnya menyambar belakang unta peliharaan untuk dijadikan makanan.<sup>336</sup>

Kesimpulannya, burung helang digelar fasiq disebabkan sifat dominannya yang suka mengancam haiwan ternakan yang menjadi sumber makanan dan pendapatan manusia. Namun, hanya helang pemakan daging dewasa sahaja digelar fasiq. Helang yang masih kecil terkecuali oleh kerana belum mampu menghadirkan ancaman.

## Kedua: Hukum Membunuh Helang

عَنْ أَبْنِ عَبَّاسٍ ، قَالَ : "نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنْ كُلِّ ذِي نَابٍ مِنَ السِّبَاعِ وَعَنْ كُلِّ ذِي مُحْلِبٍ  
مِنَ الطَّيْرِ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn ‘Abbās RA katanya: “Rasullullah SAW melarang dari (memakan) setiap haiwan buas yang bertaring dan setiap burung yang mempunyai kuku mencengkam.”<sup>337</sup>

<sup>335</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 182.

<sup>336</sup> *Ibid.*, 8: 182-183.

<sup>337</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Ṣid wa al-Dhabāḥ wa Mā Yu’kalu Min al-Ḥayawān, Bāb Taḥrīm Akala Kullu Dhī Nāb Min al-Sibā’ wa Kullu Mikhlab Min al-Tayr, no. Hadith 4994, *Ibid.*, no. Hadith 4995. *Ibid.*, no. Hadith 4996, dan Abū Dāwūd, Kitab al-Atīmah, Bāb al-Nahyā’ an Akala al-Sibā’, no. Hadith 3803 dengan tambahan “memakan” pada matan riwayat Ibn ‘Abbās iaitu [نهى رسول الله عن كل ذي ناب من السبع وعن كل ذي مطلب من الطير] [Rasullullah SAW melarang dari memakan setiap haiwan buas yang bertaring dan setiap burung yang mempunyai kuku mencengkam]. *Ibid.*, no. Hadith 3805 dengan tambahan “pada hari peperangan khaibar” pada matan [نهى رسول الله يوم خيبر عن كل ذي ناب من السبع وعن كل ذي مطلب من الطير], dan al-Nasā’ī, Kitab al-Ṣid wa al-Dhabāḥ, Bāb Ibāḥah Akala Luḥūm al-Dujjāḥ, no. Hadith 4348, dan Ibn Mājah, Kitab al-Ṣid, Bāb Kullu Dhī Nab Min al-Sibā’, no. Hadith 3234. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1023. Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 684. Abū ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 668. Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 546.

Helang tergolong dalam kalangan haiwan yang haram dimakan sepermata singa, kucing dan gagak.<sup>338</sup> Para ulama turut bersepakat harus membunuh semua haiwan buas yang mengancam dengan taring dan kukunya (bersifat ‘aqūr). Ini termasuk burung helang<sup>339</sup> yang merupakan haiwan buas dari kalangan burung. Namun, Imam al-Tahawī, seorang imam mazhab Hanafi berpendapat haram membunuh helang dan al-Bāzī (sejenis helang).<sup>340</sup>

Pandangan Imam Malik merupakan pendangan terbaik dalam hal ini iaitu, “*Janganlah kamu membunuh burung gagak dan burung helang kecuali jika ia mengancam kamu dan haiwan ternakan kamu.*”<sup>341</sup> Pendapat masyhur dalam mazhab Maliki juga menyatakan orang yang dalam ihram tidak boleh membunuh helang kerana ancamannya lemah dan tidak sampai ke tahap membunuh.<sup>342</sup>

Burung helang yang masih kecil tidak boleh dibunuh sehingga dewasa dan mampu membuat kebinasaan.<sup>343</sup> Wahbah al-Zuhaylī menyatakan haram membunuh burung dan haiwan secara suka-suka kecuali disebabkan permusuhan terhadap rezeki dan harta benda manusia.<sup>344</sup>

---

<sup>338</sup> Dalam bab haiwan bertaring yang haram dimakan, terdapat sedikit perselisihan ulama. Imam Abū Ḥanīfah berkata setiap haiwan yang memakan daging merupakan haiwan bertaring yang haram dimakan sehinggakan dab dan kucing hutan turut termasuk dalam kategori ini. Manakala Imam al-Shāfi‘ī pula berpendapat mengharamkan memakan haiwan bertaring yang memusuhi manusia seperti beruang dan harimau. Musang tidak termasuk dalam haiwan yang haram dimakan disebabkan tidak memusuhi manusia. Rujuk Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Aẓīm Ābādī, ‘Aun al-Ma ‘būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 10: 276-277.

<sup>339</sup> *Ibid.*, 10: 277.

<sup>340</sup> Ibn Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 206, dan ‘Alī bin Adam bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliah lil Nashr, 1996), 24: 396.

<sup>341</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 182-183.

<sup>342</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Ṣahīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, t.t.), 3: 314.

<sup>343</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharḥ Ṣahīḥ Muslim*, 3: 313.

<sup>344</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Dimasyq: Dār al-Fikr, 1985), 3: 692.

**Hadith Kelima:** Hadith yang menyebutkan tentang burung gagak dan keburukannya

عَنْ ابْنِ عُمَرَ ، قَالَ : " مَنْ يَأْكُلُ الْعَرَابَ ، وَقَدْ سَمَّاهُ رَسُولُ اللَّهِ فَاسِقًا ، وَاللَّهُ مَا هُوَ مِنَ الطَّيْبَاتِ

Terjemahan: Diriwayatkan dari Ibn ‘Umar RA katanya, “Barangsiapa yang makan gagak, (Ketahuilah) Rasullullah SAW telah menamakannya sebagai si fasiq (jahat), Demi Allah, tiada kebaikan padanya.”

### Sumber Hadith:

1. Sunan Ibn Mājah: {Kitab al-Ṣīd, Bāb al-Ghurāb, no. Hadith 3248,<sup>345</sup> 3249}<sup>346</sup>

### Perbahasan Hadith:

#### Pertama: Burung Gagak Dan Sifatnya

Gagak merupakan burung yang lazimnya berwarna hitam.<sup>347</sup> Dikenali sebagai burung pembangkai sebagaimana burung nasar pembangkai berkepala botak. Gagak terdiri dari pelbagai spesies dan *al-Abqa'* merupakan sejenis gagak yang disebutkan dalam hadith.<sup>348</sup>

Menurut Ibn Qaṣār, gagak digelar fasiq khusus disebabkan keberadaannya yang membiak di persekitaran manusia, dengan ada yang buas, pengotor, pembangkai, rakus selain mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan kukunya yang tajam.<sup>349</sup>

<sup>345</sup> Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 548.

<sup>346</sup> *Ibid.*, h. 548 dengan matan berbeza:

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " الْجَنَاحُ فَاسِقَةٌ، وَالْعَرَابُ فَاسِقَةٌ، وَالْعَرَابُ فَاسِقَةٌ فَقِيلَ لِلنَّاسِ: أَيُّكُلُ الْعَرَابُ؟ قَالَ : مَنْ يَأْكُلُ بَعْدَ قُولِ رَسُولِ اللَّهِ فَاسِقًا

Terjemahan: Dari ‘Ā’ishah RA, Sesungguhnya Rasullullah SAW pernah bersabda: “Ular itu fasiq, kala jengking itu fasiq, tikus itu fasiq, dan gagak itu fasiq. Maka (setelah itu) al-Qāsim ada ditanya: “Bolehkah gagak dimakan?” maka al-Qāsim pun menjawab: “Siapa yang mahu memakannya setelah Rasullullah SAW menggelarnya sebagai haiwan fasiq (jahat).”

<sup>347</sup> ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ītūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 25: 15.

<sup>348</sup> Abū al-Tayyib Muhammād Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, *Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 298, dan Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 46.

## Kedua: Gagak Dan Signifikannya Dalam Islam

Kebiasaannya, gagak merupakan perlambangan bagi perkara negatif dan kematian. Dalam Islam, gagak melambangkan sifat negatif manusia. Buktinya dapat dilihat dalam peristiwa Qabil dan Habil di mana Allah SWT mengutuskan sepasang burung gagak untuk memperlihatkan kepada Qabil bagaimana menguburkan Habil.<sup>350</sup>

Sebelum kedatangan Islam, masyarakat Arab Jahiliyyah percaya kepada petanda dari burung gagak selain biasa meramal keadaan dan nasib berdasarkan suara burung gagak jenis *al-Abqa'*. Apabila gagak tersebut berbunyi dua kali, kaum Arab Jahiliyyah meramalkan keburukan, dan apabila berbunyi tiga kali, mereka meramalkan akan datang kebaikan. Lantas Islam datang menghapus kepercayaan tersebut. Ibn ‘Abbās RA apabila mendengar suara gagak, beliau berdoa: “*Ya Allah, tiada kebaikan selain kebaikan-Mu, tiada ṭiyārah (nasib buruk), selain dari-Mu, dan tiada tuhan selain Engkau.*”<sup>351</sup>

Nabi SAW turut menggunakan perumpamaan gagak bagi melambangkan kelakuan buruk yang tidak disukai baginda SAW.<sup>352</sup> Antaranya,

عَنْ عَائِشَةَ قَالَتْ: "نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنْ نَفْرَةِ الْغَرَابِ، وَأَفْتَرَشِ السَّبْعِ، وَأَنْ يُوَطِّنَ الرَّجْلُ  
الْمَكَانَ فِي الْمَسْجِدِ كَمَا يُوَطِّنُ الْبَعِيرُ

<sup>349</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl al-Ikmāl Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*, 3: 313, dan ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhiyah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 402, dan Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurṭubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*, 8: 182-183.

<sup>350</sup> Al-Mā’idah 5: 27-31. Rujuk Syeikh Thaha Abdur Ra’uf Sa’ad dan Sa’ad Hasan Muhammad Ali, *Qabil & Habil: Kisah Orang-Orang Zhalim* (Yogyakarta: Mitra Pustaka, 2004), 31.

<sup>351</sup> Matan doanya adalah seperti berikut, “(*Ya Allah, tiada kebaikan kecuali kebaikan-Mu, dan tiada kesialan kecuali dari-Mu dan tiada Tuhan selain-Mu.*)” Lihat Aḥmad bin Ḥanbal, *Al-Musnad Imam Aḥmad bin Muḥammad bin Ḥanbal* (Kaherah: Dār al-Ḥadīth, 1995), 6: 471, no. Hadith 7045.

<sup>352</sup> Dalam hal ini, baginda SAW menyamakan perbuatan manusia yang ruku’ dan sujud tanpa *toma’ninah* atau secara tergesa-gesa seperti burung gagak yang sedang mematuk makanan untuk menunjukkan perbandingan melampau (*mubālaghah*) akan kesalahan perbuatan manusia yang melalaikan rukun *toma’ninah* dalam solat dan turut menyerupai kelakuan gagak yang merupakan haiwan yang menjadi lambang sifat negatif serta dibenci dalam Islam kerana sifatnya yang fasiq. Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Haq al-‘Aẓīm Ābādī, *Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd*, 3: 104.

Terjemahan: Diriwayatkan dari ‘Ā’ishah RA katanya: “*Rasulullah SAW melarang dari tiga hal, iaitu ruku’ atau sujud seperti patukan burung gagak, duduk seperti duduknya haiwan buas, dan menetapkan tempat tertentu untuk solat di masjid seperti una yang menempatkan tempat tertentu untuk berbaring.*”<sup>353</sup>

### Ketiga: Hukum Memakan Gagak

Perintah Nabi SAW supaya membunuh haiwan fasiq dan haiwan lain yang sama sifat menunjukkan larangan dari memakan setiap satu daripadanya. Ini merupakan pandangan Imam al-Shāfi’ī berdalilkan hadith riwayat Ibn ‘Abbās yang mlarang memakan setiap haiwan buas bertaring dan berkuku tajam.

Ini bertentangan dengan pandangan Imam Malik yang membolehkan memakan helang, gagak dan semua jenis burung. Namun, pendapat Imam al-Shāfi’ī lebih tepat dan menjadi pegangan jumhur.<sup>354</sup> Ini berdasarkan hadith,

عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " الْحَيَّةُ فَاسِقَةٌ، وَالْعَرَبُ فَاسِقَةٌ، وَالْفَارَّةُ فَاسِقَةٌ، الْعُرَابُ فَاسِقٌ فَقَيْلٌ لِلْفَارَّةِ؟ قَالَ : مَنْ يَأْكُلُهُ بَعْدَ قَوْلِ رَسُولِ اللَّهِ فَاسِقاً

Terjemahan: Dari ‘Ā’ishah RA, Sesungguhnya Rasullullah SAW pernah bersabda: “Ular itu fasiq, kala jengking itu fasiq, tikus itu fasiq dan gagak itu fasiq. Setelah itu, al-Qāsim ada ditanya oleh seseorang: “Bolehkah

<sup>353</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Šolāh, Kitab Šolāh la Yaqīm Šalbihi fī al-Rukū’ wa al-Sujūd, no. Hadith 862 dengan lafadz dari Qutaibah. Hadith ini hasan menurut al-Albānī, dan al-Nasā’ī, Kitab al-Taṭbīq, Bāb al-Nahiyi ‘An Naqrat al-Ghurāb, no. Hadith 1112 عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " الْحَيَّةُ فَاسِقَةٌ، وَالْعَرَبُ فَاسِقَةٌ، وَالْفَارَّةُ فَاسِقَةٌ، الْعُرَابُ فَاسِقٌ فَقَيْلٌ لِلْفَارَّةِ؟ لihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Mā’rif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 152, dan Abū ‘Abd Rahmān Ahmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī* (Riyadh: Maktabah al-Mā’rif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 180-181, dan Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Mā’rif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 254-255.

<sup>354</sup> Ṣafā al-Dawwī Ahmad al-‘Adawi, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.t.p., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 4: 410.

*gagak dimakan?” maka al-Qāsim pun menjawab: “Siapa yang mahu memakannya setelah Rasullullah SAW menggelarnya fasiq (jahat).”<sup>355</sup>*

#### **Keempat:** Hukum Membunuh Gagak

Terdapat khilaf dalam menentukan jenis gagak yang boleh dibunuh. Sebahagian ulama membataskan gagak jenis *al-Abqa'* sahaja<sup>356</sup> manakala sebahagian lain berpendapat semua jenis gagak.<sup>357</sup> Pendapat paling *rājiḥ* menurut jumhur ialah dibolehkan membunuh semua jenis gagak dan tidak terhad kepada gagak *al-Abqa'* berdasarkan riwayat Ibn ‘Umar RA.<sup>358</sup>

Ibn Qudāmah menyokong pendapat jumhur dengan menyatakan “*al-Ghurāb al-Abqa'*” merupakan satu bentuk perumpamaan dalam menyatakan spesies gagak yang tidak boleh dimakan dan boleh dibunuh iaitu gagak jenis pembangkai dan pengganggu.<sup>359</sup>

Ibn ‘Abbās turut menjelaskan bahawa penggunaan lafaz *al-Abqa'* dalam hadith disebabkan ia merupakan gagak yang kerap dilihat di tanah Arab. Gagak ini mempunyai

<sup>355</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Šid, Bāb al-Ghurāb, no. Hadith 3249. Lihat Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma ‘arif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 548.

<sup>356</sup> Ini berdasarkan hadith riwayat ‘Ā’ishah RA dalam Sahīh Muslim, Kitab al-Hajj, Bāb Mā Yandibū lill Muḥarram wa Ghairih Qatlūhu Min al-Dawāb fi al-Ḥal wa al-Ḥarām, no. Hadith 2862. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Sahīh Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 873,  
عَنْ عَائِشَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، عَنِ النَّبِيِّ أَكَلَ : ”مَخْسُنُ كَوَافِرِ يَقْتَلُنَ فِي الْحِلْلِ وَالْحُرْمَمِ : الْعَيْنَةُ وَالغَرَبَةُ وَالْجَارَةُ وَالْكَلْكَةُ الْمَغُورُ وَالْمَلْحُورُ“

Terjemahan: Dari ‘Ā’ishah RA, Rasullullah SAW telah bersabda: “Lima jenis haiwan yang boleh (dibenarkan) dibunuh oleh di tanah halal dan haram: iaitu ular, burung gagak *al-abqa'*, tikus anjing liar dan helang.” Lihat juga Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 185.

<sup>357</sup> Ini berdasarkan majoriti hadith hanya menyebutkan gagak secara umum daripada penghususan terhadap lafaz hadith gagak *al-abqa'*. Lihat hadith riwayat Ibn ‘Umar dalam Sahīh Muslim, Kitab al-Hajj, Bāb Mā Yandibū lill Muḥarram wa Ghairih Qatlūhu Min al-Dawāb fi al-Ḥal wa al-Ḥarām, no. Hadith 2872. Lihat Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Sahīh Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 874.

عَنْ أَبِي عُمَرْ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : ”خَمْسٌ مِنَ الْمَوَابِ لَئِسَ عَلَى الْمُخْرِجِ فِي قَلْبِهِنَّ جُنَاحٌ : الْعَيْنَةُ وَالْجَارَةُ وَالْكَلْكَةُ الْمَغُورُ وَالْمَلْحُورُ“  
Terjemahan: Dari Ibn ‘Umar RA, Sesungguhnya Rasullullah SAW telah bersabda: “Lima jenis haiwan yang jika dibunuh oleh orang yang sedang ihram tiada denda baginya: iaitu burung gagak, kala jengking, tikus dan anjing liar.” Lihat juga Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 185.

<sup>358</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭanīyah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 46.

<sup>359</sup> Berkenaan riwayat yang mengandungi *al-Ghurāb al-Abqa'*, Ibn ‘Abd al-Barr berpendapat tidak boleh dipakai tambahan “*al-Abqa'*” oleh kerana merupakan tambahan yang mengandungi syāz. Ibn Qudāmah turut menyokong dengan menyebutkan riwayat yang umum iaitu “burung gagak” lebih sahih. Namun, jika dilihat pada riwayat lain yang lebih *thiqah* dari Syu’bah, beliau ternyata tidak meriwayatkan hadith secara *musallas*, akan tetapi mendengar secara langsung dari gurunya dan hadith ini turut dikeluarkan oleh Imam Muslim dan Imam Nasā’ī dengan sanad yang *thiqah*. Jadi, ini tidak langsung menolak pandangan yang mengkritik tambahan *al-Abqa'* pada gagak. *Ibid.*, 4: 46.

warna putih di belakang atau perut.<sup>360</sup> [الْعُرَابُ الْأَبْعَجُ] atau gagak yang boleh dibunuh seperti dimaksudkan sebenarnya meliputi semua gagak dari jenis pembangkai, iaitu *aq'aq*,<sup>361</sup> *al-A'sham*<sup>362</sup> dan *al-Abqa'*.<sup>363</sup> Termasuk dalam hukum *al-Abqa'* ialah *ghudaf* (burung gagak besar pemakan bangkai). Ibn Qudāmah memberi nama lain bagi *ghudaf*, iaitu *al-Biin*<sup>364</sup>. Tetapi menurut ahli bahasa, ia sama dengan *al-Abqa'*.<sup>365</sup>

Bagi spesies gagak yang tidak boleh dibunuh, para ulama bersepakat mengecualikan gagak pemakan bijirin dan gagak kecil pemakan biji-bijian dinamakan *zar'i* atau *al-Zagh*. Bahkan terdapat ulama yang mengharuskan memakannya.<sup>366</sup>

### **Hadith Keenam:** Hadith yang menyebutkan anjing dan keburukannya

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُعَفَّلٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : لَوْلَا أَنَّ الْكِلَابَ أُمَّةٌ مِنَ الْأَمْمِ لَأَمْرَتُ  
بِقَتْلِهَا كُلَّهَا ، فَاقْتُلُوا مِنْهَا كُلَّ أَسْوَدَ بَهِيمٍ

Terjemahan: Diriwayatkan dari ‘Abd Allāh bin Maghfal RA katanya: Rasullullah SAW bersabda: “Kalaular anjing bukan merupakan satu umat dari umatku, nescaya akan aku perintahkan supaya dibunuh semuanya, maka bunuhlah daripadanya (anjing) yang berwarna hitam.”

<sup>360</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abū Bakr al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān*, 8: 185.

<sup>361</sup> Burung gagak seakan sama dengan merpati dari segi saiznya, akan tetapi bentuknya sama seperti gagak. Diberi nama *al-Aq'aq* oleh kerana meninggalkan anak-anaknya berteriak tanpa makanan. Hukumnya sama seperti gagak *abqa'* yang boleh dibunuh.

<sup>362</sup> Burung gagak yang pada kedua kakinya, atau di kedua sayapnya, atau di perutnya, berwarna putih atau merah. Hukumnya sama seperti gagak *abqa'*.

<sup>363</sup> *Al-Abqa'* adalah gagak yang berwarna putih di punggung atau dadanya. Inilah jenis gagak yang dipercayai oleh orang Arab Jahiliyyah untuk meramlah sesuatu keadaan sebelum bermusafir. Lihat Aḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, 4: 46.

<sup>364</sup> Dikatakan bahawa gelaran *ghurab al-Biin*, kerana ia menjauh meninggalkan (*bāna*) bahtera Nabi Nuh selepas ia diutus oleh Nabi Nuh AS untuk memberitahu akan keadaan bumi yang dilanda banjir besar. Kemudian, ia mendapat bangkai lalu memakannya tanpa kembali lagi kepada Nabi Nuh AS. Lihat ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhiyah al-‘Uqbā fi Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah līl Nashr, 1996), 24: 392.

<sup>365</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 201.

<sup>366</sup> *Ibid.*, 10: 201, dan Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Haq al-‘Azīm Ābādī, ‘Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Madīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 5: 298.

## Sumber Hadith:

1. Sunan Abū Dāwūd, {Kitab al-Šid, Bāb fī Ittikhādh al-Kalb lil Šid wa Ghairih, no. Hadith 2845}.<sup>367</sup>
2. Jāmi' al-Tirmidhī, {Kitab al-At'imah, Bāb Mā Jā'a fī Qatl al-Kilāb, no. Hadith 1486}.<sup>368</sup> {Kitab al-At'imah, Bāb Mā Jā'a Man Amsaka Kalb Mā Yanquṣ Min Ajrih, no. Hadith 1490}<sup>369</sup>
3. Sunan al-Nasā'i, {Kitab al-Šid wa al-Dhabāih, Bāb Ṣifat al-Kilāb Allaty Amar bi Qatlihā, no. Hadith 4280}.<sup>370</sup>
4. Sunan Ibn Mājah, {Kitab al-Šid, Bāb al-Nahy 'An Iqtinā' al-Kalb illā Kalb Šid aw Ḥarth aw Māshiah, no. Hadith 3205}<sup>371</sup>

## Perbahasan Hadith:

### Pertama: Anjing Dan Sifatnya

Anjing merupakan haiwan peliharaan popular dalam kalangan masyarakat selain kucing. Anjing terdiri dari pelbagai spesies dan warna. Deria bau, pendengaran yang tajam, bengis, tidur yang tidak pernah lena, penyayang dan bijak telah membuatkannya bermanfaat bagi

<sup>367</sup> Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma'arif lil Nashr wa al-Tawzī', 1988), 505.

<sup>368</sup> Abū 'Abd Allāh Abū 'Isa al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Makatab al-Ma'arif li Nashr wa al-Tawzī', 1996), 352.

<sup>369</sup> *Ibid.*, 352 dengan tambahan [وَمَا مِنْ أَهْلٍ بَيْتٍ يَرْبِطُونَ كُلُّهُ، إِلَّا نَفَصَ مِنْ عَعْلِيهِمْ كُلُّهُ بَيْنَ قِرَاطٍ، إِلَّا كَلْبٌ حَزِيرٌ، أَوْ كَلْبٌ صَيْبَرٌ، أَوْ كَلْبٌ غَنْمٌ]. bermaksud: "Tiadalah seseorang yang memelihara anjing, maka amal seseorang itu akan berkurang, satu qirāt setiap hari, kecuali anjing (digunakan sebagai) penjaga tanaman dan penjaga haiwan ternak."

<sup>370</sup> Abū 'Abd Rahmān Alḥmad bin Shu'aib bin 'Alī al-Nasā'i, *Sunan al-Nasā'i* (Riyadh: Makatab al-Ma'arif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1988), 659 dengan tambahan matan sedikit berlainan [وَلَا قِرَاطٌ فَقِيرٌ كُلُّهُ كَلْبٌ حَزِيرٌ، أَوْ صَيْبَرٌ، أَوْ مَاشِيَةٌ، فَلَمَّا يَنْفَعُ مِنْ أَخْرَجَ كُلُّهُ بَيْنَ قِرَاطَيْنَ].

<sup>371</sup> Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Makatab al-Ma'arif lil Nashr wa al-Tawzī', 1986), 542 dengan matan lain iaitu [إِلَّا نَفَصَ مِنْ أَخْرَجَهُمْ كُلُّهُ بَيْنَ قِرَاطَيْنَ] menyebutkan pahala pemelihara anjing berkurang dua qirāt sehari.

manusia. Dikatakan manusia pertama menggunakan anjing sebagai pengawal ialah Nabi Nuh AS.<sup>372</sup>

Berkenaan istilah yang merujuk kepada sifat anjing yang harus dibunuh, Nabi SAW menggunakan istilah [الكلبُ الْغَفُورُ], iaitu anjing liar yang menyerang dan menggigit (ganas).<sup>373</sup>

Justeru, para ulama berselisih pendapat tentang maksud sebenar “*al-Kalb al-‘Aqūr*”. Sebahagian mereka mengatakan singa, sebahagian mengatakan serigala dan sebahagian lagi mengatakan semua haiwan buas bertaring.

Imam Abū Hanīfah pula berpandangan “‘aqūr” yang dimaksudkan hadith adalah khusus kepada anjing, tidak ada haiwan yang memiliki sifat sepertinya kecuali serigala. Manakala Imam Malik berpendapat semua haiwan yang mengigit, menyerang dan menakutkan manusia seperti singa dinamakan ‘aqūr. Inilah pendapat yang menjadi pegangan jumhur.<sup>374</sup>

Maksud “*al-Kalb al-‘Aqūr*” tidak terhad kepada anjing. Ia turut meliputi haiwan pemangsa lain misalnya serigala, beruang dan harimau yang memusuhi manusia secara semulajadi dan mengancam dengan taringnya.<sup>375</sup> Pandangan ini turut disokong oleh Zayd Aslam, Sufyān al-Thawrī, Ibn ‘Uyaynah, Imam al-Shāfi‘ī dan Imam Aḥmad.<sup>376</sup> Oleh itu, anjing dan haiwan ganas lain yang bersifat memusuhi, mengancam dan menyakiti manusia adalah termasuk dalam hukum *al-Kalb al-‘Aqūr*.

<sup>372</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 24: 394.

<sup>373</sup> *Ibid.*, 24: 394.

<sup>374</sup> Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al., 10: 205-206.

<sup>375</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 25: 402.

<sup>376</sup> Yaḥyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Sahīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 13: 114-115, dan *Ibid.*, 24: 396-397.

## Kedua: Pengharaman Anjing Dalam Islam

Pengharaman anjing adalah pada memakan daging, bukan menyentuhnya. Oleh itu, mazhab Hanafi berpandangan anjing bukan najis kerana ia bermanfaat untuk pelbagai kegunaan. Hanya bahagian mulut, air liur, dan muntahnya dikira najis dan perlu dicuci dengan tujuh kali basuhan berdasarkan *nas*:<sup>377</sup>

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : " إِذَا وَلَغَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءِ أَحَدِكُمْ ، فَلْيُرْفَفُهُ ، ثُمَّ لِيُغَسِّلُهُ سَبْعَ مِرَارٍ

Terjemahan: Diriwayatkan dari Abū Hurairah RA katanya: Rasūllullāh SAW bersabda: “Apabila anjing menjilat (*minum*) di dalam bekas kamu, maka (tumpahkan isinya) dan basuhlah ia tujuh kali.”<sup>378</sup>

Dalam mazhab Maliki, anjing sama ada digunakan untuk tujuan berburu, mengawal ternakan atau sebaliknya adalah suci. Jika terdapat jilatan, titisan air liur atau kakinya

<sup>377</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 1985), 1: 153.

<sup>378</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Tahārah, Bāb Hukūm Wulūgh al-Kalb, no. Hadith 648. *Ibid.*, no. Hadith 649 dengan tidak menyebutkan [فَلْيُغَسِّلُهُ] sebagai mana hadith sebelumnya. *Ibid.*, no. Hadith 650 dengan matan sedikit berbeza [إِذَا شُرِبَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءِ أَحَدِكُمْ، فَلْيُغَسِّلُهُ] sebagaimana hadith sebelumnya. *Ibid.*, no. Hadith 651 dengan nas berkenaan cara basuhan dengan air tanah [سَعْيَ مَرَاثٍ]. *Ibid.*, no. Hadith 652 tanpa menyatakan [فَلْيُغَسِّلُهُ] dengan matan yang lebih panjang dan menyatakan basuhan dengan tanah adalah pada basuhan kelapan [أَنْ يَغْسِلَهُ سَعْيَ مَرَاثٍ بِالثَّرَابِ]: Diriwayatkan dari Abū Hurairah: Rasullullāh SAW bersabda: “Basuhlah bekas kamu, apabila anjing menjilat dalamnya sebanyak tujuh kali dan dimulai dengan air tanah (*terlebih dahulu*).” *Ibid.*, no. Hadith 652 tanpa menyatakan basuhan dengan air tanah [أَنْ يَغْسِلَهُ سَعْيَ مَرَاثٍ]. *Ibid.*, no. Hadith 653 dengan matan yang lebih panjang dan menyatakan basuhan dengan tanah adalah pada basuhan kelapan [أَنْ يَغْسِلَهُ سَعْيَ مَرَاثٍ بِالثَّرَابِ]: “Diriwayatkan dari ‘Abd Allāh bin Maghfal RA katanya: Sesungguhnya Rasūllullāh SAW memerintahkan agar dibunuh anjing dan mengecalikan anjing yang menjaga haiwan ternakan dan tanaman. Rasūllullāh SAW bersabda lagi: Apabila anjing menjilat (*minum*) di dalam bekas kamu, maka (tumpahkan isinya) dan basuhlah ia tujuh kali dan campurkan yang kelapan dengan tanah,” dan Abū Dāwūd, Kitab al-Tahārah, Bāb al-Wudū’ bi Su’ri al-Kalb, no. Hadith 71. *Ibid.*, no. Hadith 73 dengan matan [أَنْ يَغْسِلَهُ سَعْيَ الْكَلْبِ فِي إِنَاءِ فَأَقْسِلُهُ سَعْيَ مَرَاثٍ الشَّائِعَ بِالثَّرَابِ]: Taraf hadith ini sahih menurut al-Albānī, namun lafaz [الشَّائِعَ بِالثَّرَابِ] merupakan *syāz*, lafaz yang rājih adalah ‘Abd Allāh bin Maghfal RA, dan al-Tirmidhī, Kitab *تَعْصِيمُ الْوَتَانَةِ إِذَا وَلَغَ فِيهِ الْكَلْبُ سَعْيَ [Mَرَاثٍ أَوْ لَخْنَ أَوْ أَخْرَاهُنَّ بِالثَّرَابِ]* “Basuhlah bekasmu jika anjing menjilat di dalamnya disertai awalan atau pengakhiran (*basuhan*) dengan air tanah,” dan al-Nasā’ī, Kitab al-Tahārah, Bāb Su’r al-Kalb, no. Hadith 63. *Ibid.*, no. Hadith 64 dengan matan lebih ringkas [أَذَا وَلَغَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءِ أَحَدِكُمْ فَلْيُغَسِّلُهُ سَعْيَ مَرَاثٍ]. *Ibid.*, no. Hadith 65; Kitab al-Tahārah, Bāb al-Amr bi Irāqat Mā fī al-Inā’ Idhā Walaghā fīhi al-Kalb, no. Hadith 66; Kitab al-Tahārah, Bāb Taghyīr al-Inā’ Alladī Walaghā fīhi al-Kalb bi al-Turāb, no. Hadith 67 dengan lafaz riwayat ‘Abd Allāh bin Maghfal RA; Kitab al-Miyāh, Bāb Su’r al-Kalb, no. Hadith 335; Kitab al-Miyāh, Bab Taghfīr al-Inā’ bi al-Turāb Min Wulūgh al-Kalb fīhi, no. Hadith 336 dengan lafaz riwayat ‘Abd Allāh bin Maghfal RA, *Ibid.*, no. Hadith 337. *Ibid.*, no. Hadith 338, *Ibid.*, no. Hadith 339, dan Ibn Mājah, Kitab al-Tahārah wa Sunanīh, Bāb Ghasl al-Inā’ Min Wulūgh al-Kalb, no. Hadith 363. *Ibid.*, no. Hadith 364. *Ibid.*, no. Hadith 365 riwayat ‘Abd Allāh bin Maghfal RA. *Ibid.*, no. Hadith 366 riwayat Nāfi’ dari Ibn ‘Umar RA dengan lafaz [أَذَا وَلَغَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءِ أَحَدِكُمْ فَلْيُغَسِّلُهُ سَعْيَ مَرَاثٍ]. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Sālih Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Hadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Sālih bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 726, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 18, dan Abū ‘Abd Allāh Abū ‘Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1996), 33, dan Abū ‘Abd Rahmān Al-Āḥmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 18-19; 60-61, dan Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 81-82.

masuk ke dalam bekas, hendaklah dicuci atas dasar mentaati perintah Nabi SAW. Mazhab al-Shāfi‘ī dan Ḥanbalī pula berpandangan anjing dan semua bahagiannya adalah najis.<sup>379</sup>

Bagi pemelihara anjing, pahalanya akan berkurangan setiap hari.<sup>380</sup> Oleh itu, seseorang Muslim tidak boleh memelihara anjing di dalam rumah melainkan untuk keperluan keselamatan dan perburuan.<sup>381</sup> Hal ini kerana setiap sesuatu yang mengurangkan pahala adalah petunjuk kepada hukum haram.

Menurut Ibn Ḥajar, anjing haram dipelihara kerana boleh menakutkan jiran, tetamu dan orang lalu lalang. **Kedua:** Mengurangkan pahala pembelanya. **Ketiga:** Keengganan malaikat masuk ke dalam rumah yang ada anjing<sup>382</sup> **Keempat:** Tabiat anjing yang suka menjilat dan kenajisan jilatan itu menyukarkan pembelanya.<sup>383</sup>

<sup>379</sup> Jangkitan dan penyakit kulit boleh berlaku jika manusia tidak berhati-hati dengan air liur anjing. Kuman-kuman yang berasal daripada air liur anjing mampu meresap ke dalam kulit dan membentuk kudis dan calar-calar badan. Kajian juga membuktikan anjing adalah penyebab utama kanser payudara kebanyakan wanita di Eropah. Rujuk Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Beirut: Dār al-Fikr al-Mu‘āṣir, 1985), 1: 154, dan Monika@Munirah Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, “Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam,” dalam *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD I)*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah (Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 531.

<sup>380</sup> Ini berdasarkan hadith riwayat Imam al-Tirmidhī, Kitab al-Ṣid, Bāb Mā Jā'a Man Amsaka Kalb Mā Yanquṣ Min Ajrih, no. Hadith 1490. Lihat Abū 'Abd 'Allah Abū 'Iṣa al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Mā'ārif li Nashr wa al-Tawzī', 1996) 353,

وَمَا مِنْ أَنْلَى نَبِيٍّ يَرْتَطِّلُنَّ كُلُّهُ، إِلَّا نَفَعَ مِنْ عَمَلِهِ كُلُّ يَوْمٍ فِي رَطَاطٍ، إِلَّا كَلَّبٌ حَرَثٌ، أَوْ كَلَّبٌ حَرَثٌ، أَوْ كَلَّبٌ حَرَثٌ

Terjemahan: “Tiadalah seseorang yang memelihara anjing, maka amal seseorang itu akan berkurang, satu *qīrāṭ* setiap hari, kecuali anjing penjaga tanaman dan penjaga haiwan ternak.”

<sup>381</sup> Syeikh Ahmad Kutty berpendapat anjing tidak boleh dipelihara kecuali untuk tujuan perburuan, anjing pemandu bagi orang kurang upaya, membantu penternakan haiwan, menjaga keselamatan rumah dan terlibat dalam proses penguatkuasaan undang-undang oleh polis dan kastam. Monika@Munirah Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Ab. Rahim, *Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam*, 529-530.

<sup>382</sup> Rujuk hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Bad' al-Khalq, Bāb Idhā Qāl Ahādikum Āmīn wa al-Malā'ikat fī al-Samā' fa Wāfaqat Ihdāhumā al-Ukhrah Ghufira lahu Mā Taqaddama Min Dhanbih, no. Hadith 3225; Kitab Bad' al-Khalq, Bāb Idhā Waqa'a al-Dhubāb fi Shirāb Ahādikum Falayghmishu Fa'inna fi Ahad Janahāhi Dā' wa fi al-Ākhar Shifā', no. Hadith 3322 dengan matan akhir lebih ringkas [لا تدخل الملائكة بيتاً فيه كلب ولا صوره]; Kitab al-Maghāzī, Bāb Shuhūd al-Malā'ikat Badran, no. Hadith 4002 dengan tambahan pada akhir matan

عَنْ عَبْيَدِ اللَّهِ بْنِ عَبْدِ اللَّهِ، أَنَّهُ سَمِعَ أَبْنَ عَبَّاسَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، يَقُولُ: سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ: " لَا تَنْخُلُ الْمَلَائِكَةُ بَيْتًا فِيهِ كَلْبٌ وَلَا صُورَةً "[

Terjemahan: Diriwayatkan dari 'Ubaidillāh bin 'Abdillāh katanya: dia mendengar Ibn 'Abbās RA berkata: Aku mendengar dari Abū Talḥah al-Anṣārī RA (Zaid bin Sahl bin Aswad) berkata: Aku mendengar Rasullullah SAW bersabda: “Malaikat tidak akan masuk ke dalam rumah yang di dalamnya ada anjing dan gambar yang menyerupai (sesuatu yang bernyawa).” Rujuk juga Muslim, Kitab al-Libā'a wa al-Zinah, Bāb Tārīm Taswīr Sūrat al-Hayawān wa Tārīm Ittikhād Mā fīhi Suar Ghair Mumtahanah bi al-Farsy wa Nahwihi wa Anna al-Malā'ikat 'Alaihim al-Salām lā Yadkhulūn Baytan fīhi Sūrat aw Kalb, no. Hadith 5511 dengan matan yang panjang iaitu

عَنْ عَابِشَةِ اُنْهَا، قَالَتْ: وَاعْدَ رَسُولَ اللَّهِ جِبْرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ فِي سَاعَةٍ يَأْتِيهِ فِيهَا، فَجَاءَتْ تِلْكَ السَّاعَةَ وَمَنْ يَأْتِي، وَيَدْعُ عَصْنَى، فَلَأْتَاهَا مِنْ يَدِهِ، وَقَالَ: " مَا يَجْلِفُ اللَّهُ وَعْدَهُ " لَمْ [

أَنْفَقْتَ فَإِذَا جَرَوْ كَلْبٌ ثَغَثَ سَرِيرَهُ، تَقَالَ يَا عَابِشَةُ: " مَنِي دَخَلَ هَذَا الْكَلْبُ هَاهُنَا؟ "، فَقَالَتْ: " وَاللَّهِ مَا دَرِيَتْ، فَأَمَرَ بِهِ فَأَخْرَجَهُ، فَجَاءَ جِبْرِيلَ مُقَالٌ رَسُولَ اللَّهِ: " وَاعْذُنِي فَحَلَسْتَ لَكَ قَلْمَانَ ثَابَ "، فَقَالَ :

أَنْفَقْتَ فَإِذَا جَرَوْ كَلْبٌ ثَغَثَ سَرِيرَهُ، تَقَالَ يَا عَابِشَةُ: " مَنِي دَخَلَ هَذَا الْكَلْبُ هَاهُنَا؟ "، فَقَالَتْ: " وَاللَّهِ مَا دَرِيَتْ، فَأَمَرَ بِهِ فَأَخْرَجَهُ، فَجَاءَ جِبْرِيلَ مُقَالٌ رَسُولَ اللَّهِ: " مَنِي دَخَلَ هَذَا الْكَلْبُ الَّذِي كَانَ فِي بَيْتِكَ بَيْنَ أَنْ لَا تَنْخُلَ بَيْتَكَ فِيهِ كَلْبٌ وَلَا صُورَةً [

Terjemahan: Diriwayatkan dari 'Āi'shah RA katanya: “Rasullullah SAW telah berjanji dengan Jibril AS untuk bertemu pada suatu masa, tetapi ternyata Jibril tidak datang pada masa tersebut. Pada tangan Rasullullah SAW ketika itu ada tongkat lalu dicampakkan seraya berkata Allah SWT tidak akan menyalahi janji-Nya begitu juga para pesuruh-

### **Ketiga: Hukum Membunuh Anjing**

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: "أَمْرَ بِيُقْتَلُ الْكِلَابِ

Terjemahan: Dari ‘Abd Allāh Ibn ‘Umar RA, “Sesungguhnya Rasullullah SAW telah memerintahkan supaya dibunuh anjing-anjing.”<sup>384</sup>

Jika dilihat secara zahir, Nabi SAW telah memerintahkan agar dibunuh semua jenis anjing.<sup>385</sup> Namun, perintah ini kemudian dimansuhkan melalui sabda berikut,

Nya. Kemudian Rasullullah SAW berpaling dan melihat seekor anak anjing di bawah tempat tidur, lalu baginda berkata kepada 'A'shab: "Bilakah anjing ini masuk?". Lantas 'A'shab menjawab: "Demi Allah aku tidak tahu." Maka Rasullullah menyuruh ia dikeluarkan. Setelah itu, Jibril datang lalu baginda pun berkata: "Engkau telah berjanji denganku lalu aku tunggu tetapi engkau tidak datang." Maka Jibril menjawab: "Aku terhalang masuk ke dalam rumahmu oleh anjing yang berada di dalamnya. Sesungguhnya kami tidak masuk ke dalam rumah yang ada anjing dan gambar (haiwan). *Ibid.*, no. Hadith 5512. *Ibid.*, no. Hadith 5514. *Ibid.*, no. Hadith 5515. *Ibid.*, no. Hadith 5516. *Ibid.*, no. Hadith 5517 dengan matan tidak disebutkan anjing dalam lafaz iaitu [إِنَّ الْمُلَائِكَةَ لَا تَدْخُلُ بَيْتًا يَبْغُهُ صُورَةً]. *Ibid.*, no. Hadith 5518 juga dengan matan yang tidak disebutkan anjing. *Ibid.*, no. Hadith 5519 dengan matan akhir مَاتَ حَيْثُ شَاءَ إِنَّ الْمُلَائِكَةَ لَا تَدْخُلُ بَيْتًا يَبْغُهُ صُورَةً. dan Abū Dāwūd, Kitab al-Libās, Bāb fī al-Šuār, no. Hadith 4157 dengan matan panjang lebar riwayat Maimūnah RA iaitu إِنَّ جَبَرِيلَ عَلَيْهِ السَّلَامُ كَانَ وَعِنِّي أَنْ يَقْنَاعَ الْأَيُّلَةَ فَلَمْ يَلْفِيْمُ وَمَعَ نَسْيَةِ حِجْزِ كَلْبٍ تَحْتَ سَطَاطِ لَكَمَارَ بِهِ قَافِخَرٌ ثُمَّ يَتَبَاهِي مَعَ أَخْدَى يَدِيهِ بِهِ قَافِخَرٌ ثُمَّ يَتَبَاهِي مَعَ مَكَانَةِ كَلْبٍ لَقِينَةِ حِجْزِ كَلْبٍ عَلَيْهِ [السائل], قال: إِنَّ الْمُلَائِكَةَ لَا تَدْخُلُ بَيْتًا يَبْغُهُ صُورَةً يَقْنَاعَ الْأَيُّلَةَ فَمَارَ يَقْنَاعُ كَلْبَ الْحَيْثُ مَاتَ حَيْثُ الْكَبِيرَ Mā Ja'a Anna al-Malā'ikatā lā Tadkhul Baytan fihi Sūrah wa l-Kalb, no. Hadith 2804. *Ibid.*, no. 2805 dengan matan sedikit berbeza iaitu [إِنَّ الْمُلَائِكَةَ لَا تَدْخُلُ بَيْتًا يَبْغُهُ صُورَةً]. dan al-Nasā'i, Kitab al-Šid wa al-Dhabāih, Bāb al-Amr bi Qatl al-Kilāb, no. Hadith 4276 riwayat Maimunah RA; Kitab al-Šid wa al-Dhabāih, Bāb Imtinā' al-Malā'ikat Min Dukhūl Bayt fihi Kalb, no. Hadith 4281 dengan tambahan [وَلَا جُنْبَتْ]. *Ibid.*, no. Hadith 4282, dan Ibn Mājah, Kitab al-Libās, Bāb al-Šuār fī al-Bayt, no. Hadith 3649. *Ibid.*, no. Hadith 3650. *Ibid.*, no. Hadith 3651 riwayat 'Ā'ishah dengan taraf hasan sahib. Lihat Abū 'Abd Allāh Muhammād bin Ismā'il al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Sahīh al-Musnād Min Ḥadīth Rāsūllilāh wa Sunanīh wa Ayyāmīh* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 427; 2: 448; 3: 92, dan Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūri, "Sahīh Muslim," dalam *Mawsū'at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī', 2000), 1054-1055, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashāth al-Sajistāni, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Mā'arif lil Nashr wa al-Tawzī', 1988), 742, dan Abū 'Abd 'Allah Abū 'Isa al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Mā'arif li Nashr wa al-Tawzī', 1996), 628, dan Abū 'Abd Rahmān Ahmād bin Shu'aib bin 'Alī al-Nasā'i, *Sunan al-Nasā'i* (Riyadh: Maktabah al-Mā'arif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1988), 659, dan Ibn Mājah al-Qazawīnī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Mā'arif lil Nashr wa al-Tawzī', 1986), 606.

<sup>383</sup> Ahmad bin 'Alī Ibn Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī* (Kaherah: Dār al-Rayyān al-Turāth, 1986), 10: 395.

<sup>384</sup> Hadith riwayat al-Bukhari, Kitab Bad' al-Khalq, Bāb Idhā Waqa'a al-Dhubāb fī Shirāb Aḥadikum Falyaghmisu Fainna fī Aḥad Janaḥaihi Dā' wa fī al-Ākhar Shifā', no. Hadith 3323, dan Muslim, Kitab al-Musāqāt, Bāb al-Amr bi Qatl al-Kilāb wa Bayān Nasakihi wa Bayān Tahrīm Iqtinā'iḥā Illā li Ṣid aw Zar'i aw Māshiah wa Nahu Dhālik, no. Hadith 4016. *Ibid.*, no. Hadith 4017. *Ibid.*, no. Hadith 4019 dengan tambahan pada matan [أَلْكَلْبُ صَنِيعٌ, أَوْ كَلْبُ غَنِيمٍ, أَوْ كَلْبُ مَاشِيَّةٍ]: "Diperintah membunuh anjing kecuali anjing bagi tujuan buruan, menjaga tanaman dan haiwan ternakan," dan al-Tirmidhi, Kitab al- al-Ṣid, Bāb Mā Jā'a Man Amsaka Kalb Ma Yanqus Min Ajrih, no. Hadith 1488 dengan tambahan berbeza pada akhir matan [أَلْكَلْبُ صَنِيعٌ, أَوْ كَلْبُ مَاشِيَّةٍ], dan al-Nasā'i, Kitab al-Ṣid wa al-Dhabāḥīl, Bab al-Amr bi Qatl al-Kilāb, no. Hadith 4277 dengan tambahan pada akhir matan [صَنِيعٌ مَا شَتَّى مِنْهَا]. *Ibid.*, no. Hadith 4278. *Ibid.*, no. Hadith 4279, dan Ibn Mājah, Kitab al-Ṣid, Bāb Qatl al-Kilāb Illā Kalb Ṣid aw Zar'i, no. Hadith 3202. *Ibid.*, no. Hadith 3203 dengan tambahan [أَلْكَلْبُ صَنِيعٌ, أَوْ كَلْبُ مَاشِيَّةٍ]. Lihat Abū 'Abd Allāh Muḥammad bin Ismā'il al-Bukhārī, *Al-Jāmi' al-Ṣāḥili al-Musnad Min Hadith Rasūllillāh wa Sunanīh wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 448, dan Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, "Ṣāḥili Muslim," dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin 'Abd al-Azīz Al- Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī', 2000), 950-951, dan Abū 'Abd Allāh Abū 'Isā al-Tirmidhi, *Sunan al-Tirmidhi* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li Nashr wa al-Tawzī', 1996), 352, dan Abū 'Abd Rahmān Ahmad bin Shu'aib bin 'Alī al-Nasā'i, *Sunan al-Nasā'i* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li Nashr wa al-Tawzī', 1988), 659, dan Ibn Mājah al-Qazawaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', 1986), 541.

<sup>385</sup> ‘Izzat ‘Ubaid al-Da‘ās, *Sunan Abū Dāwūd wa Mu‘ālim al-Sunan* (Beirut-Lubnan: Dār Ibn Hazm, 1997), 3: 182.

عَنْ عَبْدِ اللَّهِ بْنِ مُعَقَّلٍ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : لَوْلَا أَنَّ الْكِلَابَ أُمَّةٌ مِنَ الْأُمَمِ لَأَمْرَتُ  
بِقَتْلِهَا كُلَّهَا ، فَاقْتُلُوا مِنْهَا كُلَّاً أَسْوَدَ بَهِيمٍ

Terjemahan: Diriwayatkan dari ‘Abd Allāh bin Maghfal RA katanya: Rasullullah SAW bersabda: “Kalaular anjing bukan merupakan satu umat dari umatku, nescaya akan aku perintahkan supaya dibunuh semuanya, maka bunuhlah daripadanya setiap (anjing) yang hitam.”<sup>386</sup>

Mengulas nas berikut, Abū Sulaymān al-Khaṭṭābī berkata Islam tidak suka akan kepupusan sesuatu umat. Setiap makhluk memiliki peranan tersendiri dalam ekosistem.<sup>387</sup> Justeru, umat Islam tidak boleh membunuh semua jenis anjing. Hanya “*anjing hitam*” sahaja harus dibunuh<sup>388</sup> dan jenis anjing lain perlu dibiarkan tanpa gangguan.

Menurut al-Khaṭṭābī lagi, “*anjing hitam*” merupakan perumpamaan bagi anjing jahat yang mengancam manusia.<sup>389</sup> Anjing hitam merupakan spesies anjing paling jahat dan buas.<sup>390</sup> Malah, anjing hitam turut dikaitkan dengan syaitan.<sup>391</sup> Hasil buruan anjing hitam juga tidak halal dimakan.<sup>392</sup>

Sheikh ‘Atiyyah Saqar, bekas pengurus Majlis Fatwa Universiti al-Azhar, Mesir telah merumuskan hukum membunuh anjing seperti berikut:

<sup>386</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Ṣīd, Bāb fī Ittikhādh li Ṣīd wa Ghairih, no. Hadith 2845. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 505.

<sup>387</sup> Yusuf al-Qardawi, *Fiqih Peradaban Sunah Sebagai Paradigma Ilmu Pengetahuan* (Surabaya: Dunia Ilmu, 1997), 186.

<sup>388</sup> Ṣafā al-Dawwī Ahmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dibājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.t.p., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 4: 383-384.

<sup>389</sup> ‘Izzat ‘Ubaid al-Da‘ās, *Sunan Abū Dāwūd wa Mu‘ālim al-Sunan*, 3: 182.

<sup>390</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Hlaq al-‘Aẓīm Ābādī, *‘Aun al-Ma‘būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 8: 48.

<sup>391</sup> Ini berdasarkan hadith Nabi SAW riwayat Abū Dhar iaitu,

عَنْ أَبِي ذِئْرٍ ، قَالَ : " سَأَلْتُ رَسُولَ اللَّهِ : عَنِ الْكِلَبِ الْأَسْوَدِ الْبَهِيمِ ، فَقَالَ :

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Abū Dhar RA katanya: “Aku telah bertanya kepada Rasūllullāh SAW tentang anjing hitam, maka Rasullullah SAW bersabda: Itu adalah syaitan.” Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Ṣīd, Bāb al-Ṣīd Kalb al-Majūs wa al-Kalb al-Aswad al-Bahīm, no. Hadith 3210. Lihat Ibn Mājah al-Qazawaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 543, dan Ṣafā al-Dawwī Ahmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dibājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah*, 4: 383.

<sup>392</sup> ‘Izzat ‘Ubaid al-Da‘ās, *Sunan Abū Dāwūd wa Mu‘ālim al-Sunan*, 3: 182.

1. Tidak boleh membunuh anjing yang terlatih untuk tujuan-tujuan yang dibenarkan syara' seperti untuk keselamatan, jurupandu, penternakan dan seumpama.<sup>393</sup>
2. Anjing yang tidak bermanfaat. Sekiranya berbahaya seperti mengancam kanak-kanak, membawa penyakit atau mengganggu kejiraninan, maka diharuskan membunuhnya bagi tujuan kawalan.<sup>394</sup>
3. Anjing yang tidak bermanfaat dan tidak memudaratkan. Para ulama berselisih pendapat sama ada harus atau haram membunuhnya.<sup>395</sup>

Kesimpulannya, anjing harus dibunuh jika mengandungi manfaat kepada manusia dan sebagai langkah menghindari kejahatannya.<sup>396</sup> Makruh hukumnya jika membunuh anjing tanpa tujuan mendesak.<sup>397</sup> Ini secara tidak langsung memberi panduan bagaimana menangani anjing ganas, galak, liar dan berpenyakit.

Anjing yang disifatkan sebagai 'aqūr (mengancam dan memusuhi manusia) adalah khusus terhadap anjing dewasa. Anak-anaknya tidak bersifat dengan sifat sedemikian dan tidak termasuk dalam kategori haiwan fasiq.<sup>398</sup>

---

<sup>393</sup> Ṣafā` al-Ḍawwī Aḥmad al-‘Adawī, *Ihdā` al-Dibājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājāh*, 4: 384.

<sup>394</sup> Ini merupakan pendapat jumhur ulama. *Ibid.*, 4: 384.

<sup>395</sup> Imam al-Ḥaramayn mengecualikan anjing yang tidak memudaratkan dari dibunuh kecuali anjing hitam dan seumpama dengannya. Mazhab Maliki pula mengharuskan membunuh semua jenis anjing kecuali anjing yang bermanfaat. Rujuk Monika@Munirah Abd Razak dan Nik Mohd Zaim Ab Rahim, "Hadith-Hadith Mengenai Anjing: Tumpuan Kepada Isu Pemeliharaan Dan Pengharamannya Daripada Perspektif Hadith Ahkam," dalam *Seminar Antarabangsa Sunnah Nabawiyah: Realiti Dan Cabaran Semasa (MUSNAD I)*, ed. Fauzi Deraman, Ishak Suliaman dan Faisal Ahmad Shah (Jabatan al-Quran & al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, 2011), 4: 384.

<sup>396</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasha Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 48.

<sup>397</sup> ‘Izzat ‘Ubaīd al-Da‘ās, *Sunan Abū Dāwūd wa Mu‘ālim al-Sunan*, 3: 181.

<sup>398</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Aḥmad bin Abī Bakr al-Qurtubī, *Al-Jāmi’ li Ahkām al-Qur’ān* (Beirut-Lubnan: Muassasah al-Risālah, 2006), 8: 182.

## **Hadith Ketujuh:** Hadith yang menyebutkan ular dan keburukannya

عَنْ ابْنِ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا، أَنَّهُ سَمِعَ النَّبِيَّ يَنْهَا بِعَلَى الْمُنْبَرِ، يَقُولُ :  
اَفْتُلُوا الْحَيَّاتِ وَاقْتُلُوا ذَا الْطُفَيْلَيْنِ وَالْأَبْتَرَ فَإِنَّهُمَا يَطْمِسَانِ الْبَصَرَ وَيَسْتَسْقِطَانِ الْجَلَلَ

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn ‘Umar RA: *Bahawa dia mendengar Nabi SAW berkhutbah di atas mimbar. Baginda SAW bersabda: "Bunuhlah ular dan bunuhlah "dhā al-Tafyatain" (ular yang memiliki dua garis putih di belakangnya) dan "al-Abtar" (ular yang pendek ekornya), kerana sesungguhnya keduanya merosak penglihatan dan menggugurkan kandungan".*

### **Sumber Hadith:**

1. Ṣahīḥ Bukhārī: {Kitab Bad’ al-Khalq, Bāb Qaul Allāh wa Baththa fīhā Min Kulli Dābbah, no. Hadith 3297,<sup>399</sup> 3298}<sup>400</sup> {Kitab Bad’ al-Khalq, Bāb Khair al-Māl Muslim Ghanam Yattabi‘ Bihā Sha‘fu al-Jabāl, no. Hadith 3308,<sup>401</sup> 3309}<sup>402</sup>
2. Ṣahīḥ Muslim: {Kitab al-Salām, Bāb Qatl al-Hayāt wa Ghairihā, no. Hadith 5823,<sup>403</sup> 5824,<sup>404</sup> 5825,<sup>405</sup> 5826,<sup>406</sup> 5827,<sup>407</sup> 5828}<sup>408</sup>

<sup>399</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘il al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣahīḥ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūllillāh wa Sunanīh wa Ayyāmīh* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 443.

<sup>400</sup> *Ibid.*, 2: 444 dengan tambahan matan [ قالَ عَنْ عَبْدِ اللَّهِ قَوْنَيْنَ أَنَّهُمَا فَادِيَنِي أَبُو لَيْلَةَ لَا تَشْتَهِيَنِي، فَقُتِلُتْ : إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَدَّ أَمْرَ بِمَقْتَلِ الْحَيَّاتِ، قَالَ : إِنَّهُمْ يَعْذِذُونَ ذَلِكَ عَنْ دُوَافَاتِهِنَّ ]: 'Abd Allāh (Ibn Umar) RA berkata: Ketika saya memburu seekor ular yang hendak dibunuh, Abu Lubābah RA berkata pada saya: "Jangan engkau bunuh ular itu!" Kata saya: "Rasulullah SAW telah memerintahkan supaya ular itu dibunuh". Katanya: "Sesungguhnya beliau melarang sesudah itu membunuh ular rumah, iaitu ular yang tinggal dalam rumah".

<sup>401</sup> *Ibid.*, 2: 445, dengan matan khusus berkenaan "Dhā al-Tafyatain" iaitu [عَنْ عَابِثَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ : قَالَ النَّبِيُّ اَفْتُلُوا ذَا الْطُفَيْلَيْنِ فَلَمَّا يَقْبِسُنَ الْبَصَرُ وَيَصِيبَ [الْجَلَلَ].

<sup>402</sup> *Ibid.*, 2: 446 dengan matan khusus berkenaan "al-Abtar" riwayat dari ‘Ā’ishah RA iaitu [عَنْ عَابِثَةَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، قَالَتْ : اَمْرَ رَبِّي يَقْتَلُ الْأَنْتَرَ، وَقَالَ : إِنَّهُ يَصِيبُ الْبَصَرَ [ وَيَنْهَا مِنَ الْجَلَلِ ].

<sup>403</sup> Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, "Ṣahīḥ Muslim," dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1074 dengan matan yang sedikit berbeza dan hanya menyebutkan supaya dibunuh ular "Dhā al-tafyatain" riwayat ‘Ā’ishah RA iaitu [أَمْرَ رَسُولِ اللَّهِ يَقْتَلُ ذَي الْطُفَيْلَيْنِ، فَلَمَّا يَقْبِسُنَ الْبَصَرُ وَيَصِيبَ الْجَلَلَ ].

<sup>404</sup> *Ibid.*, 1074 dengan matan sedikit berbeza iaitu [أَمْرَ رَسُولِ اللَّهِ يَقْتَلُ الْأَنْتَرَ وَذَي الْطُفَيْلَيْنِ، فَلَمَّا يَقْبِسُنَ الْبَصَرُ وَيَصِيبَ الْجَلَلَ ].

<sup>405</sup> *Ibid.*, 1074 dengan matan lebih panjang iaitu [أَفْتُلُوا الْحَيَّاتِ، وَذَا الْطُفَيْلَيْنِ، وَالْأَبْتَرَ فَلَمَّا يَسْتَقِطَانِ الْجَلَلَ وَيَقْبِسُانِ الْبَصَرَ ، قَالَ : فَكَانَ ابْنُ عُمَرَ يَقْتَلُ كُلَّ حَيَّةٍ وَخَدْنَاهَا، فَأَنْصَرَهُ [أَبُو لَيْلَةَ بْنَ عَبْدِ الْمُنْبَرِ أَوْ زَيْدَ بْنَ الْخَطَّابَ وَهُوَ يَطَّارِدُ حَيَّةً، فَقَالَ : إِنَّهُ قَدْ حُمِيَ عَنْ دُوَافَاتِهِنَّ ]: اَفْتُلُوا الْحَيَّاتِ وَالْكَلَابَ وَاقْتُلُوا ذَا الْطُفَيْلَيْنِ وَالْأَبْتَرَ ، فَلَمَّا يَقْبِسُانِ الْبَصَرَ [ وَيَسْتَقِطَانِ الْجَلَلَ ].

<sup>406</sup> *Ibid.*, 1074 dengan menambahkan suruhan membunuh anjing pada awal matan [أَفْتُلُوا الْحَيَّاتِ وَالْكَلَابَ وَاقْتُلُوا ذَا الْطُفَيْلَيْنِ وَالْأَبْتَرَ ، فَلَمَّا يَقْبِسُانِ الْبَصَرَ [ وَيَسْتَقِطَانِ الْجَلَلَ ].

3. Sunan Abū Dāwūd: {Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Hayāt, no. Hadith 5252,<sup>409</sup>  
5253}<sup>410</sup>
4. Jāmi' Tirmidhī: {Kitab al- al-Šid, Bāb Mā Jā'a fī Qatl al-Hayāt, no. Hadith 1483}<sup>411</sup>
5. Sunan Ibn Mājah: {Kitab al-Ṭibb, Bāb Qatl Dhī al-Ṭifyatain, no. Hadith 3534,<sup>412</sup>  
3535}<sup>413</sup>

## Perbahasan Hadith:

### Pertama: Ular Dan Sifatnya

Ular merupakan haiwan menggerunkan dengan bisa dan gigitan berbahaya yang mampu mengundang maut.<sup>414</sup> Ular terdiri dari pelbagai jenis dengan ada yang memiliki bisa, ada yang menggigit dan membelit dilengkapi gigi tajam dan tubuh berotot yang kuat. Memelihara ular adalah perkara yang tidak disukai syara' tanpa ada keperluan.

Ular merupakan haiwan yang dibenci disebabkan permusuhan terhadap manusia. Permusuhan ini sudah lama terjadi. Dikatakan manusia dan ular diciptakan untuk saling berbunuhan. Dalam satu riwayat, disebutkan permusuhan ini berlaku sejak zaman

<sup>407</sup> Ibid., 1074.

<sup>408</sup> Ibid., 1074 dengan matan yang berbeza iaitu [قالَ أَبُو لِيَّا بْنَ الْأَنْصَارِيِّ: إِنِّي سَمِعْتَ رَسُولَ اللَّهِ "تَهْنِي عَنْ قَتْلِ الْجِنَانِ الَّتِي تَكُونُ فِي الْبُيُوتِ]

<sup>409</sup> Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma 'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', 1988), 949.

<sup>410</sup> Ibid., 949 riwayat Abū Lubābah [عَنْ أَبِي لِيَّا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: "تَهْنِي عَنْ قَتْلِ الْجِنَانِ الَّتِي تَكُونُ فِي الْبُيُوتِ إِلَّا أَنْ يَكُونَ ذَا الطُّفْقَيْنِ وَالْأَبْرَى، فَإِنَّهُمَا يَنْطَهِيَانِ الْبَصَرَ وَيَطْرَحَانِ مَا فِي بَطْنِهِمَا" ].

<sup>411</sup> Abū 'Abd 'Allah Abū 'Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma 'ārif li Nashr wa al-Tawzī', 1996), 351 dengan riwayat yang panjang dan turut menyebutkan nasikh dan mansukh hadith membunuh ular عن سالم بن عبد الله، عن أبيه ، قال : قال رسول الله: "إنما قتلوا [ إنما قاتلوا ] الْجِنَانَ الْمُعَزَّزَ، وَالْجِنَانُ، فَإِنَّهُمَا يَنْتَهِيَانِ الْبَصَرَ، وَيُنْسَقِطُانِ الْبَصَرَ" ; [الْجِنَانُ، وَاقْتَلُوا ذَا الطُّفْقَيْنِ، وَالْأَبْرَى، فَإِنَّهُمَا يَنْتَهِيَانِ الْبَصَرَ، وَيُنْسَقِطُانِ الْبَصَرَ] . قال : وقد يُؤْمِنُ عَنِ ابْنِ عَمْرَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ : "تَهْنِي بَعْدَ ذَلِكَ عَنْ قَتْلِ حَيَاتِ الْبُيُوتِ وَهِيَ : الْعَوَابِرُ" ; "Diriwayatkan dari Sālim, dari ayahnya (Ibn 'Umar RA), Rasullullah SAW bersabda: "Bunuhlah ular, bunuhlah "dhā al-Tafyatain" (ular yang memiliki dua garis putih di belakangnya), "al-Abtar" (ular yang pendek ekornya), kerana sesungguhnya keduanya merosak penglihatan dan menggugurkan kandungan". Kata Sālim lagi, beliau turut meriwayatkan dari Ibn 'Umar dari Abū Lubābah, " Sesungguhnya Nabi SAW melarang setelah itu membunuh ular yang diam di dalam rumah." ]

<sup>412</sup> Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma 'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', 1986), 590 dengan menyebutkan makna "dhā al-tafyatain" sebagai [الْجِنَانُ الْمُشَبَّهُ]: "ular menjijikkan".

<sup>413</sup> Ibid., 590.

<sup>414</sup> 'Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā' ī al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mīraj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 24: 405.

Nabi Adam AS. Ular telah bersekongkol membantu Iblis *laknatullāh* memasuki syurga untuk menggoda Adam AS dan Hawa sehingga mereka berdua dikeluarkan Allah SWT dari syurga. Ibn ‘Abbās RA pernah berkata: “*Maka bunuhlah ular di mana pun kalian menemukannya. Pendamlah makhluk yang pernah mendapat jaminan musuh Allah itu.*”<sup>415</sup>

Berkenaan sifat dua jenis ular berbahaya dalam hadith, “*dhā al-Tafyatain*” (ular yang memiliki dua garis putih di belakang<sup>416</sup> dan “*al-Abtar*” (ular yang berekor pendek),<sup>417</sup> ancamannya sama dengan ancaman ular masa kini misalnya tedung selar, ular kapak dan ular sawa. Semuanya berbahaya, boleh membunuh dalam masa singkat, membutakan penglihatan<sup>418</sup> dan menggugurkan kandungan dengan patukan bisa dan lilitannya.<sup>419</sup>

## Kedua: Hukum Membunuh Ular

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : " مَا سَأَلْمَنَاهُنَّ مُنْذُ حَارِنَاهُنَّ، وَمَنْ تَرَكَ شَيْئًا مِنْهُنَّ خِيفَةً، فَلَيَسَ مِنَّا "

Terjemahan: Dari Abū Hurairah RA, Rasulullah SAW bersabda, “*Kami tidaklah berdamai dengan mereka (ular) sejak kami memerangi mereka, barang siapa yang meninggalkan ia kerana takut (gigitan dan patukan), maka bukan dari golongan kami.*”<sup>420</sup>

<sup>415</sup> Abū al-Ṭayyib Muḥammad Syams al-Ḥlaq al-‘Aẓīm Ābādī, ‘Aun al-Ma’būd Sharh Sunan Abū Dāwūd (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 163.

<sup>416</sup> Abū Sulayman Muḥammad Al-Khaṭṭābī al-Bustī, Ma ‘ālim al-Sunan Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Ḩalb: Maṭba‘ah al-‘Ilmiyah, 1934), 4: 157.

<sup>417</sup> *Ibid.*, 4: 157.

<sup>418</sup> *Ibid.*, 4: 157.

<sup>419</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasar Maktabah Malik Fahd al-Waṭanīyah Ithnā’ Nashr, 2001), 6: 408, dan Yaḥyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Sahīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 14: 230.

<sup>420</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Hayāt, no. Hadith 5248. Namun, hadith ini dinilai hasan oleh al-Albānī. *Ibid.*, no. Hadith 5249 dengan matan yang berbeza iaitu [عَنْ أَنَّ مُسْعُودَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : " أَقْتُلُ الْجِئْنَاتَ كُلَّهُنَّ فَإِنْ خَافَ ثَأْرُهُنَّ فَلَيَسَ مِنَّا "] Terjemahan: “Diriwayatkan daripada Ibn Mas‘ūd RA katanya: Rasulullah SAW telah bersabda: “*Bunuhlah ular keseluruhannya, barang siapa yang takut akan kesan (gigitan dan patukan) ular, maka ia bukan dari golongan kami.*” *Ibid.*, no. Hadith 5250 dengan lafadz sedikit berbeza iaitu [عَنْ أَنَّ رَبِيعَ الْجِئْنَاتَ خَافَ ثَأْرُهُنَّ فَلَيَسَ مِنَّا ، مَا سَأَلْمَنَاهُنَّ مُنْذُ حَارِنَاهُنَّ], dan al-Nasā’ī, Kitab al-Jihād, Bāb Khāna Ghāriyān fī Ahlīh, no. Hadith 3193 dengan matan riwayat Ibn Mas‘ūd iaitu [عَنْ عَبْدِ اللَّهِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ، عَنْ رَسُولِ اللَّهِ أَمْرَ بِقَتْلِ الْجِئْنَاتِ، وَقَالَ : مَنْ خَافَ ثَأْرُهُنَّ فَلَيَسَ مِنَّا ]. Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif li Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 948-949, dan Abū ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu‘āb bin ‘Alī al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 494.

Menurut Ibn Mundhir, para ulama mengharuskan membunuh semua spesies ular berdalilkan *nas* tertera. Akan tetapi, pendapat ini dikritik Imam Malik, Hammād dan al-Hakām yang mengecualikan membunuh ular kecil yang belum mampu menghadirkan bahaya kepada manusia.<sup>421</sup>

Bagi ular yang menghuni rumah,<sup>422</sup> larangan Nabi SAW dari membunuhnya berdasarkan riwayat Abū Lubābah RA adalah demi menjaga maslahah kaum jin agar tidak dibunuh sewenang-wenangnya. Boleh jadi ular tersebut merupakan jelmaan jin.<sup>423</sup> Ia boleh dibunuh jika berdegil, enggan keluar dan masih mengganggu selepas diberi peringatan (*indhār*).<sup>424</sup>

<sup>421</sup> Imam al-Bukhārī turut menyatakan membunuh ular dalam dan luar tanah Haram tidak dilarang. Lihat Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 210.

<sup>422</sup> Dalam mengenal rupa ular jelmaan jin, Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī ada menyebutkan dalam kitabnya bahawa ular jelmaan jin berbentuk kecil halus dan dikatakan juga ada yang berwarna putih. Lihat Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī*, 6: 408.

<sup>423</sup> Ini berdasarkan hadith Nabi SAW,

عَنْ أَبِي ثُعَّبَةَ، أَنَّهُ كَانَ يَقْتُلُ الْجِنَّاتَ فَحَدَّثَهُ أَبُو لَيْلَةَ، أَنَّ النَّبِيَّ: "نَهَا عَنْ قَتْلِ جِنَّاتِ الْبَيْتِ"

Terjemahan: Dari Ibn ‘Umar RA, “Sesungguhnya dia (Ibn ‘Umar RA) telah membunuh ular-ular (yang ditemuinya),” maka diceritakan kepadanya akan satu sabda Nabi SAW dari Abū Lubābah RA: “Sesungguhnya Nabi SAW mlarang (setelah itu) membunuh jin-jin yang (menyerupai ular) yang menghuni rumah-rumah manusia.” Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Bad’ al-Khalq, Bāb Khair al-Māl Muslim Ghanam Yattabi’ Biḥā Sha’fū al-Jabāl, no. Hadith 3313. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣahīḥ al-Musnad Min Ḥadīth Rasūllillāh wa Sunanīh wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 446.

Hal ini kerana jin dianugerahi Allah SWT dengan kelebihan dapat menjelma dalam bentuk seperti ular, kala jengking, anjing bahkan mampu menyerupai manusia. Nabi SAW juga pernah bersabda:

عَنْ أَبِي ثَعَّبَةَ، قَالَ: سَعَى رَسُولُ اللَّهِ يَقُولُ: الْمَنْ عَلَى نَارِكَةِ أَسْنَابِ: صَنَفَ كِلَاثَ وَخَيَّاتَ، وَصَنَفَ بَطَرِيرَوْنَ فِي الْمَوَاءِ، وَصَنَفَ بَطَلُونَ وَظَطَّوْنَ"

Dari Abū Tha’labah RA berkata, aku telah mendengar Rasullullah SAW bersabda: “Jin itu mempunyai tiga jenis, satu jenis yang berbentuk anjing dan ular, satu jenis lagi yang mempunyai sayap berterbangan di udara, dan jenis (seterusnya ialah) yang berpindah randah.” Lihat Sahīḥ Ibn Hibbān, Kitab al-Tārikh, Bāb Bad’ al-Khalq, Dhikr Waṣf Ajnās al-Jān Allatī ‘Alalhā Khuliqat, no. Hadith 6156. Lihat ‘Alī bin Bilbān al-Fārisī, *Sahīḥ Ibn Hibbān bi Tartīb Ibn Bilbān*, (Beirut: Muassasah al-Risālah, 1993), 14: 26, dan Malik Faisal, *Jampi Jelmaan al-Qur'an dan al-Hadis Membongkar Rahsia Alam Jin dan Sihir* (Selangor: PTS Islamika Sdn.Bhd, 2010), 38-39, dan Mahyuddin Ismail, *Ahli Sihir ke Tali Gantung* (Selangor: PTS Millennia Sdn. Bhd, 2012), 92.

<sup>424</sup> Nabi SAW telah mengajarkan kepada umatnya doa untuk memohon perlindungan dan memberi peringatan pada ular yang menghuni rumah iaitu:

عَنْ عَبْدِ الرَّحْمَنِ تَبَّاعَ أَبِي لَيْلَى، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "إِذَا طَهَرْتَ الْمَنِيَّةَ فِي الْمَسْكِنِ، فَقُولُوا لَمَا: إِنَّا نَسْأَلُكَ بَعْدَ نُؤْحَى، أَنْ لَا تُؤْذِنَا، فَإِنْ عَادَتْ فَاقْتُلُوهَا"

Terjemahan: Dari ‘Abd al-Rahmān bin Abū Lailā katanya, telah berkata Abū Lailā RA (Dāwūd bin Bilāl), Rasullullah SAW bersabda: “Apabila muncul ular di rumah kamu, maka katakan kepadaanya, ‘Aku memohon (berlindung) daripadamu dengan (perjanjianmu pada) Nabi Nuh AS dan Nabi Sulayman bin Dāwūd AS (kepadamu) agar tidak menyakiti (mengganggu) kami.’ Jika ia kembali (mengganggu), maka bunuhlah ia.” Hadith riwayat al-Tirmidhī, Kitab al-ṣid, Bāb Mā Jā'a fī Qatl al-Ḥayāt, no. Hadith 1485, dan Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Ḥayāt, no. Hadith 5260 dengan matan yang sedikit berbeza dari perawi yang sama iaitu: أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ مُصَلٍّ عَنْ حَيَاتِ الْبَيْتِ، فَقَالَ: إِذَا رَأَيْتُمْ مُنْهَنَ شَتَّى فِي مَسَايِّكُمْ، فَقُولُوا: أَنْشَدْكُنَ الْمَهْدَى أَخْذَ عَلَيْكُنَ نُؤْحَى، أَنْشَدْكُنَ الْعَفَّةَ الَّذِي أَخْذَ عَلَيْكُنَ شَتَّى، أَنْ لَا تُؤْذِنُوا فَإِنْ [ ]

Terjemahan: “Rasullullah SAW telah ditanya tentang ular yang menghuni rumah manusia: baginda SAW bersabda: “Jika salah seorang dari kalian melihat ular berada di rumah-rumah kalian, maka katakanlah kepada mereka, ‘Aku sumpah kalian atas janji yang pernah Nuh AS ambil dari kalian, aku sumpahi kalian atas janji yang pernah Sulayman AS ambil dari kalian, yakni agar kalian tidak mengganggu kami, jika mereka tetap kembali maka bunuhlah mereka.’” Namun begitu, kedua-dua hadith ini dinilai dhaif menurut al-Albānī disebabkan terdapat Ibn Abū Lailā (Muhammad bin ‘Abd al-Rahmān bin Yasār) yang dikritik sebagai *da’ if al-hadīth* dalam rangkaian sanad. Lihat Abū ‘Abd ‘Allah Abū ‘Isa al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li Nashr wa al-Tawzī’, 1996), 352, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-

Dalam bab memberi peringatan (*indhār*) pada ular yang menghuni dalam rumah supaya keluar, ulama berselisih pendapat berkenaan tempoh tersebut sama ada selama tiga hari<sup>425</sup> atau tiga kali.<sup>426</sup> Jumhur ulama memilih pendapat yang lebih kuat iaitu tiga hari.<sup>427</sup>

---

Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 950. Rujuk juga al-Qādī ‘Iyād, *Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim li'l Qādī 'Iyād al-Musammā Ikmal Mu'allim bi Fawā'id Muslim* (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā' li'l Ṭabā'ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, 1998), 7: 167.

<sup>425</sup> Ini berdasarkan hadith dalam ṣaḥīḥ Muslim, Sunan Abū Dāwūd dan Sunan al-Tirmidhī:

عَنْ أَبِي سَعِيدِ الْحُدْرِيِّ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ إِنَّ الْمُجْرِمَ مِنَ الْجِنِّ يَقْتَلُهُ ثَلَاثَةٌ، فَإِنْ يَمْلِأَ لَهُ بَعْدَهُ شَيْطَانٌ

Terjemahan: Dari Abū Sa‘īd al-Khudrī RA, Rasullullah SAW pernah bersabda: “Sesungguhnya di wilayah Madinah ini ada sekumpulan jin yang telah memeluk Islam, jika kamu melihat sesuatu yang pelik padanya, maka izinkanlah ia tinggal selama tiga (hari), jika ia masih ada (selepas itu), maka bunuhlah ia oleh kerana ia adalah syaitan.” Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Salām, Bāb Qatl al-Hayāt wa Ghairihā, no. Hadith 5841. *Ibid.*, no. Hadith 5840, dan Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Hayāt, no. Hadith 5258. *Ibid.*, no. Hadith 5259 dengan dinilai sebagai hasan oleh al-Albānī, dan al-Tirmidhī, Kitab al-Ṣid, Bāb Mā Ja'a fī Qatl al-Hayāt, no. Hadith 1484. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Shāfi'ī al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin 'Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1075, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 950, dan Abū 'Abd 'Allāh Abū 'Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li Nashr wa al-Tawzī’, 1996) 351-352.

<sup>426</sup> Dalam riwayat lain disebutkan ular yang tidak mau keluar dari rumah setelah *indhār* sebanyak tiga kali merupakan syaitan dan boleh dibunuh iaitu:

أَبَا سَعِيدِ الْحُدْرِيِّ، يَشَوِّلُ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : إِنَّ الْجُمْدَنَةَ مِنَ الْجِنِّ، فَمَنْ رَأَى عِنْهُ شَيْئاً، فَلْيُخْبِرْ عَلَيْهِ ثَلَاثَ مَرَاتٍ، فَإِنْ نَفَرَ مِنَ الْجِنِّ أَشْلَكُوهُ بِالْمَدِينَةِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ أَحَدًا مِنْهُمْ فَخْرُوْرُهُ ثَلَاثَ مَرَاتٍ، ثُمَّ إِنْ يَمْلِأَ لَهُ بَعْدَهُ شَيْطَانٌ

Terjemahan: dari Abū Sa‘īd al-Khudrī RA katanya, Rasullullah SAW bersabda: “Sesungguhnya ular hitam itu adalah jin, maka sesiapa yang melihatnya di rumah, berilah ia peringatan sebanyak tiga kali, jika ia kembali, maka bunuhlah ia kerana itu adalah syaitan.” Rujuk hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Hayāt, no. Hadith 5256. *Ibid.*, no. Hadith 5257 dengan matan berbeza iaitu [إِنَّ نَفَرَا مِنَ الْجِنِّ أَشْلَكُوهُ بِالْمَدِينَةِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ أَحَدًا مِنْهُمْ فَخْرُوْرُهُ ثَلَاثَ مَرَاتٍ]. Namun begitu, hadith ini masing-masing dinilai dhaif dan hasan sahih oleh al-Albānī. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 949-950.

<sup>427</sup> *Indhār* merupakan perkara yang dititikberatkan oleh kerana Islam menjaga maslahah setiap makhluk ciptaan Allah SWT. Abū Sa‘īd al-Khudrī RA pernah menceritakan kisah seorang pemuda yang mati selepas membunuh ular yang ada dalam rumahnya.

عَنْ أَبِي السَّابِبِ، قَالَ: أَتَيْتُ أَبَا سَعِيدَ الْحُدْرِيَّ، فَبَيْنَمَا أَنَا جَالِسٌ عَنْهُ، سَعِيَتْ لَهُ سَرِيرَةٌ تَجْرِيْكَيْ، فَنَظَرْتُ فَإِذَا حَمْرَةً، فَسَعَيَتْ، قَالَ أَبُو سَعِيدٍ: مَا الْحُكْمُ؟ قَالَ: حَمْرَةٌ هَذِهِ؟ قَالَ: أَنْتَهَا، فَأَشَارَ إِلَيْنِيْتُ فِي دَارِ تَلَاقِيْتِيْ، فَقَالَ: إِنَّ أَبْنَى عَمَّ لِي كَانَ فِي هَذَا الْبَيْتِ، فَلَمَّا كَانَ يَوْمُ الْأَحْزَابِ اسْتَأْذَنَ إِلَيْهِ، وَكَانَ حَدِيثُ عَيْنِيْ بِعِمْدِيْسِ، فَأَؤْذَنَ لَهُ رَسُولُ اللَّهِ وَأَمْرَهُ أَنْ يَلْهُبَ بِسَلَاجِيْ، فَأَفَّى دَارَةً فَوَجَدَ امْرَأَتَهُ قَائِمَةً عَلَى بَابِ الْبَيْتِ، فَأَشَارَ إِلَيْهَا بِالْمَيْهَ، فَقَالَتْ: لَا تَعْجَلْ حَتَّى تَقْتُلْ مَا أَخْرَجْتِيْ، فَدَخَلَ الْبَيْتَ فَإِذَا حَمْرَةٌ مُنْكَرَةٌ، مَطْعَنَهَا بِالْمَيْهَ ثُمَّ خَرَجَ بِهِ فِي الْمَيْهَ تَرْكِيْخَنْ، قَالَ: كُلَا أَذْوَى أَنْهُمَا كَانَ أَنْتَعَ مَوْتَ الرِّجْلِ أَوِ الْحَمْرَةِ، فَأَتَى قَوْمُهُ رَسُولُ اللَّهِ لِصَاحِبِيْنِ، ثُمَّ قَالَ: إِنَّ نَفَرَا مِنَ الْجِنِّ أَشْلَكُوهُ بِالْمَدِينَةِ، فَإِذَا رَأَيْتُمْ أَحَدًا مِنْهُمْ فَخْرُوْرُهُ ثَلَاثَ مَرَاتٍ، ثُمَّ إِنْ يَمْلِأَ لَهُ بَعْدَهُ شَيْطَانٌ بَعْدَ الْمَلَاثِ

Terjemahan: Dari Abū al-Sā'ib, dia menjenguk Abū Sa‘īd al-Khudrī RA di rumahnya. Aku dapat dia sedang solat. Maka aku pun duduk menunggunya. Setelah selesai solat, aku mendengar suara di salah satu tiang di atap rumah. Aku melihatnya ternyata seekor ular. Maka aku pun bangkit hendak membunuhnya. Abū Sa‘īd al-Khudrī RA mengisyaratkan agar aku duduk kembali. Aku pun duduk. Setelah keluar beliau menunjuk sebuah rumah. Beliau bertanya, "Apakah engkau melihat rumah itu?" "Ya!" jawabku. Beliau bercerita, "Dahulu di rumah itu tinggalah seorang pemuda yang baru saja bernikah. Maka kami pun berangkat bersama Rasulullah SAW ke peperangan Khandaq. Pemuda itu meminta izin kepada Rasulullah SAW untuk kembali ke rumah pada tengah hari. Rasulullah SAW mengizinkannya dan berkata, 'Bawalah senjatamu, aku takut engkau dihadang oleh Yahudi Banī Quraizah Maka pemuda itu pun membawa senjatanya. Kemudian ia kembali ke rumahnya. Sesampainya di rumah ia dapat isterinya berdiri di depan pintu rumahnya. Maka ia pun menyerbu ke arah isterinya untuk memukulnya dengan tombaknya. Ia telah terbakar rasa cemburu. Si isteri berkata kepadanya, 'Tahan dulu tombakmu terhadapku! Masuklah ke dalam rumah supaya engkau dapat melihat apa yang menyebabkan aku keluar rumah.' Maka pemuda itu pun masuk ke dalam rumah ternyata ia dapat ular besar melingkar di atas tempat tidurnya. Maka ia pun menyerangnya dengan menusukkan tombaknya. Kemudian dia keluar dan menancapkan ular itu pada tombaknya lalu ular itu menggeliat dari hujung tombak dan menyerangnya, tidak diketahui siapakah yang lebih dahulu mati apakah ular itu atau pemuda tadi. Kami pun menceritakan peristiwa itu kepada Rasulullah SAW kami berkata, 'Mintalah kepada Allah agar Dia menghidupkannya kembali untuk kami.' Rasulullah SAW berkata, 'Mintalah ampun untuk sahabat kalian ini.' Kemudian baginda bersabda, 'Sesungguhnya kota Madinah ini dihuni oleh jin-jin yang telah masuk Islam. Jika kalian melihat mereka dalam bentuk ular, maka usirlah selama tiga hari. Jika masih terlihat setelah itu, maka bunuhlah kerana ia adalah syaitan.' Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Salām, Bāb Qatl al-Hayāt wa Ghairihā, no. Hadith 5839, dan Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Hayāt, no. Hadith 5257. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūri, "Ṣaḥīḥ Muslim," dalam *Mawsū'at al-Hadīth al-Shāfi'ī al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin 'Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1075, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 950. Rujuk juga Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-Azīz Ābādī, 'Aun al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 164.

Bagi ular di luar rumah, tidak perlu diberi peringatan terlebih dahulu dan diharuskan membunuhnya bertujuan untuk menolak kemudaratannya sekalipun di masjid-masjid.<sup>428</sup>

Selanjutnya, al-Māzīrī<sup>429</sup> dan Imam Malik berpendapat *indhār* hanya khusus dilakukan kepada ular di Madinah. Manakala ular di tempat lain tidak perlu diberi peringatan terlebih dahulu bahkan sunat dibunuh berlandaskan keumuman hadith riwayat Ibn Mas'ūd<sup>430</sup> yang menyuruh membunuh tanpa menyebutkan *indhār*.<sup>431</sup> Namun, pengarang kitab 'Aun al-*Ma'būd* berpandangan pendapat paling *rājiḥ* ialah perintah memberi peringatan pada ular (*indhār*) merupakan perintah umum, bukan khusus pada ular Madinah dan terpakai di semua tempat.<sup>432</sup>

Bagi ular berbahaya seperti “*al-Tafyatain*”, “*al-Abtar*” dan seumpama, Imam Malik, al-Qādī Iyād dan sebahagian ulama telah bersepakat spesies tersebut tidak tergolong dalam hukum ular penghuni rumah ('awāmir), boleh dibunuh tanpa *indhār* jika berada di dalam rumah apatah lagi di luarnya disebabkan ia merupakan spesies merbahaya dan bukan dari jelmaan jin.<sup>433</sup>

<sup>428</sup> Yahyā bin Sharf Al-Nawawī, *Al-Minhāj Sharh Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1930), 14: 234.

<sup>429</sup> Al-Māzīrī atau nama penuhnya Abū 'Abdillah Muḥammad bin 'Alī bin 'Umar Al-Tamīmī Al-Māzīrī Al-Malikī. Beliau lahir pada 453H dan wafat pada 536H. Beliau merupakan tokoh ulama fiqh bermazhab Maliki.

<sup>430</sup> عَنْ أَبِي مُسْعُودٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ: "أَقْتُلُوا الْمُتَّبِعَاتِ كُلُّهُنَّ فَمَنْ خَافَ تَأْفِيفَهُ فَلَا يُؤْتِنَّ بِهِ"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada Ibn Mas'ūd RA katanya: Rasullullah SAW telah bersabda: “Bunuhlah ular keseluruhannya sesiapa yang takut akan kesan (gigitan dan patukan) ular, maka ia bukan dari golongan kami.” Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Hayāt, no. Hadith 5249. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma 'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', 1988), 949.

<sup>431</sup> Yahyā bin Sharf Al-Nawawī, *Al-Minhāj Sharh Ṣaḥīḥ Muslim*, 14: 230.

<sup>432</sup> *Ibid.*, 14: 230, dan Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-'Azīz Ābādī, 'Aun al-*Ma'būd Sharh Sunan Abū Dāwūd* 14: 164.

<sup>433</sup> *Ibid.*, 14: 230, dan Aḥmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharh Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniah Ithna' Nashr, 2001), 6: 408.

**Hadith Kelapan:** Hadith yang menyebutkan cicak dan keburukannya

عَنْ عَائِشَةَ، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: "لِلْوَزْغِ الْفُوَيْسِقَةُ وَمَمْأُومَةُ أَمْرٍ بِقَتْلِهِ"

Terjemahan: Diriwayatkan dari ‘Ā’ishah RA: Sesungguhnya Rasullullah SAW bersabda: “Cicak adalah haiwan kecil yang fasiq (jahat), (akan tetapi) aku tidak pernah mendengar perintah untuk membunuhnya (cicak).”

### Sumber Hadith:

1. Ṣahīḥ al-Bukhārī: {Kitab Jazā’ al-Ṣid, Bāb Mā Yaqtul al-Muḥarram Min al-Dawāb, no. Hadith 1831}<sup>434</sup> {Kitab Bad’ al-Khalq, Bāb Khair al-Māl Muslim Ghanam Yattabi‘ Bihā Sha‘fu al-Jabāl, no. Hadith 3306}<sup>435</sup>
2. Ṣahīḥ Muslim: {Kitab al-Salām, Bāb Istiḥbāb Qatl al-Wazgh, no. Hadith 5845}<sup>436</sup>
3. Sunan al-Nasā’ī: {Kitab Manāsik al-Ḥajj, Bāb Qatl al-Wazgh, no. Hadith 2886}<sup>437</sup>
4. Sunan Ibn Mājah: {Kitab al-Ṣid, Bāb Qatl al-Wazgh, no. Hadith 3230}<sup>438</sup>

### Perbahasan Hadith:

#### Pertama: Cicak Dan Sifatnya

Para ulama hadith mendefinisikan cicak sebagai haiwan reptilia yang pekak, terdiri dari pelbagai spesies dengan ciri-ciri utama mempunyai bentuk badan leper dan kulit berwarna

<sup>434</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣahīḥ al-Musnad Min ḥadīth Rasūllillāh wa Sunanīh wa Ayyāmīh* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 12.

<sup>435</sup> *Ibid.*, 2: 445.

<sup>436</sup> Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣahīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Sharīf al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1076.

<sup>437</sup> Abū ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 447 dengan matan yang lebih pendek iaitu [أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : الْوَزْغُ الْفُوَيْسِقَةُ].

<sup>438</sup> Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 545 dengan lafadz lebih ringkas iaitu [أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ: الْوَزْغُ الْمُؤْبِيْضَ].

putih keputihan. Terdapat juga cicak yang berkulit berbintik-bintik seakan-akan terkena sopak dipanggil *abras*.<sup>439</sup>

Cicak makan dengan menjulurkan lidahnya yang melekit untuk menangkap serangga.<sup>440</sup> Ia tidak akan masuk ke dalam rumah yang di dalamnya terdapat *za'farān*<sup>441</sup> selain mampu berhibernasi selama empat bulan pada musim sejuk tanpa makanan. Ia juga mempunyai sedikit persamaan dengan ular dari segi bentuk badan sepetimana persamaan antara kala jengking dan kumbang.<sup>442</sup>

Dikenali sebagai haiwan pengotor, cicak cukup dibenci oleh kerana suka membuang najis ke dalam bekas makanan dan minuman.<sup>443</sup> Imam al-Nawāwī menyatakan para ulama bersepakat mengakui perihal cicak sebagai haiwan melata jenis perosak (*hasharāt*) dan memudarangkan kesihatan (*mu'dhiyāt*) dengan kekotoran dan penyebaran penyakit.<sup>444</sup> Dalam Islam, cicak memang dikenal sebagai haiwan yang jahat. Ini boleh dilihat pada *nas* berikut,

عَنْ أُمِّ شَرِيكٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهَا، أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ: "أَمْرَ بِقَتْلِ الْوَزَغِ، وَقَالَ: كَانَ يَنْفُخُ عَلَىٰ  
إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ

Terjemahan: Dari Ummu Sharīk RA katanya, “Sesungguhnya Nabi SAW telah memerintahkan agar dibunuh cicak. Nabi SAW pernah bersabda:

<sup>439</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhirah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’rāj al-Dawliyah li Nashr, 1996), 25: 8.

<sup>440</sup> Aḥmad bin ‘Alī bin Hajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasha Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniyah Ithnā Nashr, 2001), 6: 454.

<sup>441</sup> Za’farān adalah sejenis rempah ratus dari stigma bunga za’farān (*crocus sativus linn*), dari spesies keluarga *Iridaceae*. Bunga za’farān ada tiga stigma dan ia mengandungi *crocin* yang padanya terdapat nilai perubatan, ia membantu meremajakan (*rejuvenate*) kulit dan menjauhkan kekedutan. Stigma bunga za’farān ini juga telah digunakan secara meluas di seluruh dunia terutama di negara-negara Timur Tengah. Selain untuk melazatkan makanan, ia juga dianggap ramuan terbaik untuk kesihatan, perubatan, alat solek, masakan, minyak wangi, dan bahan pewarna. Za’farān kaya dengan vitamin B2, hydrochloric acid dan riboflavin. Ia merupakan rempah terbaik, terwangi dan termahal di dunia dan turut dikenali juga sebagai ‘King of Spices’. Rujuk herba dan tumbuhan.blogspot.com, dicapai pada 12 September 2013, <http://herbadantumbuhan.blogspot.com/2011/07/apakah-itu-zafaran.html>.

<sup>442</sup> Badr al-Dīn Abī Muhammād Mahmūd bin Aḥmad al-‘Ainī, *Umdah al-Qāri Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-Ilmiyah, 2001), 15: 346.

<sup>443</sup> *Ibid.*, 15: 346.

<sup>444</sup> Al-Qādī ‘Iyād, *Sharḥ Sahīḥ Muslim lil Qādī ‘Iyād al-Musammā Ikmal Mu’allim bi Fawā’id Muslim* (al-Manṣūrah: Dār al-Wafā’ lil Tabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, 1998), 7: 174, dan Ṣafā al-Ḍawwī Aḥmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dibājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.p., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 4: 400.

“Saat Nabi Allāh Ibrāhīm AS (dibakar hidup-hidup), haiwan ini (cicak) telah meniup-niup api agar lebih marak membakar Nabi Ibrahim AS.”<sup>445</sup>

Secara kasar, hadith di atas seolah-olah mengisyaratkan Nabi SAW menyeru umatnya membunuh cicak atas dasar dendam disebabkan ia pernah membantu meniup api yang membakar Nabi Ibrahim AS. Namun, hakikatnya bukan begitu. Dalam Islam, tiada makhluk yang dihukum atas kesalahan lampau.

Hadith tersebut sebenarnya bertujuan menunjukkan sifat cicak yang suka melampaui batas terhadap manusia dimulai permusuhan terhadap Nabi Ibrahim AS.<sup>446</sup> Malah, cicak turut diumpamakan sebagai haiwan yang memusuhi orang mukmin dan membantu kaum musyrik menyakiti orang beriman. Justeru, Nabi SAW telah memerintahkan agar cicak dibunuh.<sup>447</sup>

## Kedua: Spesies Cicak Yang Dianjurkan Dibunuh

Bagi mengenalpasti jenis cicak *al-wazagh* yang dianjurkan untuk dibunuh, beberapa aspek telah diambil kira dalam penetapan hukum iaitu :-

- Dalam bahasa Arab, cicak dikenal dengan pelbagai istilah mengikut tahap tumbesaran. Antara yang sering digunakan ialah *al-wazagh* (الوزغ).<sup>448</sup> Cicak melalui

<sup>445</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab al-Anbiyā’, Bāb Wattakhadha Allāh Ibrāhīm Khalīla, no. Hadith 3359, dan al-Nasā’ī, Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Qatl al-Wazgh, no. Hadith 2831 dengan matan yang lebih panjang iaitu [أَنَّ امْرَأَةً دَخَلَتْ عَلَيْهِ عَائِشَةُ وَبَدِيعَهَا عَكَّارَ، فَقَاتَتْ : مَا هَذَا ؟] [فَقَاتَتْ : لَهُنْوُ الْوَزْغُ، لَأَنَّ نَبِيَّ اللَّهِ حَدَّثَنَا أَنَّهُمْ يَكُونُ شَيْءٌ إِلَّا يَطْلُبُهُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، إِلَّا هُنُوَ النَّاسُ، إِلَّا فَمَنْ بَعْدَهُمْ] [فَقَاتَتْ لَهُنْوَ الْوَزْغَ بِالْأَرْضِ إِلَّا أَصْفَابُ النَّارِ عَمَّرَ الْوَزْغَ،] [فَإِنَّمَا كَانَتْ تَنْتَهِي عَلَيْهِ، فَأَنْتَ رَسُولُ اللَّهِ يَعْلَمُ]. “Sesungguhnya Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, tiada seekor pun haiwan yang tidak cuba memadamkan api yang sedang membakar kecuali cicak, sebaliknya ia membantu dengan meniup-niup api agar lebih marak membakar Nabi Ibrahim AS, maka Rasulullah SAW memerintahkan agar membunuhnya.” Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣāḥih al-Musnad Min Ḥadīth Rāsūllillāh wa Sunanīh wa Ayyāmīh* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 461, dan Abū ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā’ī, *Sunan al-Nasā’ī* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 439, dan Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 545.

<sup>446</sup> ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’ī al-Musammā Dakhīrah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 25: 8.

<sup>447</sup> Ṣafā al-Ḍawwī Aḥmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah*, 4: 400.

<sup>448</sup> Ibn Manzūr, *Lisān al-‘Arab* (Kaherah: Dār al-Ma’ārif, t.t.), 5: 4826.

tiga tahap tumbesaran sepanjang hidup iaitu :- **Pertama:** dari kelahiran sehingga berusia 14 tahun. Pada tahap ini, cicak digelar *al-'Ażā'ah* (العَذَّاه) atau lebih dikenali dengan *al-Wazagh* (الوزغ) atau *abū bariṣ* (أبو بريص) di semenanjung tanah Arab. **Kedua:** dari usia 14 hingga 40 tahun, dikenali sebagai *al-Sihliyyah* (السحلية). **Ketiga:** 40 tahun dan ke atas, dikenali sebagai *al-Harubā'* (الحرباء'). Spesies cicak yang sering dilihat di bahagian atap atau dinding-dinding rumah ialah dari jenis *al-wazagh* (cicak berusia 14 hingga 40 tahun). Ia juga tinggal di celah-celah batu dan lazimnya lari apabila didekati.<sup>449</sup>

- Pakar bahasa Arab turut menyebutkan cicak (الوزغ) dan cicak bersaiz lebih besar (سام أبيرص) adalah dari jenis yang sama. Oleh itu, cicak *al-Wazagh* bersaiz lebih besar merupakan cicak *sām abraṣ* (سام أبيرص).<sup>450</sup> Al-Fayyūmī turut menukilkan dari kitab *al-Qāmūs* bahawa cicak (الوزغ) itu sendiri merupakan cicak besar (سام أبيرص).<sup>451</sup> Pandangan ini turut disokong Muḥammad Syams al-Haq al-'Azīm Ābādī yang menukilkan pendapat sama dari kitab *al-Nihāyah*.<sup>452</sup> Justeru, cicak besar (سام أبيرص) termasuk

<sup>449</sup> Lihat laman sesawang 'Ālam al-Hayawān, dicapai pada 13 September 2013, <http://www.alharf.net/vb/showthread.php?t=5472>, dan laman sesawang *Ibtesama.com*, dicapai pada 13 September 2013, [http://www.ibtesama.com/vb/showthread-t\\_74379.html](http://www.ibtesama.com/vb/showthread-t_74379.html).

<sup>450</sup> Jika dilihat pada namanya iaitu (سام أبيرص), ia berasal dari kulitnya yang berbintik-bintik seakan sopak (*vitiligo*) yang beracun, namun ia dipanggil begitu oleh bangsa Arab disebabkan kecerahan kulitnya dan kepentasan pergerakannya. Rujuk 'Alī bin Ādam bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'i al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi'rāj al-Dawliyah li Nashr, 1996), 25: 8, dan Yahyā bin Sharf Al-Nawawī, *Al-Minhāj Sharḥ Sahīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabī, 1930), 14: 236-237, dan Ahmad bin 'Alī bin Hajar al-'Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniyah Ithnā' Nashr, 2001), 6: 454.

<sup>451</sup> Buṛīs al-Bustānī, *Qāmūs Muṭawwal li Lughah al-'Arabiah Muhiṭ al-Muhiṭ* (Beirut: Maktabah Lubnān, t.t.), 967.

<sup>452</sup> 'Alī bin Ādam bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā'i al-Musammā Dakhīrah al-'Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā*, 25: 8, dan Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Haq al-'Azīm Ābādī, 'Aun al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 173.

*gecko* (tokek)<sup>453</sup> yang popular di Malaysia merupakan dari spesies cicak *al-Wazagh* sebagaimana disebutkan Nabi SAW cuma berbeza saiz badannya.

- ‘*Illah* seterusnya yang wajar diambil kira dalam memilih jenis cicak yang harus dibunuh ialah :- Pertama: jenis yang bersarang berhampiran atau di dalam rumah, Kedua: mengotorkan rumah, mencemarkan makanan dan minuman dengan najisnya sepetimana sifat cicak rumah dan tokek di Malaysia. Spesies lain keluarga cicak seperti sesumpah atau iguana tidak boleh dibunuh kerana ia bukan haiwan yang tinggal berhampiran manusia dan secara tabiatnya bukan haiwan pengganggu. Namun, biawak yang berasal dari keluarga cicak dan suka memakan telur ayam peliharaan, wajar dibunuh kerana membawa mudarat kepada haiwan ternakan.

Kesimpulannya, cicak rumah dan cicak besar (tokek) yang terdapat di Malaysia merupakan spesies cicak *al-Wazagh*. Ia harus dibunuh kerana tergolong dalam kalangan haiwan fasiq yang memudaratkan manusia sekitar. Hukum ini tidak terhad kepada cicak, bahkan terpakai pada haiwan lain seperti nyamuk, kutu, pijat dan lipas yang tergolong dalam kalangan haiwan perosak kecil.

---

<sup>453</sup> Tokek adalah nama umum untuk menyebut cicak bersaiz besar di Malaysia. Cicak besar adalah berbeza warna mengikut kawasan tempat tinggalnya (iklim). Gelaran tokek ini berasal dari suaranya. Ada beberapa jenis tokek, namun istilah tokek lazimnya merujuk kepada jenis tokek rumah. Tokek rumah adalah jenis reptilia yang masuk ke dalam golongan cicak besar suku *geckonidae*. Tokek rumah memiliki nama saintifik *gecko gecko*. Tokek selalunya ditemui di pohon-pohon, di dan di rumah-rumah terutama di desa-desa, tepi hutan atau di kawasan perkuburan. Tabiat makan tokek rumah ialah serangga, cicak lain yang lebih kecil, tikus kecil. Tokek aktif berburu terutama di malam hari. Kadang-kadang tokek turun pula ke tanah untuk mengejar mangsanya, di siang hari tokek bersembunyi di lubang-lubang kayu, lubang batu, atau di sela atap rumah. Tokek melekatkan telurnya, yang biasanya berjumlah sepasang dan saling berlekatan, di celah-celah lubang pohon, retakan batu, atau jika di rumah, di belakang almari atau di bawah atap, tempat bertelur im kerap pula digunakan oleh beberapa ekor tokek bersama-sama. Haiwan ini tersebar luas mulai dari India timur, Nepal, Bangladesh, Myanmar, Tiongkok selatan dan timur, Thailand, Semenanjung Malaysia dan pulau-pulau sekitarnya, Sumatera, Jawa, Borneo, Sulawesi, Timor Leste, dan Kepulauan Filipina. Rujuk laman sesawang [tentangtokek.blogspot.com](http://tentangtokek.blogspot.com), dicapai pada 12 September 2013, <http://tentangtokek.blogspot.com/2011/12/nama-dan-habitat-tokek.html>.

## Ketiga: Hukum Membunuh Cicak

عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسَيْبٍ، أَنَّ أُمَّ شَرِيكٍ أَخْبَرْتُهُ، أَنَّ النَّبِيَّ: "أَمْرَهَا بِقَتْلِ الْأَوْزَاعِ

Terjemahan: Dari Sa‘id bin al-Musayyib RA katanya, “Sesungguhnya Ummu Sharik mengkhabarkan kepadanya bahawa Nabi SAW memerintahkan (supaya) membunuh cicak.”<sup>454</sup>

Hadith tertera menjadi sandaran jumhur dalam mengharuskan membunuh cicak.<sup>455</sup>

Mengulas lafaz [وَمَ أَسْمَعْتُهُ أَمْرَ بِقَتْلِهِ] iaitu (*aku tidak mendengar perintah Nabi SAW supaya membunuhnya*) dalam hadith ‘Ā’ishah RA sebelumnya. Meskipun beliau tidak mendengar perintah Nabi SAW secara langsung, ini tidak bermakna larangan membunuh cicak. Terdapat banyak *āthār* lain yang memerintahkan supaya membunuh cicak bahkan gelaran fasiq bagi cicak itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh.<sup>456</sup>

Ganjaran pahala berlipat kali ganda ditawarkan bagi orang yang membunuh cicak,<sup>457</sup> merupakan satu bentuk anjuran kepada umat Islam agar berusaha membunuh dengan sempurna. Jika tidak boleh membunuh dengan sekali pukulan, mungkin akan

<sup>454</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Kitab Bad’ al-Khalq, Bāb Khair Māl al-Muslim Ghanam Yattabi’ Biḥā Sha’fu al-Jabāl, no. Hadith 3307, dan Muslim, Kitab al-Salām, Bāb Istīḥbāb Qatl al-Wazgh, no. Hadith 5842. *Ibid.*, no. Hadith 5843 dengan lafaz [أَنَّ أُمَّ شَرِيكٍ أَخْبَرْتُهُ، أَنَّهَا [استأذنت النبي في قتل الأوزاع ، فأمر بقتلها]], dan Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Awzāgh, no. Hadith 5262, dan al-Nasā’i, Kitab Manāsik al-Hajj, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 2885, dan Ibn Mājah, Kitab al-Ṣid, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 3228. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā’il al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣahīh al-Musnad Min Ḥadīth Rasūllillāh wa Sunanah wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 445, dan Abū al-Husāyn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣahīh Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1075-1076. Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashāt al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma’arif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 950, dan Abū ‘Abd Rahmān Ahmād bin Shu’āib bin ‘Alī al-Nasā’i, *Sunan al-Nasā’i* (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 446-447. Ibn Mājah al-Qazawaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma’arif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 545.

<sup>455</sup> ‘Alī bin Ādam bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhīrah al-Uqbā fi Sharḥ al-Mujtabā*, 25: 8.

<sup>456</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Hajar al-Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣahīḥ al-Bukhārī*, 4: 45, dan Ṣafā al-Dawwālī Ahmad al-‘Adawi, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah*, 4: 400.

<sup>457</sup> Rujuk hadith riwayat Muslim, Kitab al-Salām, Bāb Istīḥbāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 5846. Lihat Abū al-Husāyn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣahīh Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Al al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1076:

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : " مَنْ قَتَلَ وَرَغْبَةً فِي أَوْلَى حَسَنَةٍ ، فَلَهُ كُلُّهَا وَكُلُّهَا حَسَنَةٌ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ ، فَلَمَّا قَاتَلَنَا مُؤْمِنُونَ الْأُولَى ، وَلَمَّا قَاتَلَنَا فِي الصَّدْرِ الْأَلْيَقِ ، فَلَمَّا كُتُبَنَا حَسَنَةٌ لِيَوْمِ الْقِيَامَةِ "

Terjemahan: Dari Abū Hurairah RA, Rasullullah SAW bersabda: “Sesiapa yang membunuh cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan pukulan yang kedua maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama. Dan jika seseorang dapat membunuhnya dengan pukulan yang ketiga, baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua.”

menyeksakan cicak.<sup>458</sup> Hukum ini turut boleh diaplikasi dalam menghukum manusia yang suka melakukan kerosakan selepas berusaha menasihati dan memberi peringatan.<sup>459</sup>

Ibn ‘Abdul Bar telah menukilkan pendapat ulama yang mengharuskan membunuh cicak, baik di luar atau dalam tanah Haram. Namun, Imam Malik berpandangan orang ihram tidak boleh membunuh cicak. Jika telah membunuhnya, hendaklah bersedekah kerana cicak tidak termasuk dalam lima jenis haiwan fasiq utama.

Pendirian terbaik dalam hal ini ialah sebagaimana pandangan ‘Atā’: “*apabila cicak mengganggumu, maka kamu boleh membunuhnya.*” Justeru, cicak hanya dibunuh apabila memudaratkan manusia.<sup>460</sup> Persepsi cicak dibunuh disebabkan kesalahan lampau terhadap Nabi Ibrahim AS adalah tidak benar.

#### **Keempat:** Hukum Fiqh Berkenaan Cicak

Mengulas hukum najis cicak, para ulama berselisih pendapat tentang kategori cicak, sama ada tergolong haiwan berdarah atau tidak. Pendapat muktamad dalam mazhab al-Shāfi‘ī menyatakan cicak merupakan haiwan berdarah.

Jika najisnya terkena pada pakaian atau tubuh badan, hukumnya *mutanajjis* dan tidak boleh dibawa solat.<sup>461</sup> Orang yang solat padahal tahu dirinya terkena najis cicak perlu mengulang solat. Jika tidak tahu, ia dimaafkan syara’. Dalam solat jemaah, ma’mūm yang

<sup>458</sup> Ṣafā al-Dawwī Alḥmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah*, 4: 400, dan Yaḥyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 14: 236-237.

<sup>459</sup> *Ibid.*, 4: 399.

<sup>460</sup> Alḥmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭaniah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 45, dan Ibn Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fatḥ al-Bārī bi Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*, terj. Amiruddin et al. (Jakarta: Pustaka Azzam Penerbit Buku Islam Rahmatan, 2006), 10: 211.

<sup>461</sup> Wahbah al-Zuhaylī, *Al-Fiqh al-Islāmī wa Adillatuh* (Dimasyq: Dār al-Fikr, 1985), 1: 161.

mengetahui terdapat najis cicak pada imam, dia perlu *mufarraqah* dari solat berjemaah. Jika sebaliknya, maka ia dimaafkan.

Mengambil kira *umūm al-Balwā* (musibah yang umum), najis cicak dikira najis yang dimaafkan jika berada di tempat yang terdapat banyak tahi cicak. Anggota wudhu' jika terkena najis cicak perlu dibasuh. Solat tetap sah jika terkena najis cicak oleh kerana ia termasuk di dalam najis yang susah untuk dielak.<sup>462</sup>

Jika najis atau bangkai cicak termasuk ke dalam air yang tidak sampai dua kolah, air tersebut hukumnya *mutanajjis* (sudah terkena najis). Jika sebaliknya, air tersebut tetap suci sebagaimana hukum bangkai tikus.<sup>463</sup>

Ibn ‘Abd al-Bar dalam *al-Tamhīd* pernah menyatakan memakan haiwan fasiq merupakan perkara yang dibenci Islam. Justeru, perintah Nabi SAW supaya membunuh cicak dan menggelarkannya sebagai haiwan fasiq telah memasukkannya ke dalam kategori haiwan yang tidak boleh dimakan. Jumhur ulama turut bersepakat mengharamkan memakan cicak.<sup>464</sup>

Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia Kali Ke-95 yang bersidang pada 16-18 Jun 2011 telah membincangkan isu cicak tokek (سام أبورص). Muzakarah berpandangan para fuqaha' telah mengklasifikasikan tokek sebagai haiwan yang haram dimakan kerana tergolong dalam kategori haiwan menjijikkan

<sup>462</sup> *Ibid.*, 1: 162.

<sup>463</sup> Rujuk hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab Al-At‘imah, Bāb fī al-Fa’rat Taqa‘u fī al-Samn, no. Hadith 3842. عن أبي هريرة ، قال: قال رسول الله: "[إذا وقعت الفأرة في الشرف فليكن حبلاً فلما ماتها فلما تُفربُوا". Dari Abū Hurairah RA katanya: Rasullullah SAW telah bersabda: "Apabila terjatuh bangkai tikus ke dalam mentega yang keras, maka buangkan tikus tersebut dan sekeling tempat yang telah terkena. Jika ia cecair, maka jangan dekatinya (memakannya)." Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘arif lil Nashr wa al-Tawzī', 1988), 690.

<sup>464</sup> Ṣafā al-Dawwī Aḥmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.p., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 4: 399.

(*khabīs*) dan beracun.<sup>465</sup> ‘Uruf masyarakat Islam di Malaysia juga tidak menjadikan cicak sebagai makanan.’<sup>466</sup>

Dalam bab jual beli haiwan yang haram dimakan, Nabi SAW telah bersabda,

عَنْ ابْنِ عَبَّاسٍ، إِنَّ اللَّهَ إِذَا حَرَمَ عَلَىٰ قَوْمٍ أَكْلَ شَيْءًا حَرَمَ عَلَيْهِمْ ثُمَّةً

Terjemahan: Dari Ibn ‘Abbās RA, “Sesungguhnya Allah SWT apabila Dia mengharamkan ke atas sesuatu kaum memakan sesuatu, haram juga jual belinya.”<sup>467</sup>

Maka, hukum menjual dan memelihara cicak atau tokek adalah dilarang kecuali atas sebab-sebab diharuskan syara’ seperti tujuan kajian dan perubatan. Hal ini disebabkan cicak diklasifikasikan sebagai haiwan fasiq, pengotor, beracun, memudarangkan kesihatan dan tidak bermanfaat kepada manusia. Cicak dianjurkan supaya dibunuh, bukan untuk dibelai dan disayangi. Hukum ini turut terpakai bagi orang yang memelihara anjing, ular, tikus, kala jengking, gagak dan helang.<sup>468</sup>

Bagi tujuan perubatan, penggunaan tokek diharuskan dengan syarat keberkesanannya dapat dibuktikan melalui kajian saintifik dan tiada alternatif lain yang

<sup>465</sup> *Ibid.*, 4: 399.

<sup>466</sup> Rujuk laman sesawang *e-Fatwa*, dicapai pada 12 September 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-memakan-dan-berubat-dengan-cicak-gecko-geckko-tokay>.

<sup>467</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd, Kitab al-Ijārah, [باب في ثمن الخمر ولبيته], no. 3488. Lihat Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 627.

<sup>468</sup> Kaedah fiqh ada menyebutkan,

1. *Lā Ḏarar Wa Lā Dirār*, iaitu tidak boleh membuat kemudaratan (kerosakan) dan tidak boleh mengekalkan kemudaratan.  
2. *Al-Ḏarar Yūzal*, iaitu kemudaratan mesti dihapuskan.

3. *Al-Ḏarar Udfa' Bi Qadr al-Imkān*, iaitu keburukan (kemudaratan) mesti dibendung sedapat yang mungkin.

Jadi, tidak boleh memelihara cicak atau haiwan fasiq lain tanpa ada keperluan yang menuntut di sisi syara’ oleh kerana tidak manfaat bahkan membawa kemudaratan walaubagaimana comel sekalipun haiwan tersebut. Abd. Latif Muda, Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000), 174-194.

boleh digunakan bagi merawat penyakit berkaitan. Namun, masih tiada bukti saintifik dan ujian klinikal membuktikan tokek mampu menjadi penawar penyakit-penyakit tertentu.<sup>469</sup>

**Hadith Kesembilan:** Hadith yang menyebutkan pendekatan dan cara berinteraksi (*mu ‘āmalah*) dengan haiwan fasiq

عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، قَالَ : قَالَ رَسُولُ اللَّهِ : " مَنْ قَتَلَ وَزْغَةً فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً ، وَمَنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ الثَّانِيَةِ ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونِ الْأُولَى ، وَإِنْ قَتَلَهَا فِي الضَّرْبَةِ التَّالِيَةِ ، فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً لِدُونِ التَّالِيَةِ "

Terjemahan: Dari Abū Hurairah RA, Rasullullah SAW bersabda, “Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan. Dan sesiapa yang membunuhnya dengan dua pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang pertama tadi. Dan jika sesiapa dapat membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya sekian-sekian kebaikan, kurang dari yang kedua tadi.”

### Sumber Hadith:

1. Ṣahīḥ Muslim: {Kitab al-Salām, Bāb Istīhbāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 5846,<sup>470</sup> 5847,<sup>471</sup> 5848}<sup>472</sup>
2. Sunan Abū Dāwūd: {Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Awzāgh, no. Hadith 5263,<sup>473</sup> 5264}<sup>474</sup>

<sup>469</sup> Rujuk laman sesawang *e-Fatwa*, dicapai pada 12 September 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-memakan-dan-berubat-dengan-cicak-gecko-geckko-tokay>.

<sup>470</sup> Abū al-Husāyn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣahīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Shālih bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1076.

<sup>471</sup> *Ibid.*, 1076 dengan lafaz awal yang menyebutkan sebanyak seratus kali ganjaran bagi orang yang berjaya membunuh cicak dengan sekali pukulan sebagaimana hadith [عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ " مَنْ قَاتَلَ وَرْغَةً فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ كُبِثَ لَهُ مَا يَوْمَ حَسَنَةٌ وَفِي التَّالِيَةِ دُونَ ذَلِكَ وَفِي التَّالِيَةِ دُونَ ذَلِكَ ]: Dari Abū Hurairah RA, Rasullullah SAW bersabda: “Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya seratus kebaikan. Sesiapa yang membunuhnya dengan pukulan kedua maka baginya kurang daripada pertama. Sesiapa yang membunuhnya dengan tiga pukulan maka baginya kurang dari yang kedua.”

<sup>472</sup> *Ibid.*, 1076 dengan matan pendek yang menyebutkan sebanyak tujuh puluh kali ganjaran bagi orang yang berjaya membunuh cicak dengan sekali pukulan sebagaimana hadith [عَنْ أَبِي هُرَيْرَةَ ، عَنِ النَّبِيِّ قَالَ : فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ سَبْعَينَ حَسَنَةً]: Dari Abū Hurairah RA, Rasullullah SAW bersabda: “Sesiapa yang membunuh seekor cicak dengan sekali pukulan maka baginya tujuh puluh kebaikan.”

<sup>473</sup> Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Mā’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 951 dengan sedikit perbezaan lafaz iaitu [الثَّالِيَةِ فَلَهُ كَذَا وَكَذَا حَسَنَةً أُدْنَى مِنَ التَّالِيَةِ].

3. Jāmi' Tirmidhī: {Kitab al-Šid, Bāb Mā Jā'a fī Qatl al-Wazagh, no. Hadith 1482}<sup>475</sup>
4. Sunan Ibn Mājah: {Kitab al-Šid, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 3229}<sup>476</sup>

### **Perbahasan Hadith:**

#### **Pertama:** Khilaf Mengenai Ganjaran Pahala Dalam Membunuh Cicak

Mengulas hal ini, Imam al-Nawāwī menyatakan para ulama usuluddin dan selainnya berpandangan, **Pertama:** lafaz ganjaran sebanyak tujuh puluh kali kebaikan yang diperoleh jika berjaya membunuh cicak pada pukulan pertama, tidak menidakkan ganjaran seratus kali kebaikan yang disebut dalam riwayat lain malah tidak pula bercanggah antara keduanya. **Kedua:** Mungkin Nabi SAW menyebutkan ganjaran sebanyak tujuh puluh kali kebaikan terlebih dahulu, kemudian Allah SWT membenarkan tambahan selayak mengikut-Nya. Maka ganjaran seratus kali kebaikan adalah berdasarkan wahyu selepas itu. **Ketiga:** Perselisihan berkenaan ganjaran bagi orang yang membunuh cicak dengan pukulan pertama juga menunjukkan perbezaan ganjaran bagi seseorang mengikut niat dan keikhlasan masing-masing.<sup>477</sup> Orang yang melaksanakan sunnah dengan ikhlas dan sempurna, maka akan diberikan seratus kali ganjaran, dan tujuh puluh kali ganjaran bagi sebaliknya.<sup>478</sup>

Kesimpulannya, khilaf nilai ganjaran bagi orang yang membunuh cicak dengan pukulan pertama sama ada seratus atau tujuh puluh kali kebaikan, adalah bersifat *mafhum*

<sup>474</sup> Ibid., 951 juga dengan matan pendek iaitu [عَنْ أَبِي هُرَيْثَةَ عَنِ النَّبِيِّ أَكَلَ فِي أَوَّلِ ضَرْبَةٍ سَبْعِينَ حَسَنَةً]: Dari Abū Hurairah RA, dari Nabi SAW sabdanya: "(Membunuh cicak) dengan pukulan pertama, (maka) diberi ganjaran tujuh puluh kali kebaikan."

<sup>475</sup> Abū 'Abd 'Allah Abū 'Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif li Nashr wa al-Tawzī', 1996) 351.

<sup>476</sup> Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma'ārif lil Nashr wa al-Tawzī', 1986), 545.

<sup>477</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥlaq al-'Azīm Ābādī, 'Aun al-Ma'būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 174.

<sup>478</sup> Ibid., 14: 175, dan Yahyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Iḥyā' al-Turāth al-'Arabi, 1930), 14: 237-238.

*'adad.*<sup>479</sup> Ia sebenarnya mengisyaratkan keutamaan membunuh cicak dengan pukulan pertama. Ini sebagaimana khilaf nilai ganjaran bagi solat berjemaah sama ada dua puluh lima atau dua puluh tujuh kali kebaikan dari solat bersendirian. Kedua-duanya diterima.<sup>480</sup>

Ganjaran pahala berlipat kali ganda bagi sesiapa yang membunuh cicak dengan pukulan pertama merupakan galakan kepada umat Islam agar mempermudah dan bersifat ihsan dalam membunuh haiwan fasiq.<sup>481</sup> Ia bertindak sebagai suatu bentuk motivasi agar berlumba-lumba mengerjakan kebaikan demi menghapuskan kejahatan dan kerosakan di muka bumi<sup>482</sup> sebagaimana firman-Nya,

فَاسْتِبْرُوا الْحَيْرَتِ

Al-Baqarah 2: 148

Terjemahan: “*Berlumba-lumbalah kamu dalam mengerjakan kebaikan.*”

### **Kedua:** Prinsip Dalam Rangka Interaksi Antara Manusia Dan Haiwan Fasiq

Semua makhluk ciptaan Allah SWT mempunyai kepentingan sosial tersendiri. Hukum alam telah ditetapkan al-Quran, iaitu semua makhluk memiliki peranan tersendiri yang berbeza antara satu sama lain. Dari sini, wujudnya hubungan sesama makhluk.<sup>483</sup>

Bagi meraikan hubungan tersebut, Islam mengajar umatnya supaya berakhlik mulia dan berkasih sayang sesama makhluk. Hal ini penting bagi memastikan keharmonian ekosistem alam.<sup>484</sup> Ini jelas sebagaimana kalam Rasulullah SAW:

---

<sup>479</sup> *Ibid.*, 14: 175.

<sup>480</sup> Yahyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Šaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā' al-Turāth al-'Arabi, 1930), 14: 237.

<sup>481</sup> *Ibid.*, 14: 236-237.

<sup>482</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaqq al-‘Azīz Ābādī, *‘Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd*, 14: 174.

<sup>483</sup> Yusuf al-Qaradhawi, *Fiqih Peradaban Sunnah Sebagai Paradigma Ilmu Pengetahuan* (Surabaya: Dunia Ilmu, 1997), 185.

"إِرْحَمْ مَنْ فِي الْأَرْضِ، يَرْحَمُكَ مَنْ فِي السَّمَاءِ"

Terjemahan: "Kasihanilah makhluk di bumi, nescaya kamu dikasih makhluk di langit."<sup>485</sup>

Namun begitu, Islam bersikap tegas apabila melibatkan perbuatan melampaui batas didasari prinsip teguh mempertahankan *maqāṣid syariah*. Pendirian ini bukan hanya diaplikasi terhadap manusia, bahkan turut meliputi golongan haiwan. Rasulullah SAW pernah bersabda melalui riwayat ‘Ubādah bin al-Ṣāmit RA:<sup>486</sup>

لَا ضَرَرَ وَلَا ضِرَارَ

Terjemahan: "Tidak boleh merosakkan dan tidak boleh mengekalkan kerosakan"

Justeru, prinsip "mengharamkan kerosakan dan penyalahgunaan hak" merupakan asas interaksi manusia dan haiwan.<sup>487</sup> Haiwan yang melanggar prinsip ini akan digelar sebagai "fasiq" yakni melampaui batas.

Menurut Imām al-Shātibī, mendatangkan kerosakan dan mengekalkan kerosakan adalah dilarang Islam sama ada secara menyeluruh atau tidak.<sup>488</sup> Ibn ‘Abd al-Bar menukilkan pandangan al-Khashānī<sup>489</sup> dalam *al-Istidhkār* berkenaan maksud 'membawa kerosakan dan mengekalkan kerosakan'. Maksud 'membawa kerosakan' adalah sesuatu yang bermanfaat (kepada yang mengkehendaki), tetapi memudaratkan jiran dan orang

<sup>484</sup> Norhibah Hasan Zawawi, *Konsep Islam Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 69.

<sup>485</sup> Hadith riwayat Abū Dāwūd al-Tiyālī, Bāb Mā Asnada ‘Abd Allāh bin Mas’ūd Raḍiyyallāh ‘anh, no. Hadith 333. Lihat Sulaymān Ibnu Dāwūd Ibnu al-Jārūd, *Musnad Abū Dāwūd al-Tiyālī* (Mesir: Ḥajar, t.t.), 1: 262.

<sup>486</sup> Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Ahkām, Bāb Man Banā fī Ḥaqiqihi Mā Yaḍur bi Jārihi, no. Hadith 2340. *Ibid.*, no. Hadith 2341. Lihat Ibn Mājah al-Qazwaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma ‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 400.

<sup>487</sup> Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed dan Zulfili Haron, "Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori Dan Praktis" (artikel jurnal, Universiti Teknologi Malaysia, Johor, t.t.), 4.

<sup>488</sup> Ṣafā al-Ḍawwī Aḥmad al-‘Adawī, *Ihdā’ al-Dībājah bi Sharḥ Sunan Ibn Mājah* (t.t., Maktabah Dār al-Yaqīn, 1999), 3: 293.

<sup>489</sup> Nama penuh beliau ialah Abū Bakr bin Mas’ūd bin Aḥmad Al Khasānī. Namun, tidak dapat dipastikan tahun kelahirannya. Beliau meninggal pada tahun 587 H di Ḥalb (sekarang dikenal sebagai kota Aleppo, Syria).

sekeliling. Manakala maksud ‘mengekalkan kerosakan’ adalah sesuatu yang tidak bermanfaat kepadanya dan orang lain.<sup>490</sup>

Kemusnahan atau kepincangan tidak boleh dibiarkan berlaku tanpa sebarang usaha pencegahan.<sup>491</sup> Usaha mempertahankan kemaslahatan dan menolak kejahanan itu sendiri sudah dikira sebagai ibadah.<sup>492</sup> Justeru, Islam menolak sekeras-kerasnya sebarang bentuk perlakuan yang boleh menjurus kepada kerosakan<sup>493</sup> baik dari manusia atau haiwan.

لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ

Al-Baqarah 2: 11

Terjemahan: “Janganlah berbuat kerosakan di bumi”.

Oleh itu, Islam membolehkan spesies haiwan tertentu seperti ular, tikus atau seumpama dengannya yang bersifat dengan sifat fasiq, iaitu melampaui batas (suka membuat kemusnahan dan kerosakan) pada manusia supaya dibunuh. Ini bertujuan memelihara kesejahteraan hidup manusia dari sebarang ancaman.<sup>494</sup>

### **Ketiga:** Nilai Dan Etika Islam Dalam Interaksi Antara Manusia Dan Haiwan Fasiq

Dari segi bahasa, etika bermaksud perwatakan, tingkah laku dan kumpulan prinsip moral yang mempengaruhi kelakuan.<sup>495</sup> Dari segi istilah, etika merupakan satu set nilai, norma dan asas moral yang menentu dan membeza sesuatu tindakan manusia sama ada betul atau

---

<sup>490</sup> *Ibid.*, 3: 293.

<sup>491</sup> Siti Norlina Muhamad, Ahmad Kilani Mohamed & Zulfili Haron, *Budaya Penyayang Dalam Kehidupan Masyarakat Islam: Antara Teori Dan Praktis*, 4.

<sup>492</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaqq al-‘Aẓīm Ābādī, ‘Aun al-Ma’būd Sharh Sunan Abū Dāwūd (Madinah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 174.

<sup>493</sup> Norhibah Hasan Zawawi, *Konsep Islam Terhadap Pemuliharaan Alam Sekitar* (Kuala Lumpur: Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 1999), 56.

<sup>494</sup> Sheikh Khalīl Aḥmad al-Saḥhār Nafawrī, *Bazal al-Majhūd fi Ḥal Abū Dāwūd* (Beirut: Dār al-Kutub al-`Ilmiyah, t.t.), 20: 206.

<sup>495</sup> Judy Pearsall, *The Concise Oxford Dictionary*, ed. ke-10 (Oxford: Oxford University Press, 1999), 489.

salah, baik atau buruk.<sup>496</sup> Etika bertindak sebagai kriteria dalam memastikan prosedur yang digunakan adalah betul, hasil kerja menepati spesifikasi dan keputusan dicapai tepat, konsisten dan berdaya maju.<sup>497</sup> Dengan adanya piawaian sedemikian, penyelewengan, penyalahgunaan dan lain-lain bentuk salah laku dapat dihindarkan. Etika dalam *muāmalah* manusia dengan haiwan fasiq ialah:

### **Pertama: Amanah**

Amanah diertikan sebagai dipercaya dan jujur.<sup>498</sup> Yusuf al-Qarađāwī mendefinisikan amanah sebagai menyampaikan setiap hak kepada pemiliknya, sama ada banyak atau sedikit. Ia turut bermaksud memenuhi hak dalam sesuatu perbuatan dan tidak menguranginya walau sedikit.<sup>499</sup>

Nilai amanah cukup signifikan dalam hubungan antara manusia dan haiwan fasiq. Dengan penerapan sifat amanah, hak-hak haiwan akan dipenuhi. Haiwan hanya dibunuh apabila melampaui batas. Pembunuhan turut dilakukan dengan cara yang baik.<sup>500</sup>

### **Kedua: Syukur**

Syukur merupakan sikap berterima kasih atas nikmat kurniaan Allah SWT. Bagi individu Muslim, nilai syukur bukan sahaja tertanam dalam jiwa bahkan terserlah melalui tingkah

<sup>496</sup> Donnelly, James H., Jr. et al., *Fundamentals of Management*, ed. ke-10, (Boston: Irwin/McGraw Hill, 1998), 97, dan Nik Mustapha Nik Hassan, "Nilai Murni Dan Etika Kerja Dalam Perkhidmatan Awam," (makalah, Seminar Penerapan Nilai-Nilai Murni Dalam Pentadbiran Awam, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM), Kuala Lumpur, 27-28 Januari 1995), 17

<sup>497</sup> Muhammad Loqman, "Islamic Ethics In Management," dalam *Ethics In Business And Management*, ed. Khaliq Ahmad et al. (London: ASEAN Academic Press, 2001), 276, dan Mohd Zuhdi Marzuki dan Amer Saifude Ghazali, *Etika Alam Sekitar Daripada Perspektif Islam Timur Dan Barat* (Kuala Lumpur: PTS Publications & Distributors Sdn. Bhd, 2002), 23.

<sup>498</sup> Miqdād Yaljīn, *Al-Ittijāh al-Akhlāq Fi al-Islām* (Mesir: Maktabah al-Khanji, 1973), 35.

<sup>499</sup> Yusuf al-Qarađāwī, *Dawr al-Qiyām wa al-Akhlāq fī al-Iqtisād al-Islāmī* (Kaherah: Maktabah Wahbah, 1995), 398.

<sup>500</sup> Firman Allah SWT: "Hai orang-orang yang beriman, janganlah kamu mengkhianati Allah dan Rasul (Muhammad) dan (juga) janganlah kamu mengkhianati amanat-amanah yang dipercayakan kepadamu, sedang kamu mengetahui." (Al-Anfāl 8: 27)

laku. Dengan adanya nilai syukur, akan melenyapkan sifat mazmūmah dan patuh mengikut peraturan-peraturan-Nya.<sup>501</sup>

Penghayatan nilai syukur dapat membersihkan hati dari sifat dendam dan niat jahat terhadap haiwan. Ia juga menghalang manusia dari melakukan perbuatan tidak beretika umpamanya melakukan kezaliman dan penganiayaan terhadap haiwan. Manifestasi ketidaksyukuran manusia ialah seperti merosak dan memusnah habitat semulajadi haiwan serta membunuh dengan kejam kerana dendam atau mengejar keuntungan.<sup>502</sup>

### **Ketiga: Futuristik**

Berpandangan jauh atau *futuristik* amat dititikberat dalam interaksi manusia dan haiwan fasiq. Sikap futuristik ini berkait rapat dengan sikap cermat. Cermat di sini merujuk kepada sikap berhemat, berhati-hati dan teliti. Ia juga merupakan sinambungan dari sifat syukur.<sup>503</sup>

Dalam aspek pendekatan manusia terhadap haiwan fasiq, Islam mengajarkan agar anak-anak haiwan fasiq dan spesies haiwan yang tidak mengancam manusia dibiarkan tidak diganggu. Ini bertujuan supaya keharmonian alam kekal konsisten..<sup>504</sup>

### **Keempat: Ihsan**

Ihsan berasal dari perkataan “*aḥsana yuḥsinu*” bermaksud berbuat baik. Oleh itu, ihsan bererti perbuatan yang baik dan tindakan yang betul.<sup>505</sup> Dari segi istilah, ihsan mempunyai

<sup>501</sup> Nor ‘Azzah Kamri dan Munirah Abd Razzak, “Pendekatan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dalam Mengurus Alam Sekitar Secara Beretika,” *Jurnal Usuluddin* 32 (Julai-Disember 2010), 131-177.

<sup>502</sup> Penjelmaan melalui tingkah laku dan tindakan merupakan tingkat syukur yang paling atas. Ia perlu didahului dengan al-‘Ilm iaitu pengetahuan tentang nikmat-nikmat yang dikurniakan, *al-Hal*, iaitu perasaan gembira seronok dan tawadduk dengan nikmat tersebut dan diakhiri oleh *al-‘Amal* iaitu pembuktian menerusi hati, lidah dan anggota tubuh badan yang lain. Abū Ḥāmid Muḥammad Ibn Muḥammad Al-Ghazalī, *Iḥyā’ ‘Ulūm al-Dīn* (Damsyik: Dār al-Khayr, 1990), 4: 335-339.

<sup>503</sup> Nor ‘Azzah Kamri dan Munirah Abd Razzak, “Pendekatan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dalam Mengurus Alam Sekitar Secara Beretika,” *Jurnal Usuluddin* 32, 131-177.

<sup>504</sup> Mohd Farhan Md Ariffin dan Khadher Ahmad, “Penjagaan Flora Dan Fauna Menurut Hadith: Hubungannya Dengan Kesejahteraan Manusia” dalam *Sunnah Nabawiyah: Survival dan Cabaran*, ed. Khadher Ahmad et al. (Kuala Lumpur: Universiti Malaya, 2013), 327-347.

beberapa komponen definisi. Pertama, kebaikan, kebajikan, keikhlasan, baik hati dan belas kasihan.<sup>506</sup> Kedua, patuh kepada perintah dan larangan Allah SWT dan Rasul-Nya secara terang atau sembunyi kerana meyakini bahawa Allah SWT Maha Melihat. Ketiga, melakukan sesuatu perkara dengan bersungguh-sungguh.<sup>507</sup> Jadi, ihsan boleh dirumuskan sebagai melakukan sesuatu yang baik, menghindari keburukan dengan cara yang betul dan penuh keikhlasan kepada Allah SWT.<sup>508</sup>

Justeru, manusia dituntut supaya mengasihi setiap komponen alam termasuk haiwan kerana semuanya merupakan lambang keagungan Allah SWT. Atas rasa *ihsan* dan *mahabbah*, manusia dilarang bertindak kejam terhadap haiwan. Mereka perlu lebih berhati-hati dalam tindak tanduk kerana Allah SWT sentiasa memerhati. Hasilnya, akan memastikan tidak berlaku kezaliman dan saling mengasihani sesama makhluk.<sup>509</sup>

### **Kelima: Adil**

Selanjutnya, tuntutan ihsan perlu dilengkapi dengan sifat adil bagi mewujudkan norma dan etika yang seimbang. Adil lawannya zalim dan bermaksud meletakkan sesuatu pada tempatnya serta memberi pada yang berhak tanpa menindas yang lain.<sup>510</sup>

Sebagai khalifah di muka bumi, manusia perlu adil dalam bertindak dan menghukum dengan baik. Setiap haiwan perlu diberi kebebasan untuk hidup dengan aman tanpa sebarang gangguan selagimana ia tidak melampaui batas sempadan terhadap

<sup>505</sup> Khalīl al-Nahwī, *al-Mu'jam al-'Arabī al-Muyassar* (Larousse: Munazzamah al-'Arabiah wa al-Thaqāfah wa al-'Ulūm, 1991), 318.

<sup>506</sup> Syed Abu al-'Ala al-Maududi, *Memahami al-Qur'an* (t.t.p., Cetakan Delhi, 1965), 562.

<sup>507</sup> Nor 'Azzah Kamri dan Munirah Abd Razzak, "Pendekatan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dalam Mengurus Alam Sekitar Secara Beretika," *Jurnal Usuluddin* 32, 131-177.

<sup>508</sup> Aḥmad al-Sharbashī, *Mawsū'ah Akhlāq al-Qur'ān* (Beirut: Dār al-Rā'id al-Ghasb, 1981), 2: 44.

<sup>509</sup> Mohd Farhan Md Ariffin dan Khadher Ahmad, "Penjagaan Flora Dan Fauna Menurut Hadith: Hubungannya Dengan Kesejahteraan Manusia" dalam *Sunnah Nabawiyah: Survival dan Cabaran*, ed. Khadher Ahmad et al. 327-347.

<sup>510</sup> 'Alī al-Muhsinī, "Dawr al-'Adālah fī al-Tanmiyah al-Iqtisādiyyah", *Majallah Islāmiyyah Fikriyyah al-Tawhīd* 95, Julai 1998, 54.

manusia. Umat Islam turut perlu memahami nilai *tawāzun* (seimbang), iaitu bersederhana, tidak melampaui batas atau terlalu mengambil mudah. Hanya dengan menuruti peraturan-Nya, gangguan ekosistem atau bencana kepupusan haiwan dapat dibendung dari tercetus.

#### **Keenam:** Ta‘āwun

Ta‘āwun merujuk kepada sikap tolong menolong untuk memperoleh kebaikan dan menghindari keburukan.<sup>511</sup> Setiap muslim bertanggungjawab ke atas diri sendiri dan sesama Muslim untuk menyeru kepada kebaikan dan mencegah kemungkaran.

Menghilangkan kemudaratan pada sesama Islam dari segenap arah, termasuk ancaman haiwan fasiq adalah dalam ruang lingkup *amar ma‘rūf*, manakala menzalimi dan membunuh haiwan tanpa hak merupakan perkara *nahy mungkar*. Kerjasama erat antara anggota masyarakat dapat menjamin keharmonian hidup. Bayangkan jika haiwan fasiq seperti ular berbisa dan anjing liar dibiarkan bebas tanpa kawalan, nescaya manusia tidak akan pernah tenteram.<sup>512</sup>

#### **Keempat:** Kaedah Dalam Interaksi Manusia Dengan Haiwan Fasiq

Allah SWT telah memberikan kebebasan untuk membunuh haiwan fasiq (haiwan perosak). Oleh itu, hak-hak haiwan perlu dipelihara. Semasa proses penyembelihan misalnya, umat Islam disuruh melakukannya jauh dari pandangan haiwan lain dan begitu juga keadaan selepasnya. Ini bertujuan melatih manusia menghormati dan menghargai sesuatu jiwa. Rasullullah SAW juga menggalakkan umatnya menunjukkan rasa timbang rasa terhadap

---

<sup>511</sup> Firman Allah SWT dalam surah al-Mā’idah 5: 2: “Dan tolong-menolonglah kamu dalam (mengerjakan) kebajikan dan takwa, dan jangan tolong-menolong dalam berbuat dosa dan pelanggaran.”

<sup>512</sup> Mardzelah Makhsin, *Sains Pemikiran Dan Etika* (Kuala Lumpur: PTS Professional, 2007), 256.

haiwan, tidak memukul, tidak membiarkannya kelaparan, tidak melaga-lagakan haiwan sesama sendiri apatah lagi menzaliminya.<sup>513</sup>

Dalam menyebutkan kaedah terbaik untuk berinteraksi dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak) sekaligus menghilangkan mudaratnya pada manusia. Metode terbaik diajarkan Nabi SAW ialah dengan cara membunuh. Malah, gelaran fasiq terhadap haiwan itu sendiri telah menjadikannya harus dibunuh.<sup>514</sup> Hal ini berlandaskan kaedah fiqh *al-Darār yūzal*, iaitu kemudaratan mesti dihapuskan.<sup>515</sup>

Justeru, Islam menganjurkan umatnya menggunakan cara paling ihsan dalam melaksanakan pembunuhan. Cara terbaik untuk membunuh kelompok haiwan tersebut ialah dengan satu pukulan yang terus mematikan. Hal ini dikiaskan dari cara membunuh cicak yang diajarkan Nabi SAW. Sekaligus dapat mengelakkan haiwan tersebut terseksa menanggung kesakitan sementara menunggu pukulan kedua.<sup>516</sup>

Sheikh ‘Iz al-Dīn Ibn ‘Abd al-Salām turut menyebutkan membunuh dengan pukulan pertama merupakan kaedah terbaik<sup>517</sup> bahkan menepati maqasid hadith Nabi SAW berikut,

عَنْ شَدَّادِ بْنِ أُوْسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ قَالَ: "إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَىٰ كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا  
قَتَلْتُمْ فَأَخْسِنُوا الْقِتْلَةَ"

Terjemahan: Dari Shaddād bin Aus RA, sesungguhnya Nabi SAW pernah bersabda: “Sesungguhnya Allah SWT telah mewajibkan ihsan kepada

<sup>513</sup> Nor ‘Azzah Kamri dan Munirah Abd Razzak, “Pendekatan Al-Quran Dan Al-Sunnah Dalam Mengurus Alam Sekitar Secara Beretika,” *Jurnal Usuluddin* 32, 131-177.

<sup>514</sup> Ahmad bin ‘Alī bin Ḥajar al-‘Asqalānī, *Fath al-Bārī bi Sharḥ Sahīḥ al-Bukhārī* (Riyadh: Fahrasah Maktabah Malik Fahd al-Waṭanīyah Ithnā’ Nashr, 2001), 4: 45.

<sup>515</sup> Abd. Latif Muda dan Rosmawati Ali @ Mat Zin, *Perbahasan Kaedah-Kaedah Fiqh* (Kuala Lumpur: Pustaka Salam Sdn. Bhd, 2000), 174-194.

<sup>516</sup> Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Muḥammad bin Yūsuf al-Sanūsī al-Ḥasanī, *Mukammil Ikmāl Sharḥ Sahīḥ Muslim* (Beirut-Lubnan: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyah, t.t.), 3: 314, dan Muḥammad bin ‘Abd Rahmān Ibn ‘Abd Rahīm al-Mubārakfūrī, *Tuhfah al-Ahwadhī bi Sharḥ Jāmī’ al-Tirmidhī* (Beirut: Dār al-Fikr lil Tabā’ah wa al-Nashr wa al-Tawzī’, t.t.), 5: 58.

<sup>517</sup> Abū al-Tayyib Muḥammad Syams al-Ḥaq al-‘Azīm Ābādī, *‘Aun al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abū Dāwūd* (Madrīnah al-Munawwarah: al-Maktabah al-Salafiah, 1968), 14: 174.

*semua perkara. Jika kamu membunuh, maka elokkan pembunuhan kamu (bunuh dengan sifat ihsan).*”<sup>518</sup>

Mengulas cara paling tepat membunuh haiwan fasiq, harus diteliti pada kaedah Saidatinā ‘Ā’ishah RA. Beliau menggunakan tombak<sup>519</sup> dan lembing<sup>520</sup> untuk membunuh cicak. Ini dilakukan agar urusan pembunuhan menjadi lebih baik<sup>521</sup> sebagaimana dikiaskan dari penggunaan pisau tajam untuk menyembelih haiwan sembelihan agar tidak menyeksakan dan kurang mendatangkan kesakitan. Bagi haiwan fasiq yang lebih besar dan tidak mungkin mati dengan satu pukulan, cara lain adalah diharuskan seperti menembak dengan syarat tiada unsur penyeksaan dan ikhlas kerana Allah SWT.<sup>522</sup>

Selanjutnya, Islam melarang membunuh haiwan dengan cara membakar atau menggunakan kekejaman. Ini berpandukan hadith riwayat Abū Hurairah RA:

<sup>518</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Ṣid wa al-Dhabāīh wa Mā Yu’kalu Min al-Hayawān, Bāb al-Amr bi al-Ihsān al-Dhibib wa al-Qatl wa Taḥdīd al-Shafrat, no. Hadith 5055. *Ibid.*, no. Hadith 5056, dan Abū Dāwūd, Kitab al-Dahāyā, Bāb fī al-Nahy An Taṣbir al-Bahā’im wa al-Riqb bi al-Dhabāīh, no. Hadith 2814, al-Tirmidhī, Kitab al-Diyāt, Bāb Mā Ja’ā fī al-Nahy ‘An al-Misthlih, no. Hadith 1409, dan al-Nasā’i, Kitab al-Dahāyā, Bāb al-Amr bi Ihdād al-Shafrah, no. Hadith 4405; *Ibid.*, Kitab al-Dahāyā, Bāb Dhikr al-Munfalat allatī la Yaqdir ‘alā Akhādhahā, no. Hadith 4411; *Ibid.*, Kitab al-Dahāyā, Bāb Husn al-Dhibib, no. Hadith 4412. *Ibid.*, no. Hadith 4413. *Ibid.*, no. Hadith 4414, dan Ibn Mājah, Kitab al-Dhabāīh, Bāb Idhā Dhabihtum fa Ahśinū al-Dhibib, no. Hadith 3170. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Hajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, ‘Šāhīh Muslim’, dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Ṣalīḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1027, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 499, dan Abū ‘Abd ‘Allah Abū ‘Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li Nashr wa al-Tawzī’, 1996), 332, dan Abū ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā’i, *Sunan al-Nasā’i* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li al-Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 676-678, dan Ibn Mājah al-Qazawaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 536-537.

<sup>519</sup> Ini sebagaimana hadith,

عَنْ سَعِيدِ بْنِ الْمُسْبِطِ، أَنَّ امْرَأَةً دَخَلَتْ عَلَى عَائِشَةَ وَبَدِيْهَا غَنَّازَ، قَالَتْ: مَا هَذَا؟ قَالَتْ: لِبَنَهُ الْوَزْغَ، لَا يَبْيَغُ شَيْءٌ إِلَّا يُطْعَنُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ، إِلَّا كُلُّهُ الدَّابَّةُ، فَأَمْرَنَا بِيَقْتَلُهَا

Terjemahan: Dari Sa’id bin al-Musayyib RA, ada seorang perempuan (*Ummu Sharīk*) datang kepada ‘Ā’ishah RA dan di tangannya ada lembing. Maka ‘Ā’ishah bertanya: “Untuk apakah lembing ini?”. Ummu Sharīk pun menjawab: “Untuk membunuh cicak. Kerana Sesungguhnya Nabi SAW telah menceritakan saat Nabi Ibrahim AS ketika dicampakkan ke dalam api, tiada seekor pun haiwan yang tidak cuba memadamkan api yang sedang membakar kecuali cicak, maka Nabi SAW memerintahkan agar membunuhnya.” Rujuk Hadith riwayat al-Nasā’i, Kitab Manāṣik al-Hajj, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 2831. Lihat Abū ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā’i, *Sunan al-Nasā’i* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif li Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 439.

<sup>520</sup> Ini sebagaimana hadith,

عَنْ سَالِيْةِ مَوْلَةِ الْفَاكِيْهِ مِنْ الْمُغَيْرَةِ أَنَّهَا دَخَلَتْ عَلَى عَائِشَةَ فَرَأَتْ فِي تَبِيَّنِهَا مُؤْسُوعًا، قَالَتْ: يَا أَمَّ الْمُؤْمِنِينَ، مَا تَصْنَعِينَ يَحْدَدُ، قَالَتْ: نَعْلَمُ بِهِ هَذِهِ الْوَرَغَ، فَلَمَّا تَبَعَّدَتْ أَنَّهَا كَانَتْ تَتَمَّعُ عَلَيْهِ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللهِ يَعْلَمُهُ لَهَا فِي التَّارِ، لَمْ تَجِدْ فِي الْأَرْضِ دَائِيًّا إِلَّا أَنْفَاثَ النَّارِ غَيْرَ الْوَرَغَ، فَلَمَّا كَانَتْ تَتَمَّعُ عَلَيْهِ، فَأَمَرَ رَسُولُ اللهِ يَعْلَمُهُ لَهَا

Terjemahan: Dari Sā’ibah Maulah Al-Fākiyah bahwasannya dia menemui ‘Aisyah RA dan melihat di dalam rumahnya terdapat sebuah tombak. Dia pun bertanya kepada ‘Ā’ishah RA: “Wahai Ummul Mu’mīnīn, apa yang engku lakukan dengan tombak ini?”. ‘Aisyah RA menjawab: “Untuk kami membunuh cicak-cicak. Sesungguhnya Nabi SAW pernah memberitahu kami bahawa tatkala Ibrahim AS dilemparkan ke dalam api tidak ada satupun haiwan di bumi saat itu kecuali dia akan memadamkannya kecuali cicak yang menuip-niupkan apinya. Maka Rasulullah SAW memerintahkan agar membunuhnya.” Hadith riwayat Ibn Mājah, Kitab al-Ṣid, Bāb Qatl al-Wazagh, no. Hadith 3231. Lihat Ibn Mājah al-Qazawaynī, *Sunan Ibn Mājah* (Riyadh: Maktabah al-Ma‘ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1986), 545.

<sup>521</sup> ‘Alī bin Ādām bin Mūsā al-Ityūbī al-Wallawī, *Sharḥ Sunan al-Nasā’i al-Musammā Dakhirah al-‘Uqbā fī Sharḥ al-Mujtabā* (Riyadh: Dār al-Mi’raj al-Dawliyah lil Nashr, 1996), 25: 7-8.

<sup>522</sup> Yahyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Sahīh Muslim bi Sharḥ al-Nawāwī* (Riyadh: al-Maṭba’ah al-Misriyah, 1969), 14: 239.

تَرَلَ نَبِيٌّ مِنَ الْأَنْبِيَاءَ تَحْتَ شَجَرَةً فَلَدَعَتْهُ نَمْلَةٌ فَأَمَرَ بِجَهَازِهِ فَأَخْرَجَ مِنْ تَحْتِهَا، ثُمَّ أَمَرَ بِبَيْتِهَا  
فَأُخْرِقَ بِالنَّارِ فَأُوْحَى اللَّهُ إِلَيْهِ فَهَلَّا نَمْلَةٌ وَاحِدَةً

Terjemahan: “Seorang nabi daripada nabi-nabi telah duduk dibawah sebatang pokok, dan seekor semut betina mengigitnya, maka baginda telah memerintahkan pengikutnya supaya keluar dari (kawasan) bawah pokok tersebut. Kemudian baginda memerintahkan supaya dibakar seluruh sarang semut tersebut dengan api, maka Allah SWT mewahyukan kepadanya: Adakah hanya kerana seekor semut betina?”<sup>523</sup>

Nabi SAW bersabda lagi,

عَنْ جَابِرٍ ، قَالَ: نَهَى رَسُولُ اللَّهِ عَنِ الضَّرْبِ فِي الْوَجْهِ، وَعَنِ الْوَسْمِ فِي الْوَجْهِ

Terjemahan: Dari Jābir RA katanya: “Rasullullah SAW mlarang memukul haiwan pada bahagian muka dan menyembur racun pada mukanya.”<sup>524</sup>

Mengulas nas berikut, memukul haiwan pada bahagian muka adalah dilarang kerana kepala merupakan anggota tubuh yang lembut dan sensitif. Ijma’ ulama turut mengharamkan semburan racun pada muka haiwan berdarah (*al-Ādami*) seperti keldai dan unta kerana menyeksa haiwan.<sup>525</sup> Dalam riwayat lain, baginda SAW pernah melaknat orang yang meracun *ḥimār* (keldai) pada wajahnya.<sup>526</sup>

<sup>523</sup> Hadith riwayat al-Bukhārī, Bāb Idhā Waqa‘a al-Dhubāb fī Shirāb Aḥadikum Falyaghmishu Fainna fī Aḥad Janāḥaihi Dā’ wa fī al-Ākhar Shīfā’ wa Khams Min al-Dawāb Fawāsiq Yaqtulna fī al-Ḥarām, no. Hadith 3319, dan Muslim, Kitab al-Salām, Bāb al-Nahyī ‘An Qatl al-Naml, no. Hadith 5850. *Ibid.*, no. Hadith 5851, dan Abū Dāwūd, Kitab al-Adab, Bāb fī Qatl al-Dhar, no. Hadith 5265. Lihat Abū ‘Abd Allāh Muḥammad bin Ismā‘īl al-Bukhārī, *Al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ al-Muṣnād Min Ḥadīth Rāsūllillāh wa Sunanīh wa Ayyāmih* (Kaherah: Al-Maktabah al-Salafiyyah wa Maktabatuhā, 1980), 2: 447, dan Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 2: 1076, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Mā’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 951.

<sup>524</sup> Hadith riwayat Muslim, Kitab al-Libās wa al-Zīnah, Bāb al-Nahyī ‘An Ḏarab al-Ḥayawān fī Wajhihi wa Wasmuhu fīhi, no. Hadith 5550, dan Abū Dāwūd, Kitab al-Jihād, Bāb al-Nahyī ‘An al-Wasm fī al-Wajh wa al-Ḍarab fī al-Wajh, no. Hadith 2564, dan al-Tirmidhī, Kitab al-Jihād, Bāb Mā Jā’ a fī Karāhiyah al-Taḥrīsh Baīna al-Bahā’im wa al-Ḍarab wa al-Wasm fī al-Wajh, no. Hadith 1710. Lihat Abū al-Husayn Muslim bin al-Ḥajjāj al-Qushairī al-Naysabūrī, “Ṣaḥīḥ Muslim,” dalam *Mawsū’at al-Ḥadīth al-Shārif al-Kutub al-Sittah*, ed. Sāliḥ bin ‘Abd al-Azīz Āl al-Shaykh (Riyadh: Dār al-Salām li Nashr wa al-Tawzī’, 2000), 1056, dan Abū Dāwūd Sulayman bin al-Ashath al-Sajistānī, *Sunan Abū Dāwūd* (Riyadh: al-Maktabah al-Mā’ārif lil Nashr wa al-Tawzī’, 1988), 451, dan Abū ‘Abd ‘Allah Abū ‘Isā al-Tirmidhī, *Sunan al-Tirmidhī* (Riyadh: Maktabah al-Mā’ārif li Nashr wa al-Tawzī’, 1996), 399.

<sup>525</sup> Yahyā bin Sharf Al-Nawāwī, *Al-Minhāj Sharḥ Ṣaḥīḥ Muslim* (Mesir: Dār Ihyā’ al-Turāth al-‘Arabī, 1930), 14: 97.

<sup>526</sup> *Ibid.*, 14: 96.

Bagi perbuatan menyembur racun pada wajah haiwan tidak berdarah (*ghair al-Ādami*) seperti semut dan kala jengking, Imam al-Nawāwī menghukum makruh perbuatan tersebut. Imam al-Baghawī pula tetap tidak membolehkannya, dengan merujuk kepada laksat Nabi SAW yang menunjukkan pengharaman sesuatu perbuatan.

Kesimpulannya, menyembur racun pada muka haiwan berdarah (*al-Ādami*) adalah haram. Semburan racun yang diharuskan Islam hanya pada anggota selain dari muka. Misalnya pada belakang badan unta dan lembu bertujuan membezakan haiwan ternakan. Inilah pegangan sahabat RA dan jumhur ulama. Namun, Imam Abū Hanifah tetap tidak membolehkannya dan menghukum makruh kerana menyeksakan haiwan.<sup>527</sup>

Sebaiknya, penggunaan racun untuk menangani ancaman haiwan fasiq jenis berdarah (*al-Ādami*) perlu dielakkan. Kaedah seperti menembak dan memukul lebih berkesan terhadap kelompok tersebut. Hal ini kerana racun boleh memberi kesan buruk yang menyeksakan dengan cara meresap ke dalam saluran darah dan merosakkan organ dalaman haiwan.

Bagi haiwan tidak berdarah (*ghair al-Ādami*), menyembur racun pada bahagian selain muka adalah harus. Jika menyembur racun pada bahagian muka, hukumnya makruh<sup>528</sup> dan tidak sampai kepada hukum haram. Ini mengambil kira pandangan Imam al-Nawāwī dan kesulitan dalam menangani ancaman haiwan fasiq tidak berdarah (*ghair al-Ādami*) yang kecil, licik dan sukar ditentukan bahagian yang ingin disembur racun.

Akhirnya, Islam mengutuk perbuatan membunuh mana-mana haiwan tanpa keperluan. Ini dijelaskan hadith,

---

<sup>527</sup> *Ibid.*, 14: 99-100.

<sup>528</sup> *Ibid.*, 14: 97.

عَنْ عَمِّرُو بْنِ الشَّرِيدِ ، قَالَ : سَمِعْتُ الشَّرِيدَ ، يَقُولُ : سَمِعْتُ رَسُولَ اللَّهِ يَقُولُ :
 "مَنْ قَتَلَ عُصْفُورًا عَبَثًا ، عَجَ إِلَى اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ، يَقُولُ : يَا رَبِّ ، إِنَّ فُلَانًا قَتَلَنِي عَبَثًا ، وَمَمْ لَمْ تُنْفَعَنِي"

Terjemahan: Diriwayatkan daripada ‘Amrū bin al-Sharīd katanya, aku mendengar al-Sharīd RA berkata: Aku mendengar Rasullullah SAW bersabda: “Barangsiaapa membunuh burung sia-sia, maka ia akan mengadu di hadapan Allah SWT nanti dengan berkata: “Ya Allah ya tuhanku, si fulan telah membunuhku sia-sia dan bukan untuk manfaat.<sup>529</sup>

## 2.4 JADUAL TABURAN HADITH BERKAITAN HAIWAN FASIQ DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH

Berdasarkan hadith-hadith yang telah dipilih dan dijelaskan sebelum ini, pengkaji dapat merumuskan taburan hadith-hadith berkaitan haiwan fasiq dalam *al-Kutub al-Sittah* dalam bentuk jadual di bawah,

Jadual 2.3: Taburan Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Secara Umum Dalam *al-Kutub al-Sittah* (Termasuk Jumlah Hadith Berulang)

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
1.	خَمْسٌ قَوَاسِيقٌ يُقْتَلُنَّ فِي الْحَرْمَنِ الْقَارَّةُ ، وَالْعَقْرُبُ ، وَالْحَدَيَّا ، وَالْعَرَابُ ، وَالْكَلْبُ الْعَقْوَرُ	6	16	3	2	14	3

Singkatan Abjad: B (al-Bukhāri), M (Muslim), AD (Abū Dāwūd), T (al-Tirmidhi), N (al-Nasā'i), dan IM (Ibn Mājah)

Jadual 2.4: Taburan Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Secara Khusus Dalam *al-Kutub al-Sittah* (termasuk jumlah hadith berulang)

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
Hadith-Hadith Tikus							
1.	خَرَبُوا الْأَيْتَةَ ، وَأَوْكُوا الْأَسْقِيَةَ ، وَأَجْيَمُوا الْأَبْوَابَ ، وَأَخْكُمُوا صِبَانَكُمْ	2	3	2	2	-	2
2.	الْقَارَّةُ مَسْخَعٌ وَآيَةُ ذَلِكَ	-	2	-	-	-	-

<sup>529</sup> Hadith riwayat al-Nasā'i, Kitab al-Dahyā, Bāb Man Qatala ‘Asfūran bi Ghairi Ḥaqqihā, no. Hadith 4446. Lihat Abū ‘Abd Rahmān Aḥmad bin Shu’āb bin ‘Alī al-Nasā'i, *Sunan al-Nasā'i* (Riyadh: Maktabah al-Mā’arif li al-Nashr wa al-Tawzī', 1988), 682. Namun begitu, hadith ini dinilai ḥāfi oleh Imam al-Albāni oleh kerana terdapat ramai perawi lemah dalam sanadnya.

3.	عن الدَّابَّةِ مُؤْتُ في الرَّيْتِ وَالشَّنْ وَهُوَ جَامِدٌ أَوْ غَيْرُ جَامِدٍ الْفَارَّةُ أَوْ غَيْرُهَا	5	-	2	1	3	-
<b>Hadith-Hadith Kala Jengking</b>							
1.	لَعْنَ اللَّهِ الْعَفْرَبُ مَا تَدْعُ الْمُصَّالِي	-	-	-	-	-	2
2.	حَمَاءٌ رَجُلٌ إِلَى الْتَّبِيِّ فَقَالَ : يَا رَسُولَ اللَّهِ، مَا لَقِيتُ مِنْ عَفْرَبٍ لَدَعْنِي الْبَارِحةَ	-	2	2	-	-	1
3.	رَجَّصَ رَسُولُ اللَّهِ فِي الْفَقِيْهِ مِنَ الْحَيَّةِ وَالْعَفْرَبِ	-	-	-	-	-	1
4.	يَا رَسُولَ اللَّهِ، إِنَّكَ نَهَيْتَ عَنِ الرَّفِيْقِ، وَأَنَا أَرْقِي مِنَ الْعَفْرَبِ	-	3	-	-	-	-
5.	اَقْتُلُو اَلْأَسْوَدِينَ فِي الصَّلَاةِ : الْحَيَّةُ وَالْعَفْرَبُ	-	-	1	1	2	1
<b>Hadith-Hadith Burung Helang</b>							
1.	حَمْسٌ فَوْسَقٌ يُقْتَلُنَّ فِي الْحَيَّلِ وَالْفَرْمَ : الْمَيَّادَةُ ، وَالْغَرَابُ	-	-	-	-	2	-
2.	نَهَيَ رَسُولُ اللَّهِ عَنْ كُلِّ ذِي نَعْبُدِ مِنَ السَّبِيعِ	-	3	2	-	1	1
<b>Hadith-Hadith Burung Gagak</b>							
1.	مِنْ يَأْكُلُ الْغَرَابَ ، وَقَدْ سَمَّاهُ رَسُولُ اللَّهِ فَاسِفًا	-	-	-	-	-	2
2.	نَهَيَ رَسُولُ اللَّهِ عَنْ نَفْرَةِ الْغَرَابِ ، وَافْتَرَاثِ السَّبِيعِ	-	-	1	-	1	1
<b>Hadith-Hadith Anjing</b>							
1.	لَوْلَا أَنَّ الْكِلَابَ أُمَّةٌ مِنَ الْأُمَمِ لَأَمْرَثَ بِقَتْلِهَا كُلَّهَا	-	-	1	2	1	1
2.	إِذَا وَلَعَ الْكَلْبُ فِي إِنَاءِ أَخْدِيمِكُمْ	-	6	3	1	10	4
3.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ : " أَمْرَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ "	3	8	1	2	3	3
4.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ : " أَمْرَ بِقَتْلِ الْكِلَابِ "	3	3	1	3	-	2
<b>Hadith-Hadith Ular</b>							
1.	اَقْتُلُو الْحَيَّاتِ وَاقْتُلُوا ذَا الْطَّفَيْيَيْنِ وَالْأَيْتَرِ	4	6	2	1	-	2
2.	مَا سَأَلَنَّا مُنْذَ حَارَبَنَا، وَمَنْ تَرَكَ شَيْئًا مِنْهُنَّ حَيَّةً	-	-	3	-	1	-
3.	إِذَا ظَهَرَتِ الْحَيَّةُ فِي الْمَسْكِنِ، فَقُولُوا لَهَا : إِنَّا نَسْأَلُكَ بِعَهْدِ دُورِح	-	-	1	1	-	-
4.	إِنَّ بِالْمَدِيْنَةِ نَفَرَّا مِنَ الْجَرِحِ قَدْ أَسْلَمُوا، فَعَنْ رَأْيِ شَيْئًا مِنْ هَذِهِ الْعَوَامِ	-	2	4	1	-	-
<b>Hadith-Hadith Cicak</b>							
1.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ قَالَ : " لِلْوَزَعِ الْمُؤْسِسَةُ "	2	1	-	-	1	1
2.	أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ : " أَمْرَ بِقَتْلِ الْوَزَعِ ، وَقَالَ : كَانَ يَنْفَعُ عَلَى إِبْرَاهِيمَ عَلَيْهِ السَّلَامُ	1	-	-	-	1	1
3.	أَنَّ النَّبِيِّ : " أَمْرَكَا بِقَتْلِ الْأَوْزَاعِ "	1	3	1	-	1	1

Singkatan Abjad: B (al-Bukhāri), M (Muslim), AD (Abū Dāwūd), T (al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī), dan IM (Ibn Mājah).

Jadual 2.5: Taburan Hadith-Hadith Pendekatan Dan Interaksi Terhadap Haiwan Fasiq Dalam *al-Kutub al-Sittah* (termasuk jumlah hadith berulang)

Bil	Matan Hadith	Hadith Dalam <i>al-Kutub al-Sittah</i>					
		B	M	AD	T	N	IM
1.	مَنْ قُتِلَ وَرَزَّهُ فِي أَوَّلِ ضَرْبَةِ، فَلَهُ كَدَا وَكَدَا حَسْنَةٌ،	-	3	2	1	-	1
2.	لَا ضَرَرٌ وَلَا ضِيَازٌ	-	-	-	-	-	2
3.	إِنَّ اللَّهَ كَتَبَ الْإِحْسَانَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ، فَإِذَا قَتَلْتُمْ فَأَخْسِنُوا الْقِتَلَةَ	-	2	1	1	5	1
4.	نَبَلَتِي مِنَ الْأَيْبَرِيَاءِ تَحْتَ شَجَرَةِ فَلَدَعَتْهُ	1	2	1	-	-	-
5.	مَنْ قُتِلَ غَصْفُورًا عَنْهَا، عَجَّ إِلَى اللَّهِ يَوْمَ الْقِيَامَةِ،	-	-	-	-	1	-
6.	نَهَيَ رَسُولُ اللَّهِ عَنِ الضرِّبِ فِي الْوَجْهِ، وَعَنِ الْوُسْمِ فِي الْوَجْهِ	-	1	1	1	-	-


Singkatan Abjad: B (al-Bukhāri), M (Muslim), AD (Abū Dāwūd), T (al-Tirmidhī), N (al-Nasā'ī), dan IM (Ibn Mājah).

Jumlah hadith berhubung haiwan fasiq ialah sebanyak 30 buah hadith. Berdasarkan keseluruhan hadith dan perbahasan sebelum ini, skop perbahasan berkaitan haiwan fasiq tertakluk kepada tiga bahagian iaitu **[Pertama]** Kelompok haiwan fasiq dalam Islam, **[Kedua]** Sifat dan keburukan setiap jenis haiwan fasiq, **[Ketiga]** Pendekatan dan kaedah interaksi dengan haiwan fasiq (haiwan perosak).


Misalnya, hadith pertama jelas menceritakan mengenai enam jenis haiwan fasiq (haiwan perosak) utama iaitu tikus, kala jengking, helang, gagak, anjing dan ular di samping hadith kelapan yang turut menyebutkan cicak sebagai haiwan fasiq yang boleh dibunuh. Pendekatan Nabi SAW menjadi sandaran pengkaji dalam mencari keburukan dan ‘illah (penyebab) gelaran fasiq pada setiap jenis haiwan tersebut termasuk hukum hakam berkaitan. Dalam hadith kesembilan dinyatakan cara membunuh cicak yang menjadi sandaran pengkaji dalam membentuk prinsip dan kaedah berinteraksi dengan haiwan fasiq.

Seterusnya, pengkaji turut memperincikan perbahasan dengan meneliti taburan hadith-hadith berkaitan haiwan fasiq. Analisis ini penting untuk melihat jumlah hadith dalam setiap kitab hadith. Himpunan rajah di bawah dapat memberikan penjelasan ringkas dan padat tentang taburan hadith-hadith haiwan fasiq secara umum dan khusus dalam *al-Kutub al-Sittah*.


Rajah 2.0: Taburan Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Secara Umum Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.1: Taburan Hadith-Hadith Khusus Tentang Tikus Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.2: Taburan Hadith-Hadith Khusus Tentang Kala Jengking Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.3: Taburan Hadith-Hadith Khusus Tentang Helang Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.4: Taburan Hadith-Hadith Khusus Tentang Gagak Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.5: Taburan Hadith-Hadith Khusus Tentang Anjing Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.6: Taburan Hadith-Hadith Khusus Tentang Ular Dalam *al-Kutub al-Sittah*



Rajah 2.7: Taburan Hadith-Hadith Khusus Tentang Cicak Dalam *al-Kutub al-Sittah*



Rajah 2.8: Taburan Hadith-Hadith Interaksi Terhadap Haiwan Fasiq Dalam *al-Kutub al-Sittah*




## **2.5 PERAWI HADITH-HADITH HAIWAN FASIQ DALAM *AL-KUTUB AL-SITTAH***


Merujuk kepada analisis terhadap perawi yang dijalankan, pengkaji dapat mengetahui perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith berkenaan haiwan fasiq. Ini sekaligus memudahkan pencarian hadith-hadith berkaitan haiwan fasiq (haiwan perosak) dengan hanya mengenalpasti perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith tersebut.

Selanjutnya, pengkaji turut dapat menyimpulkan daripada analisis perawi yang dinyatakan, dikenalpasti riwayat-riwayat lain terutama *syawāhid* dan *mutāba‘at* bagi hadith-hadith haiwan fasiq. Taraf sesuatu hadith juga dapat dikenal pasti dengan lebih mudah dengan hanya merujuk kepada perawi hadith-hadith haiwan fasiq yang akan dilihat kesinambungannya pada analisis taraf hadith-hadith haiwan fasiq.


Rajah 2.9: Taburan Perawi Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Secara Umum Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.10: Taburan Perawi Hadith-Hadith Khusus Tentang Tikus Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.11: Taburan Perawi Hadith-Hadith Khusus Tentang Kala Jengking Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.12: Taburan Perawi Hadith-Hadith Khusus Tentang Helang Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.13: Taburan Perawi Hadith-Hadith Khusus Tentang Gagak Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.14: Taburan Perawi Hadith-Hadith Khusus Tentang Anjing Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.15: Taburan Perawi Hadith-Hadith Khusus Tentang Ular Dalam *al-Kutub al-Sittah*



Rajah 2.16: Taburan Perawi Hadith-Hadith Khusus Tentang Cicak Dalam *al-Kutub al-Sittah*



Rajah 2.17: Taburan Perawi Hadith-Hadith Interaksi Terhadap Haiwan Fasiq Dalam *al-Kutub al-Sittah*



Daripada rajah di atas, dapat disimpulkan bahawa pada [Rajah 2.9]: Perawi yang banyak meriwayatkan hadith haiwan fasiq (haiwan perosak) secara umum ialah ‘Ā’ishah dan ‘Abd Allāh Ibn ‘Umar RA dengan masing-masing sebanyak lapan belas (18) riwayat daripada empat puluh empat (44) riwayat hadith.

Manakala hadith haiwan fasiq secara khusus iaitu bermula dari [Rajah 2.10]: Perawi yang banyak meriwayatkan hadith tikus ialah Maimūnah dan Jābir Ibn ‘Abdillah RA dengan masing-masing sebanyak sembilan (9) riwayat daripada dua puluh empat (24) riwayat hadith. [Rajah 2.11]: Perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith kala

jengking pula ialah Abū Hurairah RA dengan sembilan (9) riwayat dari enam belas (16) riwayat hadith.


Seterusnya, [Rajah 2.12]: Perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith helang ialah Ibn ‘Abbās RA dengan tujuh (7) riwayat daripada sembilan (9) riwayat hadith. [Rajah 2.13]: Perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith gagak ialah ‘Abd al-Rahmān bin Shibl RA dengan tiga (3) riwayat daripada lima (5) riwayat hadith. [Rajah 2.14]: Perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith anjing ialah Abū Hurairah RA dengan tujuh belas (17) riwayat daripada enam puluh satu (61) riwayat hadith.

Bagi [Rajah 2.15]: Perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith ular ialah Abd Allāh Ibn ‘Umar RA dengan sembilan (9) riwayat daripada dua puluh lapan (28) riwayat hadith. [Rajah 2.16]: Perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith cicak ialah ‘Ā’ishah dan Ummu Sharīk RA dengan masing-masing lima (5) riwayat daripada lima belas (15) riwayat hadith. Akhirnya, [Rajah 2.17]: Perawi yang paling banyak meriwayatkan hadith berkenaan interaksi antara manusia dan haiwan fasiq ialah Abū Hurairah RA dengan sebelas (11) riwayat dari tiga puluh tujuh (37) riwayat hadith.

## **2.6 TARAF HADITH-HADITH HAIWAN FASIQ DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH**

Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji dapat menyatakan pada [Rajah 2.18]: yang menyatakan semua empat puluh empat (44) riwayat hadith umum berkaitan haiwan fasiq dari lima (5) perawi berbeza. Empat puluh (40) daripadanya bertaraf sahih, satu (1) hasan dan tiga (3) da‘if riwayat Abū Sa‘īd al-Khudrī RA. Ini boleh dilihat pada rajah berikut:-

Rajah 2.18: Taburan Taraf Hadith-Hadith Haiwan Fasiq Secara Umum Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Seterusnya, pada [Rajah 2.19]: Daripada dua puluh empat (24) hadith berkaitan tikus, dua puluh tiga (23) daripadanya bertaraf sahih dan satu (1) da‘if dari riwayat Abū Sa‘īd al-Khudrī RA. Pada [Rajah 2.20]: Daripada enam belas (16) hadith berkaitan kala jengking, empat belas (14) daripadanya bertaraf sahih dan dua (2) da‘if dari riwayat Abū Hurairah dan Aslam Abū Rāfi’ RA dalam Sunan Abū Dāwūd dan Ibn Mājah. Bagi [Rajah 2.21]: Kesemua sembilan (9) hadith berkaitan burung helang adalah sahih.


Pada [Rajah 2.22] pula: Daripada lima (5) hadith gagak, dua (2) daripadanya sahih dan tiga (3) hadith hasan dari riwayat Abd al-Rahmān bin Shibl RA. Manakala [Rajah 2.23]: enam puluh (60) hadith khusus mengenai anjing bertaraf sahih dan satu (1) hasan dari riwayat ‘Ā’ishah RA dalam Sunan Ibn Mājah. Dalam [Rajah 2.24] pula: dua puluh dua (22) hadith tentang ular adalah sahih, tiga (3) hasan dan tiga (3) da‘if masing-masing dari dua (2) riwayat Abū Lailā (Dāwūd bin Bilāl) dan satu (1) riwayat Abū Sa‘īd al-Khudrī RA.

Pada [Rajah 2.25] yang menyentuh hadith tentang cicak, semua lima belas (15) hadith adalah sahih. Akhirnya, [Rajah 2.26]: dua puluh enam (26) hadith adalah sahih dan satu (1) da‘if dari riwayat Al-Sharīd bin Sawīd RA dalam Sunan al-Nasā’i. Rumusan analisis taraf hadith boleh dilihat dalam himpunan rajah berikut:-

Rajah 2.19: Taburan Taraf Hadith-Hadith Khusus Tentang Tikus Dalam *al-Kutub al-Sittah*



Rajah 2.20: Taburan Taraf Hadith-Hadith Khusus Tentang Kala Jengking Dalam *al-Kutub al-Sittah*



Rajah 2.21: Taburan Taraf Hadith-Hadith Khusus Tentang Helang Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.22: Taburan Taraf Hadith-Hadith Khusus Tentang Gagak Dalam *al-Kutub al-Sittah*




Rajah 2.23: Taburan Taraf Hadith-Hadith Khusus Tentang Anjing Dalam *al-Kutub al-Sittah*

**TABURAN TARAF HADITH ANJING DALAM  
AL-KUTUB AL-SITTAH**




Rajah 2.24: Taburan Taraf Hadith-Hadith Khusus Tentang Ular Dalam *al-Kutub al-Sittah*

**TABURAN TARAF HADITH ULAR DALAM  
AL-KUTUB AL-SITTAH**




Rajah 2.25: Taburan Taraf Hadith-Hadith Khusus Tentang Cicak Dalam *al-Kutub al-Sittah*

**TABURAN TARAF HADITH CICAK DALAM  
AL-KUTUB AL-SITTAH**



Rajah 2.26: Taburan Taraf Hadith-Hadith Interaksi Terhadap Haiwan Fasiq Dalam *al-Kutub al-Sittah*

**TABURAN TARAF HADITH INTERAKSI TERHADAP  
HAIWAN FASIQ DALAM AL-KUTUB AL-SITTAH**



## 2.7 PENDEKATAN DAN INTERAKSI TERHADAP HAIWAN FASIQ MENURUT HADITH NABI SAW

Berdasarkan perbincangan terdahulu, pengkaji dapat membentuk satu “*standard*” khusus berhubung pendekatan dan kaedah Rasullullah SAW berinteraksi dengan kelompok haiwan fasiq (haiwan perosak).

Keseluruhannya, pengkaji membahagikan pendekatan dan kaedah tersebut kepada dua bahagian iaitu **[Pertama]**: Pendekatan dalam mengenalpasti haiwan fasiq (haiwan perosak) dan jenis-jenisnya. **[Kedua]**: Pendekatan dalam interaksi manusia terhadap haiwan fasiq (haiwan perosak). Pendekatan dan kaedah interaksi tersebut telah dirumuskan pengkaji seperti berikut:-

Jadual 2.6: Pendekatan Dalam Mengenalpasti Spesies Haiwan Fasiq

Haiwan Fasiq	Tabiat/Sifat	Spesies Haiwan Lain Sama Tabiat/Sifat (Haiwan Perosak)
<b>Tikus</b>	Pengotor Penyebar Penyakit Memotong-motong dan merosak harta benda Merosak hasil tanaman manusia	Lipas Belalang Juta Burung Quelea paruh merah Tupai Gajah Siput Babi Khinzir Anai-anai
<b>Kala Jengking</b>	Berbisa Memudarangkan manusia Berupaya membunuh	Lipan Tebuan Penyengat Labah-labah berbisa
<b>Burung Gagak</b>	Pengotor Pemakan bangkai Pembawa penyakit Mengganggu manusia dengan bunyi yang bising Mencuri dan merampas makanan manusia	Burung hering Monyet Kera
<b>Burung Helang</b>	Ganas Menyambar dengan kuku tajam Mengancam haiwan ternakan manusia	Musang Biawak Babun

<b>Anjing</b>	Bengis Pembawa Penyakit Mengancam manusia dan haiwan ternakan dengan gigi dan taring yang kuat Boleh menyebabkan kematian serta merta	Anjing liar Harimau Harimau kumbang Harimau bintang Serigala Beruang Singa Buaya Aligator Ikan jerung Piranha
<b>Ular</b>	Berbisa Memusuhi manusia Boleh menyebabkan kematian serta merta	Semua jenis ular berbisa seperti ular tedung, ular mamba hitam dan ular kapak Ular yang tidak mempunyai bisa tapi menggigit dengan gigi tajam seperti ular sawa dan anaconda hijau (spesies ular terbesar di dunia)
<b>Cicak</b>	Haiwan kecil yang gemar mengganggu manusia Suka membuang najis merata-rata Pembawa virus dan bakteria merbahaya	Virus Bakteria Pijat Kutu Nyamuk Lalat


Mengenal haiwan fasiq dan jenis seumpamanya merupakan piawaian utama dalam hal ini. Haiwan fasiq (haiwan perosak) dikenalpasti berdasarkan empat dasar utama iaitu: **[Pertama]**: Haiwan yang mengganggu kesejahteraan hidup manusia (melampaui batas). **[Kedua]**: Haiwan yang mengancam nyawa dan kesihatan manusia. **[Ketiga]**: Haiwan yang merosakkan harta benda (membuat kemusnahan dan kerosakan). **[Keempat]**: Haiwan yang mengancam haiwan ternakan dan tanaman.<sup>530</sup>

Dengan memahami sifat-sifat haiwan fasiq, langkah mengenalpasti, mencegah dan menangani ancaman kelompok haiwan perosak dan seumpama dapat dilakukan dengan lebih berkesan. Ini sekaligus mengelakkan sebarang kekeliruan yang boleh menyebabkan kepupusan haiwan yang tidak terlibat dan menyumbang kepada ketidakstabilan ekosistem.

<sup>530</sup> Perbahasan terhadap pendekatan dalam mengenalpasti sifat-sifat haiwan fasiq ini telah dijelaskan pengkaji ketika membahaskan Hadith Pertama yang membincarakan tentang maksud fasiq dan ‘illah (penyebab) pada haiwan sehingga digelar fasiq. Rujuk perbahasan Hadith Pertama.

Selanjutnya, berhubung pendekatan dan interaksi manusia terhadap haiwan fasiq secara umum dan khusus, pengkaji telah merumuskan hasil perbahasan pada halaman seterusnya;

Rajah 2.27: Pendekatan Umum Dalam Interaksi Manusia Terhadap Haiwan Fasiq



Rajah 2.28: Pendekatan Khusus Dalam Interaksi Manusia Terhadap Haiwan Fasiq<sup>531</sup>

- |   |   |
|---|---|
|    | Harus membunuh semua spesies tikus yang memudaratkan<br>Dilarang membunuh tikus kecil kerana belum mampu mengancam manusia  |
|    | Harus membunuh semua jenis kala jengking<br>Boleh membunuh kala jengking sama ada besar atau kecil oleh kerana sudah memiliki bisa sejak lahir dan mampu mengancam manusia<br>Boleh membunuh kala jengking di mana-mana sekalipun ketika solat. |
|    | Harus Membunuh helang pemakan daging dewasa<br>Dilarang membunuh helang kecil   |
|   | Dbolehkan membunuh semua jenis gagak <i>al-Abqa'</i><br>Dilarang membunuh gagak kecil<br>Dilarang membunuh gagak pemakan biji-bijian  |
|  | Dbolehkan membunuh anjing hitam<br>(anjing liar / buas / berpenyakit)<br>Dilarang membunuh anak anjing<br>Dilarang membunuh anjing jinak/peliharaan/terlatih seligimana mempunyai manfaat   |
|  | Dbolehkan membunuh semua jenis ular<br>Dbolehkan membunuh ular kecil yang berbahaya<br>Dilarang membunuh ular rumah kecuali selepas indhar<br>Ular di luar rumah boleh dibunuh di mana-mana sahaja  |
|  | Dbolehkan membunuh cicak rumah dan tokek<br>(tergolong dalam kalangan <i>al-Wazagh</i> )  |

<sup>531</sup> Perbahasan terhadap pendekatan dalam interaksi manusia terhadap haiwan fasiq ini telah dijelaskan oleh pengkaji ketika membahaskan Hadith Kedua hingga Hadith Kelapan yang menjelaskan tentang hukum dalam membunuh setiap jenis haiwan fasiq secara khusus bermula dari tikus sehingga cicak. Rujuk perbahasan Hadith Kedua hingga Hadith Kelapan dalam bab kedua.

## **2.8 PENUTUP**

Berdasarkan kepada usaha pengkaji memilih, menyenaraikan dan menganalisis hadith-hadith berkaitan haiwan fasiq (haiwan perosak) dan kaedah interaksi dengannya dalam *al-Kutub al-Sittah*, dapat dinyatakan bahawa keseluruhan hadith yang dikumpulkan berkaitan tajuk ini adalah terdiri daripada tiga puluh (30) buah hadith. Daripada tiga puluh (30) buah hadith tersebut, telah dibentuk pendekatan dalam usaha mengenalpasti haiwan fasiq, perkaitannya dengan haiwan perosak dan pendekatan terbaik dalam rangka interaksi antara manusia dengan haiwan fasiq.

Oleh itu, jelas apa yang diucapkan Rasullullah SAW itu benar, tepat dan praktikal sepanjang zaman. Inilah harta paling bernilai kepada umat Islam. Hal ini kerana segala yang dianjurkan Rasullullah SAW berkait rapat dengan kesejahteraan manusia dan tidak terkecuali turut memelihara hak-hak haiwan dari penindasan. Hasilnya dapat mewujudkan hubungan sesama makhluk yang lebih harmoni.